

3 Prestasi Ekonomi dan Prospek



Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Ekonomi terus berkembang

Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang lebih mencabar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan 4.4% dalam tempoh separuh pertama 2011. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan oleh eksport yang perlahan berikutan prestasi ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih rendah daripada jangkaan, krisis hutang berdaulat euro yang semakin berlarutan, gangguan rantai bekalan kesan daripada gempa bumi dan tsunami di Jepun serta peningkatan inflasi global. Pertumbuhan yang sederhana ini juga disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas pertumbuhan ekonomi yang tinggi memandangkan KDNK berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 9.5% dalam tempoh yang sama pada 2010. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2011, dipacu oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan dan pelaburan swasta yang kukuh. Pertumbuhan ini juga akan disokong oleh projek infrastruktur awam yang rancak serta eksport komoditi dan barangan pembuatan berasaskan sumber yang kekal kukuh. Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar 5% hingga 5.5% pada 2011 (2010: 7.2%).

Dari sudut permintaan, pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang mampan diperkukuh oleh aktiviti pelaburan yang teguh. Perbelanjaan pengguna dijangka mencatat pertumbuhan kukuh disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan pekerjaan yang stabil. Harga komoditi pertanian yang kekal kukuh juga akan menyokong perbelanjaan isi rumah luar bandar. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka terus kukuh dirangsang oleh

peluang perniagaan daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pelaburan yang berterusan dalam industri yang berkaitan dengan teknologi, perkhidmatan dan berasaskan sumber. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang rancak dalam tempoh separuh pertama 2011 (RM21.2 bilion) dijangka berterusan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif utama Kerajaan seperti insentif cukai dan langkah liberalisasi untuk menarik pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas serta perkhidmatan. Perbelanjaan awam dijangka terus menyokong aktiviti ekonomi dengan pengembangan perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Dari sudut penawaran, semua sektor kecuali perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan yang positif. Sektor perlombongan dijangka merosot disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Seiring dengan penggunaan swasta yang teguh, sektor perkhidmatan diunjurkan berkembang kukuh dengan prestasi yang menggalakkan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta komunikasi. Walaupun output elektrik dan elektronik (E&E) dan kelengkapan pengangkutan merosot dalam tempoh separuh pertama 2011, sektor pembuatan dijangka merekodkan pertumbuhan positif disokong oleh output industri berkaitan pembinaan dan berasaskan sumber yang kukuh. Sementara itu, sektor pertanian yang merosot dalam tempoh suku pertama 2011, dijangka kembali cergas dalam tempoh separuh kedua 2011 dipacu oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit dan getah serta komoditi makanan. Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka didokong oleh aktiviti pembinaan yang lebih tinggi bagi segmen kediaman dan projek kejuruteraan awam yang rancak dalam tempoh separuh kedua 2011.

JADUAL 3.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor 2010 – 2012

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2010	2011 ¹	2012 ²	2010	2011 ¹	2012 ²	2010	2011 ¹	2012 ²
Pertanian	2.1	4.7	4.1	7.3	7.3	7.2	0.2	0.3	0.3
Perlombongan	0.2	-2.4	2.5	7.0	6.5	6.3	0.0	-0.2	0.2
Pembuatan	11.4	4.5	4.5	27.6	27.5	27.2	3.0	1.3	1.2
Pembinaan	5.1	3.4	7.0	3.3	3.2	3.2	0.2	0.1	0.2
Perkhidmatan	6.8	6.4	6.5	57.7	58.4	58.9	3.9	3.7	3.8
Tolak: FISIM yang tidak diagihkan ³	5.8	6.4	6.2	4.1	4.2	4.2	0.2	0.3	0.3
Tambah: Duti import	9.6	13.2	1.6	1.3	1.4	1.3	0.1	0.2	0.0
KDNK	7.2	5.0–5.5	5.0–6.0	100.0	100.0	100.0	7.2	5.0–5.5	5.0–6.0

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Perkhidmatan Perantaraan Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Imbangan pembayaran (BOP) dijangka kekal kukuh pada 2011 dengan lebih akaun semasa yang lebih tinggi sebanyak RM89.3 bilion atau 10.9% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK), disokong oleh lebih akaun barangan. Walaupun import akan terus meningkat sejajar dengan penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan yang lebih mantap, lebih perdagangan dijangka berkembang lebih besar didorong oleh hasil eksport yang lebih tinggi dan harga komoditi yang kukuh. Dalam akaun kewangan, aliran masuk FDI dijangka terus stabil, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta inisiatif transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Seiring dengan perkembangan aktiviti ekonomi pada tahun 2011, pendapatan negara seperti yang diukur berdasarkan PNK dianggar berkembang 10.9% kepada RM820.2 bilion dengan pendapatan per kapita meningkat 9.7% kepada RM28,725 (2010: 11.1%; RM739.5 bilion, 9.7%; RM26,175).

Oleh itu, pendapatan nominal per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) dijangka meningkat 17.1% kepada USD16,529 pada 2011 (2010: 5.2%; USD14,110).

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan memacu pertumbuhan

Dalam tempoh separuh pertama 2011, **sektor perkhidmatan** berkembang 6.4% (Januari – Jun 2010: 8%) disokong oleh penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan yang kukuh. Prestasi yang memberangsangkan ini turut disumbang oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan ETP. Selaras dengan perkembangan ini, sektor perkhidmatan dianggar meningkat 6.4% dan kekal menerajui pertumbuhan, merangkumi

JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan 2010 – 2012

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Sumbangan kepada KDNK (%)		
	2010	2011 ¹	2012 ²	2010	2011 ¹	2012 ²
Perkhidmatan perantara						
Pengangkutan dan penyimpanan	6.9	5.1	6.7	3.8	3.8	3.8
Komunikasi	8.5	7.9	7.9	4.2	4.4	4.5
Kewangan dan insurans	6.4	6.3	6.8	11.7	11.8	12.0
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	7.8	6.8	5.7	5.5	5.6	5.6
Perkhidmatan akhir						
Utiliti (elektrik, air dan gas)	8.2	3.1	4.8	3.0	3.0	2.9
Perdagangan borong dan runcit	8.0	7.4	6.9	13.6	13.9	14.1
Penginapan dan restoran	5.0	6.0	6.9	2.4	2.5	2.5
Perkhidmatan lain	4.0	4.4	5.7	5.9	5.8	5.8
Perkhidmatan kerajaan	5.8	7.6	5.6	7.5	7.7	7.7
Jumlah	6.8	6.4	6.5	57.7	58.4	58.9

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

58.4% daripada KDNK pada 2011 (2010: 6.8%; 57.7%). Kumpulan **perkhidmatan pengantara** dijangka berkembang 6.5% (2010: 7.2%) disokong oleh subsektor kewangan dan insurans serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dianggar meningkat 6% (2010: 6.8%) dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran.


Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 7.1% (Januari – Jun 2010: 9.2%) disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh seiring dengan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan pendapatan boleh guna yang mampan. Ini digambarkan oleh indeks perdagangan edaran yang meningkat 15.9% kepada 151.3 mata (Januari – Jun 2010: 13.4%; 130.5 mata) dengan indeks perdagangan borong

bertambah 19.2% dan runcit 7.8% (Januari – Jun 2010: 13.8%; 10.3%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, penunjuk perbelanjaan lain seperti import barangan penggunaan meningkat 12.8% dan perbelanjaan kad kredit 11.8% (Januari – Julai 2010: 13.4%; 15.9%). Walau bagaimanapun, jualan kenderaan bermotor menurun 3% (Januari – Julai 2010: 16.2%) berikutan gangguan rantaian bekalan akibat bencana gempa bumi dan tsunami di Jepun pada bulan Mac.

Pertumbuhan subsektor ini dijangka kekal menggalakkan dengan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan subsektor ini kepada ekonomi negara. Antara usaha utama Kerajaan termasuk menambah bilangan kedai berformat besar seperti pasar raya besar, *superstore* dan *departmental store*. Sehingga akhir Ogos 2011, sejumlah 166 pasar raya besar,

CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan


¹ Anggaran.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan, tujuh pelabuhan utama, Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Senai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

superstore dan *departmental store* (akhir Ogos 2010: 148) milikan asing sedang beroperasi di Malaysia. Selain daripada itu, Kerajaan telah memperkenalkan program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Di bawah program ini, beberapa peruncit berformat besar terpilih akan membantu peruncit kecil bagi menaik taraf reka bentuk dan susun atur premis, termasuk penyediaan rak produk yang lebih menarik dan pencahayaan yang lebih baik serta sistem *point-of-sales* untuk mengurus inventori produk. Sehingga akhir Ogos 2011, sejumlah 258 kedai telah dimodenkan di bawah program TUKAR, sementara baki 242 kedai lagi dijangka siap menjelang akhir tahun. Bagi meringankan beban rakyat di kawasan bandar, Kerajaan telah melancarkan Kedai Rakyat 1Malaysia berformat pasar mini yang membekalkan 250 barang runcit pada harga yang lebih rendah. Selaras dengan perkembangan tersebut, subsektor ini dijangka berkembang 7.4% pada 2011 (2010: 8%).

Subsektor penginapan dan restoran meningkat 4.9% (Januari – Jun 2010: 5.7%) disokong oleh penyertaan kumpulan hotel antarabangsa serta pengembangan rancak perniagaan restoran, terutamanya kedai makanan segera. Pada akhir Jun 2011, penawaran bilik hotel telah meningkat 3.6% kepada 171,130 (akhir Jun 2010: 3.5%; 165,247) dengan 18.5% terdapat di Kuala Lumpur. Kadar purata penginapan hotel mencapai 51.3% (Januari – Jun 2010: 54.7%) dengan kadar tertinggi sebanyak 69.4% dicatatkan di Kuala Lumpur (Januari – Jun 2010: 75.4% di Pahang). Pada tahun 2011, subsektor ini dijangka berkembang 6% (2010: 5%) berikutan perbelanjaan penggunaan domestik yang kukuh dan peningkatan aktiviti berkaitan perjalanan. Jumlah perbelanjaan pelancong untuk penginapan serta makanan dan minuman dijangka mencecah RM29.2 bilion (2010: RM27.1 bilion), dengan penginapan merangkumi 30.7% daripada jumlah pendapatan pelancongan, manakala makanan dan minuman 17.2%.

Selaras dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah barangan mewah dan menarik pelaburan berjenama

mewah utama, Kerajaan telah mengecualikan duti import ke atas 300 barangan seperti beg tangan, minyak wangi, kasut dan pakaian. Di samping itu, pembukaan Johor Premium Outlet di Kulaijaya pada November 2011 yang menawarkan pelbagai pilihan barangan berjenama pada harga diskaun dijangka mampu menarik lebih banyak pembeli tempatan dan asing. Melalui inisiatif ini, perbelanjaan membeli-belah oleh pelancong dijangka meningkat kepada RM17.5 bilion (2010: RM16.2 bilion). Sehubungan dengan itu, jumlah perbelanjaan pelancong dianggar terus meningkat dengan purata perbelanjaan per kapita sebanyak RM2,411 pada 2011 (2010: RM2,299).

Industri pelancongan dijangka kekal sebagai industri yang berdaya tahan serta menjana hasil yang tinggi berikutan kerancakan aktiviti promosi melalui kaedah pengiklanan baharu seperti pengiklanan media sosial dan mudah alih. Pada tahun 2011, ketibaan pelancong dianggar mencecah 25.3 juta (2010: 24.6 juta). Sementara itu, usaha berterusan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan lagi bahagian pasaran global industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) yang semakin berkembang. Jumlah bilangan pelawat MICE dijangka meningkat kepada 1.3 juta yang mampu menjana pendapatan RM10.8 bilion (2010: 1.28 juta; RM10.6 bilion). Kerajaan juga telah mempergiatkan promosi program Malaysia Rumah Kedua (MM2H) bagi menarik lebih banyak warga asing untuk menetap dan melabur di Malaysia. Sejak pelancarannya pada 2002 sehingga akhir Ogos 2011, program MM2H telah berjaya menarik 16,102 peserta, terutamanya dari negara China (2,653), Bangladesh (1,967) dan United Kingdom (UK) (1,728).

Subsektor kewangan dan insurans dijangka berkembang 6.3% pada 2011 (2010: 6.4%) disokong oleh permintaan pembiayaan kewangan yang lebih tinggi daripada segmen isi rumah dan perniagaan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, permohonan pinjaman bertambah 23.1% sementara kelulusan pinjaman berkembang 20.1% dan pengeluaran pinjaman 8.2% (Januari – Julai 2010: 18.8%; 19%; 15.1%). Sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman disalurkan untuk

modal kerja, merangkumi RM235.8 bilion atau 79% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan (Januari – Julai 2010: RM225.5 bilion; 80.2%). Di samping itu, pembiayaan kewangan Islam meningkat 16.8% kepada RM246.8 bilion, merangkumi 23.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir Julai 2011 (akhir Julai 2010: 26%; RM211.3 bilion; 22.5%). Pertumbuhan subsektor ini juga disokong oleh aktiviti insurans yang lebih tinggi berikutan peningkatan permintaan untuk produk berkaitan pelaburan serta pengembangan perniagaan bankasurans dan takaful. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, jumlah premium bersih insurans hayat meliputi perniagaan yang baharu dan masih berkuat kuasa berkembang 4.6% kepada RM12.7 bilion (Januari – Julai 2010: 12.9%; RM12.2 bilion), manakala premium langsung kasar insurans am meningkat 7.1% kepada RM8.4 bilion (Januari – Julai 2010: 9.2%; RM7.9 bilion). Langkah untuk mewajibkan semua pekerja asing mendapatkan perlindungan insurans perubatan berkuatkuasa 1 Januari 2011 dijangka merancakkan lagi industri insurans.

Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dianggarkan meningkat 6.8% pada 2011 (2010: 7.8%) dirangsang oleh kerancakan aktiviti harta tanah dan pasaran ekuiti serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang kukuh. Subsektor ini berkembang 8.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 8.2%) dengan bilangan transaksi harta tanah meningkat 18.1% kepada 214,764 (Januari – Jun 2010: 17.1%; 181,780) manakala nilai berkembang 29.7% kepada RM64.8 bilion (Januari – Jun 2010: 46.2%; RM49.9 bilion). Jumlah pinjaman yang diluluskan untuk pembelian harta kediaman meningkat 18.8% kepada RM55.9 bilion (Januari – Julai 2010: 26.8%; RM47 bilion), mencerminkan permintaan yang mampan dalam tempoh tersebut. Sementara itu, jumlah pasaran ekuiti kembali cergas mencatat pertumbuhan 40.2% kepada 187.7 bilion unit (Januari – Julai 2010: -14.9%; 133.9 bilion), manakala nilai transaksi meningkat 34.3% kepada RM270.9 bilion (Januari – Julai 2010: 16.6%; RM201.7 bilion). Pada akhir Ogos 2011, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia ditutup pada

paras 1,447.27 mata dengan nilai permodalan pasaran sebanyak RM1,241.9 bilion (akhir Ogos 2010: 1,422.49 mata; RM1,122.1 bilion).

Bagi industri SSO, Global Services Location Index A.T. Kearney 2011 telah menyenaraikan Malaysia pada kedudukan ketiga terbaik daripada 50 buah negara selepas India dan China bagi perniagaan penyumberan luar. Industri ini telah menarik pelaburan daripada syarikat multinasional dan firma besar untuk menubuhkan pejabat serantau, pusat perhubungan, perkhidmatan teknologi maklumat dan pejabat sokongan. Perkembangan yang menggalakkan ini didorong sebahagian besarnya oleh penawaran tenaga kerja yang muda, mudah dilatih dan boleh bertutur dalam pelbagai bahasa serta kos yang kompetitif di Malaysia. Dalam tempoh enam bulan pertama 2011, 59 pertubuhan serantau baharu telah diluluskan (Januari – Jun 2010: 97) dengan anggaran pelaburan berjumlah RM142 juta dan pewujudan 610 peluang pekerjaan (Januari – Jun 2010: RM165.1 juta; 640). Dengan ini, bilangan pertubuhan serantau telah meningkat kepada 3,005 sehingga akhir Jun 2011 (akhir 2010: 2,946) yang terdiri daripada 1,727 pejabat perwakilan, 824 pejabat serantau, 222 pusat perolehan antarabangsa, 205 ibu pejabat operasi dan 27 pusat pengedaran serantau. Pertubuhan ini terlibat dengan pelbagai industri seperti E&E, kewangan, kimia, minyak dan gas serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Selain itu, 119 syarikat telah diberi status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: 120) menjadikan jumlah keseluruhan 2,857 (akhir Ogos 2010: 2,640). Syarikat ini terlibat terutamanya dalam industri seperti infotech, multimedia kreatif dan SSO. Pada akhir Ogos 2011, sejumlah 22 MSC Malaysia *cybercity* dan *cybercentre* (akhir Ogos 2010: 19) beroperasi di seluruh negara. Peluasan kawasan MSC Malaysia dijangka dapat merancakkan lagi segmen perniagaan perkhidmatan.

Subsektor komunikasi dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 7.9% pada 2011 (2010: 8.5%) disokong oleh permintaan yang

lebih tinggi bagi perkhidmatan selular, jalur lebar dan generasi ketiga (3G). Pada akhir Jun 2011, jumlah langganan telefon selular meningkat dengan ketara sebanyak 12.1% kepada 35.3 juta, mencatat kadar penembusan 123.5% (akhir Jun 2010: 10.2%; 31.5 juta; 111.3%). Pertumbuhan didorong oleh peningkatan kemampuan membeli dan keutamaan pengguna bagi melanggan pakej data dalam persekitaran saingan yang sengit antara penyedia perkhidmatan. Pada akhir Jun 2011, pasaran selular masih tertumpu kepada segmen prabayar (81%) dengan 28.4 juta pengguna berbanding dengan pasca bayar (19%) sebanyak 6.8 juta pengguna (akhir Jun 2010: 25 juta; 6.5 juta). Pertumbuhan segmen selular turut dipacu oleh peningkatan langganan 3G dengan bilangan pelanggan bertambah 24.1% kepada 9.8 juta pada akhir Jun 2011 (akhir Jun 2010: 30.1%; 7.9 juta). Pasaran selular dijangka kekal kompetitif dengan penawaran alat dan aplikasi telefon pintar di samping gabungan pakej yang menarik oleh penyedia perkhidmatan.

Pada akhir Jun 2011, jumlah langganan jalur lebar meningkat 66.9% kepada 5.4 juta dengan kadar penembusan isi rumah sebanyak 60.1% (akhir Jun 2010: 49.8%; 3.2 juta; 36%) dipacu oleh penambahbaikan berterusan kualiti rangkaian dan pelaksanaan segera projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Pada akhir Jun 2011, sejumlah 107,550 pelanggan di Lembah Klang, Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara telah melanggan perkhidmatan HSBB. Menjelang akhir 2012, Telekom Malaysia Berhad (TM) dijangka memperluaskan akses HSBB kepada 1.3 juta premis di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti. Sementara itu, bilangan *hotspot* tanpa wayar meningkat enam kali ganda kepada 16,851 lokasi pada akhir Jun 2011 (akhir Jun 2010: 34.2%; 2,677), terutamanya di kompleks membeli-belah, kedai makanan dan institusi pendidikan. Sebahagian besar *hotspot* ini tertumpu di Selangor, Kuala Lumpur, Sarawak dan Pulau Pinang, merangkumi 60% daripada jumlah *hotspot* di seluruh negara. Bilangan pengguna tanpa wayar dijangka terus meningkat, terutamanya dengan pengenalan pelbagai alat yang boleh mengakses internet seperti komputer tablet dan telefon pintar.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan lagi bilangan langganan jalur lebar, Kerajaan telah memberi subsidi bagi pakej *netbook* jalur lebar kepada 100,000 pelajar universiti tahun pertama daripada keluarga berpendapatan rendah untuk tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2010. Menjelang akhir Oktober 2010, 100,000 pakej tersebut telah dilanggan sepenuhnya. Pada akhir Jun 2011, sebanyak 99,367 pelajar masih melanggan pakej ini manakala selebihnya telah menaik taraf kepada pakej jalur lebar berkelajuan lebih tinggi seperti Streamyx dan UniFi. Bagi penyedia perkhidmatan jalur lebar, Kerajaan telah melanjutkan tempoh permohonan galakan cukai bagi penyempurnaan kerja infrastruktur sambungan terakhir serta pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar sehingga 2012.

Beberapa projek terus dilaksanakan untuk meluaskan infrastruktur jalur lebar kepada masyarakat di kawasan luar dan pinggir bandar di bawah dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP). Pada akhir Jun 2011, RM962 juta daripada dana USP telah digunakan untuk melancarkan inisiatif seperti projek Kampung Tanpa Wayar (KTW), Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC) dan Netbook 1Malaysia di kawasan kurang langganan. Terdapat 246 CBC dan 1,272 KTW pada akhir Jun 2011 dengan baki 1,828 KTW akan dilaksanakan secara berperingkat menjelang akhir 2012. Sementara itu, di bawah program Netbook 1Malaysia, 257,457 *netbook* dengan akses jalur lebar telah diagihkan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar. Di bawah RMKe-10, Kerajaan telah menyasarkan pencapaian 75% kadar penembusan jalur lebar isi rumah menjelang 2015.

Bagi perkhidmatan pos, jumlah kendalian mel oleh Pos Malaysia Berhad (PMB) menguncup 9.1% kepada 565.3 juta item dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: -4.3%; 621.9 juta), disebabkan terutamanya oleh peningkatan penggunaan komunikasi elektronik pada kos yang lebih rendah. Sebaliknya, jumlah kurier mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.6% kepada 8.4 juta item (Januari – Jun 2010: 3.8%; 7.5 juta) berikutan permintaan yang lebih

tinggi daripada perniagaan dan individu serta peningkatan pembelian runcit dalam talian, disokong oleh pelanjutan waktu perniagaan di kedai PosLaju terpilih di Lembah Klang. Dalam usaha menyelaraskan operasi dan meningkatkan automasi urus niaga, PMB telah memperkenalkan Pusat Mel Negara dengan menggabungkan empat pusat pemprosesan mel menjadi sebuah pusat tunggal penyediaan perkhidmatan di Lembah Klang. Untuk meningkatkan lagi kecekapan, PMB akan menggabungkan baki 28 pusat pemprosesan mel kepada tujuh pusat menjelang 2015. Di samping itu, PMB telah menjalankan usaha sama dengan RHB Bank Berhad dan Malayan Banking Berhad untuk menyediakan perkhidmatan perkongsian perbankan di lebih 400 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.

Bagi perkhidmatan penyiaran, Astro All Asia Networks (ASTRO) mempunyai 3 juta pelanggan (akhir Jun 2010: 2.9 juta) dengan kadar penembusan isi rumah sebanyak 48% pada akhir Jun 2011 (akhir Jun 2010: 49%). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan serta penawaran pelbagai kandungan dan pakej. Bagi menambah baik perniagaan, ASTRO telah mengambil beberapa inisiatif, termasuk pengenalan 18 saluran tambahan berdefinisi tinggi, perkhidmatan rakaman program dan Video on Demand serta perkhidmatan Televisyen Protokol Internet menerusi jalur lebar. Momentum pertumbuhan perkhidmatan penyiaran dijangka kekal cergas dalam tempoh separuh kedua 2011, selaras dengan pelaburan yang besar untuk membangunkan kandungan dan menaik taraf infrastruktur penyiaran.

Dalam tempoh separuh pertama 2011, **subsektor pengangkutan dan penyimpanan** berkembang 4.5% (Januari – Jun 2010: 8.5%) dirangsang oleh perbelanjaan penggunaan yang kukuh serta kecergasan aktiviti berkaitan perdagangan dan perjalanan. Peningkatan kapasiti yang berterusan, penambahbaikan tahap kecekapan dan produktiviti serta penawaran harga yang kompetitif oleh penyedia perkhidmatan dalam segmen laut, udara dan darat turut menyumbang kepada peningkatan prestasi subsektor ini. Selaras dengan aktiviti ekonomi yang mampan, subsektor ini dijangka berkembang 5.1% pada 2011 (2010: 6.9%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, aktiviti pelabuhan kekal cergas berikutan prestasi perdagangan yang bertambah baik, terutamanya di rantau Asia. Jumlah kendalian kontena di pelabuhan utama (Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas (PTP), Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Bintulu dan Kuching) meningkat ketara sebanyak 10% kepada 11.4 juta *twenty-foot equivalent unit* (TEU) (Januari – Julai 2010: 19.6%; 10.3 juta TEU). Pertumbuhan turut disokong oleh penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan pelabuhan serta peningkatan produktiviti dan penyediaan perkhidmatan pelabuhan yang cekap pada harga yang kompetitif.

Sebagai pelabuhan kontena utama negara, Pelabuhan Klang dan PTP kekal tersenarai antara 20 pelabuhan kontena utama dunia. Menurut Containerisation International (CI), Pelabuhan Klang kekal pada kedudukan ke-13 dan PTP ke-17 dari segi jumlah kendalian TEU pada 2010. Sementara itu, bagi tempoh tujuh bulan pertama 2011, Pelabuhan Klang telah mengendalikan 5.5 juta TEU yang merangkumi 48.7% daripada jumlah kendalian kontena (Januari – Julai 2010: 5.1 juta; 49.7%), manakala PTP sebanyak 4.3 juta TEU yang mewakili 38.1% (Januari – Julai 2010: 3.7 juta; 36.1%). Pada tahun 2011, jumlah kendalian kontena dianggarkan meningkat 10.6% kepada 19.9 juta TEU (2010: 14.7%; 18 juta TEU) berikutan prestasi perdagangan luar yang mampan, terutamanya di rantau Asia.

Bilangan kapal berlabuh di pelabuhan utama meningkat 4.9% kepada 28,939 kapal dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 5.9%; 27,577 kapal) dengan Pelabuhan Klang menyumbang bahagian terbesar iaitu 36.6% daripada jumlah kapal berlabuh diikuti oleh PTP sebanyak 16.2% (Januari – Julai 2010: 37.1%; 13.6%). Prestasi yang menggalakkan ini berikutan pelbagai inisiatif yang diambil untuk menarik lebih banyak syarikat perkapalan utama ke pelabuhan. Ini termasuk menambah baik infrastruktur pelabuhan untuk menampung kapal bersaiz besar, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang cekap untuk memastikan masa pengendalian kapal yang pantas serta mewujudkan usaha sama strategik dengan syarikat perkapalan. Walau bagaimanapun, prospek industri perkapalan global dijangka sederhana,

disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bahan api dan penurunan kadar pengangkutan barangan berikutan penawaran kapal yang berlebihan serta permintaan yang berkurangan, terutamanya di negara maju.

Bagi segmen pengangkutan udara, bilangan penumpang bagi lima syarikat penerbangan (Malaysia Airlines System (MAS), AirAsia, Firefly, MASWings dan AirAsia X) mencatat pertumbuhan 15.9% kepada 22 juta (Januari – Julai 2010: 20.2%; 19 juta) berikutan permintaan yang menggalakkan, terutamanya daripada penumpang tambang murah serta peluasan rangkaian ke destinasi popular. Prestasi yang memberangsangkan ini juga disokong oleh peningkatan kapasiti, aktiviti promosi secara inovatif dan penawaran tambang yang kompetitif. Jumlah penumpang di semua lapangan terbang dalam negara juga meningkat 12.7% kepada 37.8 juta (Januari – Julai 2010: 16%; 33.5 juta). Sementara itu, jumlah kendalian kargo udara di lapangan terbang seluruh negara menyusut 1.4% kepada 525 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 21.3%; 532 juta tan metrik) disebabkan sebahagian besarnya oleh permintaan global yang lebih perlahan bagi produk E&E. Jumlah kendalian kargo udara oleh MAS kargo dan AirAsia turut merosot 11.2% kepada 272 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 51.2%; 306 juta tan metrik).

Industri pengangkutan udara dijangka kekal mencabar berikutan harga bahan api yang tidak menentu serta prospek ekonomi global yang sederhana. Dalam usaha mengurangkan kos operasi dan meningkatkan pendapatan, pengendali syarikat penerbangan telah mengambil langkah membeli pesawat yang menggunakan bahan api secara efisien dan mempunyai kos penyelenggaraan yang rendah serta meningkatkan kecekapan dan menaik taraf kemudahan. Sementara itu, rangka kerjasama komprehensif antara MAS dan AirAsia pada Ogos 2011 dijangka meningkatkan prospek pertumbuhan industri penerbangan. Kerjasama ini membolehkan kedua-dua syarikat penerbangan memanfaatkan kelebihan serta meningkatkan daya saing melalui penjimatan dalam pembelian pesawat, kargo dan perkhidmatan catering serta latihan. Di samping itu, KLIA2 iaitu terminal penerbangan tambang

murah baharu yang dijangka siap pada tahun 2013, akan memantapkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju hab pelancong di rantau ini.

Segmen pengangkutan darat terus mencatat pertumbuhan yang positif diterajui oleh inisiatif Kerajaan yang berterusan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk menambah baik pengangkutan awam bandar di Lembah Klang. NKRA ini menyasarkan peningkatan peratusan mod pengangkutan awam kepada 21% pada 2011 (2010: 17%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, bilangan penumpang perkhidmatan rel bandar (Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, Express Rail Link dan KTM Komuter) berkembang 9.5% kepada 108.1 juta (Januari – Julai 2010: 3.7%; 98.8 juta). Peningkatan kapasiti dan perkhidmatan utama termasuk penerimaan set pertama Electric Multiple Unit pada September 2011, penyediaan kemudahan untuk orang kurang upaya di 10 stesen tambahan serta pelaksanaan kerja menaik taraf sistem tiket di 53 stesen komuter.

Bilangan penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perkhidmatan antara bandar meningkat dengan ketara sebanyak 8.2% kepada 2.6 juta (Januari – Julai 2010: 21.3%; 2.4 juta), seterusnya meningkatkan hasil sebanyak 38.8% kepada RM65.8 juta (Januari – Julai 2010: 13.9%; RM47.4 juta). Prestasi ini sebahagiannya didorong oleh peningkatan permintaan penumpang bagi Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) di antara Ipoh – Kuala Lumpur – Seremban. KTMB juga telah memperkenalkan Koc 1Rakyat untuk perkhidmatan ETS bagi laluan Ipoh – Kuala Lumpur dengan kadar diskaun mulai 1 Julai sehingga 31 Disember 2011. Tambahan pula, projek pembinaan landasan berkembar elektrik Seremban – Gemas yang dijangka siap pada 2012 dan Ipoh – Padang Besar pada 2013 akan merangsang permintaan penumpang dan kargo. Sementara itu, hasil kargo KTMB meningkat 5.5% kepada RM71.2 juta (Januari – Julai 2010: 6.6%; RM67.5 juta) disumbang terutamanya oleh penghantaran bahan berkaitan pembinaan yang lebih tinggi.

Bilangan penumpang bas RapidKL menyusut 11% kepada 53.2 juta (Januari – Julai 2010: 0.5%; 59.8 juta) sementara hasil merosot 8.6%

Menambah Baik Pengangkutan Awam di Lembah Klang – Status Terkini

Pengenalan

Sistem pengangkutan awam di Lembah Klang¹ kian menghadapi tekanan berikutan pertambahan bilangan penduduk, pertumbuhan pesat pembangunan ekonomi dan ekspektasi komuniti bandar yang semakin meningkat. Sungguhpun jumlah pelaburan yang besar telah disalurkan bagi penyediaan infrastruktur pengangkutan awam sejak pertengahan 1990-an, namun masih banyak penduduk menggunakan pengangkutan persendirian untuk menjalankan aktiviti harian. Keadaan ini telah menyumbang kepada masalah kesesakan lalu lintas, pencemaran udara dan bunyi serta kemerosotan produktiviti disebabkan oleh masa perjalanan yang panjang.

Menurut Global Liveability Index EIU pada Ogos 2011 yang mengambil kira pengangkutan awam sebagai satu daripada indikator, Kuala Lumpur telah disenaraikan pada kedudukan ke-78 daripada 130 bandar raya, ketinggalan di belakang bandar raya Asia lain seperti Osaka (12), Hong Kong (31) dan Singapura (51). Berdasarkan unjuran bilangan penduduk Lembah Klang yang dijangka mencecah 10 juta menjelang 2020, terdapat keperluan yang mendesak untuk memenuhi permintaan dan ekspektasi rakyat yang semakin tinggi. Sehubungan dengan itu, sistem pengangkutan awam yang terbaik adalah penting untuk menangani masalah pengangkutan, di samping menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang lebih selesa untuk didiami. Sistem pengangkutan awam yang terbaik hendaklah selesa, cekap, boleh diharap, mempunyai jaringan hubungan, mudah diakses dan selamat.

Inisiatif Awal

Sejak pertengahan 1990-an, Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar dalam menyediakan infrastruktur pengangkutan, terutamanya bagi menstrukturkan semula sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Antara inisiatif awal ialah pengenalan perkhidmatan KTM Komuter pada 1995 dan dua sistem transit aliran ringan (LRT), iaitu Aliran Ampang (sebelum ini dikenali sebagai Star-LRT) pada 1996 dan Aliran Kelana Jaya (sebelum ini dikenali sebagai Putra-LRT) pada 1998. Seterusnya, perkhidmatan tren berkelajuan tinggi menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan pusat bandar raya Kuala Lumpur telah dilancarkan pada 2002 dan dikendalikan oleh Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL). Di samping itu, sistem KL Monorel telah mula beroperasi pada 2003 meliputi kawasan perniagaan utama di pusat bandar raya. Perkhidmatan bas RapidKL pula diperkenalkan pada 2004 bagi menyediakan jaringan bas yang komprehensif di Lembah Klang. Pada masa ini, kesemua perkhidmatan berkenaan kecuali perkhidmatan KTM Komuter dan ERL, dimiliki oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) dan dikendalikan oleh Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL).

Peratusan Mod Pengangkutan

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, peratusan mod pengangkutan² awam di Lembah Klang terus berkurangan daripada 20% pada 1997 kepada 12% pada 2008. Keadaan ini disebabkan oleh taraf kehidupan rakyat yang bertambah baik, akses yang mudah kepada pembiayaan kenderaan dan ketidakcekapan sistem pengangkutan awam. Pada tahun 2010, kira-kira 83% atau 6 juta perjalanan telah dibuat menggunakan kenderaan persendirian yang kebanyakannya kenderaan tanpa penumpang. Sebaliknya, purata penumpang harian bagi pengangkutan bas RapidKL dan rel bandar meningkat sedikit, iaitu 2.6% berbanding dengan 7.5% bagi pemilikan kenderaan persendirian di Lembah Klang pada 2010. Bilangan kereta di Lembah Klang juga diunjurkan mencecah 7 juta menjelang 2020 sekiranya tiada peralihan ketara kepada penggunaan pengangkutan awam. Tambahan pula, perbandingan peratusan mod pengangkutan awam di Lembah Klang dengan bandar raya lain seperti Tokyo, London, Hong Kong dan Beijing menunjukkan masih terdapat ruang yang banyak untuk

¹ Lembah Klang atau Greater Kuala Lumpur merangkumi 10 pihak berkuasa tempatan iaitu Kuala Lumpur, Klang, Kajang, Subang Jaya, Petaling Jaya, Selangor, Shah Alam, Ampang Jaya, Putrajaya dan Sepang.

² Peratusan mod pengangkutan merupakan terminologi pengangkutan yang menerangkan bilangan perjalanan atau peratusan pengguna yang menggunakan sejenis pengangkutan tertentu pada sesuatu masa.

kepada kelancaran pergerakan pengguna. Inisiatif ini merangkumi penyediaan perkhidmatan rel dan bas, infrastruktur sokongan serta penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sistem Rel

- **KTM Komuter**

Kerajaan telah membeli 38 set Electric Multiple Unit (EMU) enam-gerabak bernilai RM1.9 bilion untuk mengurangkan kesesakan yang teruk dalam tren KTM Komuter. EMU yang pertama telah diterima pada bulan September dan akan mula beroperasi menjelang akhir 2011. Perkhidmatan KTM Komuter ke Seremban juga telah dilanjutkan ke Sungai Gadut mulai Mei 2011. Di samping itu, pelaksanaan sistem *Contactless Smart Card* pada 2012 dijangka dapat mempercepatkan pergerakan penumpang di laluan keluar dan masuk di stesen KTM Komuter.

- **Transit Aliran Ringan**

Bagi mengatasi masalah kesesakan di Aliran Kelana Jaya terutamanya pada waktu puncak, Kerajaan telah membeli 35 set tren empat-gerabak yang baharu dengan 31 set tren telah mula beroperasi. Manakala baki empat set tren yang lain sedang dalam peringkat pemasangan, pengujian dan permulaan perkhidmatan dan akan beroperasi pada akhir 2011. Selaras dengan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan pengangkutan awam, pelbagai usaha sedang giat dijalankan untuk menambah baik jaringan hubungan bagi Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang. Kedua-dua aliran ini akan dipanjangkan dari Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights yang akan menjadi stesen pertukaran bagi kedua-dua aliran tersebut. Pemanjangan aliran sejauh 35 kilometer (km) yang dijangka siap menjelang 2014 akan memanfaatkan lebih dua juta penduduk di kawasan Subang Jaya – USJ dan Kinrara – Puchong.

- **Monorel**

Kapasiti KL Monorel sedia ada akan terus dipertingkatkan untuk mengatasi masalah kesesakan. Sejumlah 12 set tren empat-gerabak akan diperoleh dengan dua set pertama dijangka diterima pada 2012. Dengan perolehan kesemua set tren tersebut, bilangan penumpang dijangka meningkat 24% daripada 22.1 juta pada 2010 kepada 27.4 juta pada 2014.

- **MY Rapid Transit**

Pelaburan dalam penyediaan kemudahan pengangkutan rel terus dipergiat dengan pelancaran projek transit laju berkapasiti tinggi atau kini dikenali sebagai MY Rapid Transit (MRT) pada 8 Julai 2011. Projek MRT ini merupakan pelaburan infrastruktur tunggal Kerajaan yang terbesar dan akan menjadi pemacu utama inisiatif Greater KL. Projek ini akan mempercepatkan proses transformasi sistem pengangkutan awam di Lembah Klang dan menyumbang ke arah pencapaian sasaran 50% mod pengangkutan awam menjelang 2020. Aliran Sungai Buloh – Kajang (SBK) merupakan aliran MRT yang pertama daripada beberapa rangkaian aliran MRT yang sedang dirancang. Aliran SBK sepanjang 51 km dijangka dapat menampung 1.2 juta penumpang melalui 31 stesen dengan anggaran masa perjalanan sehalu selama 90 minit.

Aliran SBK yang dijangka siap pada 2016 akan membolehkan rakyat menikmati tempoh masa perjalanan yang lebih singkat berikutan jaringan hubungan dan integrasi yang bertambah baik. Di samping itu, penyediaan bas pengantara dan kemudahan letak dan naik serta penyusunan semula laluan bas akan membolehkan pengguna merancang dan menikmati perjalanan yang lebih selesa dan lancar. Dengan peningkatan penggunaan MRT, bilangan kereta persendirian di jalan raya dijangka menurun, seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas. Sistem MRT juga lebih mesra alam dengan pelepasan gas rumah hijau dan penggunaan bahan api yang rendah. Sistem MRT akan mempunyai kesan pengganda yang ketara seperti penjanaan aktiviti ekonomi di kawasan Lembah Klang dan merancakkan lagi pembangunan di kawasan sekitar aliran MRT. Projek ini dijangka menjana pendapatan tahunan negara kasar langsung sebanyak RM3 bilion hingga RM4 bilion dari 2011 hingga 2020 dan mewujudkan 130,000 peluang pekerjaan sepanjang tempoh pembinaan.

CARTA 2

MRT Lembah Klang: Aliran Sungai Buloh – Kajang

Sumber: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

Perkhidmatan Bas

- RapidKL**

RapidKL telah ditubuhkan pada 2004 untuk menyediakan perkhidmatan bas yang komprehensif di Lembah Klang, termasuk laluan yang tidak disediakan perkhidmatan oleh syarikat pengangkutan bas swasta. Sehingga akhir Julai 2011, jumlah bas RapidKL ialah sebanyak 1,440 dengan tambahan 70 bas baharu menjelang akhir 2011 untuk memperluaskan liputan perkhidmatan sedia ada dan meningkatkan perkhidmatan bas pengantara ke stesen LRT. Di samping itu, RapidKL akan melancarkan *Fleet Tracking System* pada akhir 2011 untuk mengurangkan masa menunggu dan perjalanan. Dengan sistem baharu ini, maklumat seperti waktu ketibaan, nombor dan laluan bas akan dihantar secara digital ke hentian dan depoh bas serta pusat kawalan.

- **Bus Expressway Transit**

Pada tahun 2010, sejumlah lima perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) telah dilancarkan bagi mengurangkan tempoh masa perjalanan bas ke pusat bandar raya dengan menggunakan lebuh raya. Tiga perkhidmatan BET baharu diperkenalkan pada 2011 iaitu laluan Bukit Beruntung – Pasar Seni, Sri Nilam – Lebu Ampang dan Semenyih Sentral – Pasar Seni. Perkhidmatan BET ini telah mengurangkan tempoh masa perjalanan antara 15 hingga 60 minit.

Infrastruktur dan Sistem Sokongan

- **Terminal Pengangkutan Bersepadu**

Sebanyak tiga terminal pengangkutan bersepadu (ITT) telah dirancang bagi mengurangkan kesesakan di pusat bandar raya. ITT yang pertama di Bandar Tasik Selatan telah mula beroperasi pada Januari 2011 bagi perkhidmatan bas ke arah selatan. ITT kedua akan dibina di Gombak untuk perkhidmatan bas ke arah pantai timur dan dijangka siap menjelang 2013, manakala ITT di Sungai Buloh pula akan menyediakan perkhidmatan bas ke arah utara. Ketiga-tiga ITT ini akan menjadi terminal pertukaran mod pengangkutan dan hab bagi perkhidmatan teksi, bas dan rel bandar.

Sementara itu, terminal bas Puduraya yang berusia 35 tahun telah dinaik taraf pada 2010 bertujuan menambah baik perkhidmatan dan keselamatan. Terminal ini yang diberi nama baharu iaitu Pudu Sentral pada Ogos 2011, kini telah dilengkapi dengan penghawa dingin sepenuhnya dan kemudahan seperti eskalator dan sistem siaraya yang lebih baik serta televisyen litar tertutup untuk keselamatan.

- **Hentian Bas dan Stesen Tren**

Menjelang akhir 2011, sejumlah 634 hentian bas akan dibaik pulih untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan penumpang serta kualiti perkhidmatan. Di samping itu, Keretapi Tanah Melayu Berhad akan melengkapkan 10 stesen Komuter dengan kemudahan untuk orang kurang upaya manakala 11 stesen lagi akan disediakan kemudahan letak dan naik. Laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan stesen LRT ke pusat komersial juga sedang dibina di kawasan perniagaan utama seperti di stesen Plaza Rakyat, Pasar Seni dan Bandaraya. Pembinaan jejantas pejalan kaki yang penting bagi menghubungkan KL Sentral ke stesen monorel di Jalan Tun Sambanthan dijangka siap menjelang 2012.

- **Sistem Tiket Bersepadu**

Prasarana telah memperkenalkan Sistem Tiket Bersepadu (ITS) yang baharu untuk menyepadukan struktur tiket dan tambang bagi kesemua perkhidmatan rel dan bas RapidKL melalui penggunaan kad transit tunggal. Sehingga akhir Jun 2011, empat stesen LRT telah dilengkapi dengan ITS. Sistem baharu ini akan dilaksanakan sepenuhnya di semua stesen LRT menjelang akhir November 2011 dan diintegrasikan dengan sistem monorel pada awal 2012. Seterusnya, Prasarana akan menyepadukan ITS dengan bas RapidKL dan KTM Komuter. ITS akan membolehkan penumpang membeli dan menambah nilai tiket secara dalam talian, di samping mendapat mata ganjaran.

Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

SPAD telah ditubuhkan sebagai agensi tunggal yang bertanggungjawab untuk merancang, mengawal selia dan menguatkuasa pengangkutan awam darat di Semenanjung Malaysia. Sebelum penubuhan SPAD, terdapat 13 agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan pengangkutan awam. Setelah ditubuhkan pada Jun 2011, SPAD telah mengambil alih fungsi Jabatan Keretapi, Lembaga

Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Bahagian Pelesenan Kementerian Pelancongan. SPAD kini sedang merangka Pelan Induk Pengangkutan Awam Lembah Klang untuk tempoh 20 tahun yang dijangka siap menjelang akhir 2011. Pelan induk ini merangkumi inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang yang meliputi empat segmen utama perkhidmatan pengangkutan bandar iaitu rel, bas, teksi dan infrastruktur pengangkutan.

Penunjuk Prestasi Utama

Bagi memantau prestasi pelaksanaan dan kemajuan inisiatif perkhidmatan pengangkutan awam, beberapa penunjuk prestasi utama bagi UPT telah dikenal pasti. Data terkini telah menunjukkan hasil yang positif, menandakan bahawa Kerajaan akan mencapai sasaran NKRA. Jumlah purata penumpang harian bagi perkhidmatan rel bandar telah meningkat 9.5% kepada 510,087 penumpang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 3.7%; 465,934).

JADUAL 1

Penunjuk Prestasi Utama Pengangkutan Awam Bandar

Penunjuk Prestasi Utama	2011		
	2010 (%)	Akhir Ogos (%)	Sasaran (%)
Peratusan populasi dalam lingkungan 400 meter laluan pengangkutan awam	63	63	70
Kajian kepuasan pelanggan	48	48	50
Faktor muatan bas pada waktu puncak	44	44	56
Faktor muatan KTM Komuter	130	140	125
Faktor muatan Aliran Kelana Jaya	80	87	80
Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	236,412	237,905	346,184
Peratusan mod pengangkutan awam	17	17	21
Indeks keselamatan jalan raya	-	3.0	3.1

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan.

Kesimpulan

Kerajaan akan terus melaksanakan projek dan program yang mengutamakan kesejahteraan rakyat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Usaha meningkatkan sistem pengangkutan awam ini merupakan inisiatif berteraskan rakyat dan amat penting untuk menyokong agenda transformasi Malaysia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju. Sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan cekap dengan kadar tambang yang berpatutan sememangnya akan memanfaatkan rakyat serta menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan menjana aktiviti ekonomi yang lebih pesat. Sistem ini juga akan meningkatkan daya saing dan daya tarikan negara sebagai pilihan destinasi pelaburan, di samping menjadikan Kuala Lumpur antara 20 bandar raya utama global yang lebih selesa untuk didiami. Ke arah ini, Kerajaan amat komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif pengangkutan awam yang telah dirancang, terutamanya projek MRT serta memastikan pemantauan yang ketat demi mencapai sasaran 50% mod pengangkutan awam menjelang 2020.

kepada RM74.8 juta (Januari – Julai 2010: 27.8%; RM81.8 juta) disebabkan sebahagian besarnya oleh peralihan mod pengangkutan kepada perkhidmatan rel. Sebaliknya, bilangan penumpang bagi perkhidmatan bas RapidPenang meningkat mendadak sebanyak 24% kepada 18.3 juta (Januari – Julai 2010: 20%; 14.7 juta) hasil daripada peningkatan kecekapan perkhidmatan dan kebolehpercayaan, termasuk memperkenalkan laluan baharu dan memaparkan jadual perjalanan di hentian bas.

Bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 9.8% kepada 881.3 juta (Januari – Julai 2010: 8.4%; 802.6 juta) disebabkan oleh penggunaan yang lebih tinggi semasa musim cuti sekolah dan perayaan serta pemberian diskaun kadar tol. Sementara itu, pembukaan Lebuh Raya Kuala Lumpur – Kuala Selangor (LATAR) yang baharu pada Jun 2011 dapat menjimatkan masa perjalanan dan menyediakan laluan alternatif ke pusat bandar bagi penduduk di kawasan Kuala Selangor, Ijok, Sungai Buloh, Rawang dan Selayang.

Subsektor utiliti dijangka berkembang 3.1% pada 2011 (2010: 8.2%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan penggunaan bekalan elektrik dalam segmen industri dan komersial. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, penjanaan elektrik berkembang 2.6% manakala jualan elektrik meningkat 2.7% (Januari – Julai 2010: 10.7%; 13.6%). Segmen industri merangkumi 43.9% daripada jumlah penggunaan elektrik, diikuti oleh segmen komersial (33.8%) dan isi rumah (20.8%). Permintaan maksimum elektrik mencecah paras tertinggi iaitu 15,476 megawatt (MW) pada Mei 2011 (Januari – Julai 2010: 15,072 MW pada bulan Mei). Sementara itu, pengeluaran bekalan air berkembang 4.2% kepada 14,648 juta liter sehari (jlh) (Januari – Julai 2010: 4.2%; 14,060 jlh). Sehingga akhir September 2011, lima negeri telah menyertai program penyusunan semula aset air yang bertujuan untuk memastikan penawaran bekalan air yang mampan dan cekap. Sementara itu, rundingan dengan negeri Kelantan dan Perak dijangka dimuktamadkan menjelang akhir 2011.

Pertumbuhan **subsektor perkhidmatan lain** dijangka terus mampan pada kadar 4.4% bagi 2011 (2010: 4%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta. Pada akhir Jun 2011, terdapat 488 institusi pengajian tinggi swasta yang terdiri daripada 47 universiti dan kolej universiti swasta, lima kampus cawangan universiti asing serta 436 kolej swasta. Sementara itu, jumlah pelajar asing dijangka meningkat 7.5% kepada 93,442 pada 2011 (2010: 7.6%; 86,923) disokong oleh promosi yang agresif dan tawaran pendidikan yang berkualiti pada kos yang berpatutan. Pada akhir Julai 2011, terdapat 126 sekolah rendah dan menengah swasta serta 61 sekolah antarabangsa dan 15 sekolah ekspatriat. Bagi perkhidmatan kesihatan, usaha berterusan untuk menggalakkan pelancongan kesihatan telah memanfaatkan subsektor ini. Pada separuh pertama 2011, jumlah pesakit asing di Malaysia meningkat 26.1% kepada 255,291 (2010: 22.6%; 202,374), menjana pendapatan sebanyak RM229.1 juta (2010: RM202.5 juta). Bagi tahun 2011, bilangan pesakit asing disasarkan mencapai 440,000 dengan jangkaan hasil sebanyak RM431 juta (2010: 392,956; RM379 juta). Sementara itu, **subsektor perkhidmatan kerajaan** dijangka berkembang 7.6% pada 2011 (2010: 5.8%) berikutan peningkatan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan.

Sektor Pembuatan

Pertumbuhan industri berorientasi domestik kekal kukuh

Nilai ditambah **sektor pembuatan** meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 16.5%). Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan oleh gangguan rantai bekalan dunia, kesan asas pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan persekitaran luar yang lebih perlahan. Pengeluaran sektor ini meningkat 3.6% (Januari – Julai 2010: 14.4%) dengan nilai jualan produk pembuatan


berkembang 10.8% kepada RM341 bilion (Januari – Julai 2010: 18.8%; RM307.7 bilion). Output bagi industri berorientasi eksport meningkat dengan sederhana sebanyak 2.7% (Januari – Julai 2010: 13.2%) disebabkan kejatuhan eksport produk E&E berikutan permintaan luar yang lebih rendah daripada rakan perdagangan utama. Industri berorientasi domestik terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.6% (Januari – Julai 2010: 18.4%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor berkaitan pembinaan, getah, dan plastik. Kadar kapasiti penggunaan kekal stabil sekitar 82% dalam tempoh separuh pertama 2011, manakala guna tenaga purata mencatat peningkatan 5.8% dan pembayaran upah purata dalam sektor ini sebanyak 8% dalam tempoh yang sama. Peningkatan guna tenaga dan upah purata sebahagian besarnya didorong oleh industri berasaskan sumber dan berorientasi domestik. Nilai ditambah bagi sektor ini dijangka berkembang dengan sederhana sebanyak 4.5% tahun ini (2010: 11.4%) seiring dengan permintaan luar yang semakin tidak menentu.

Output bagi **E&E** menguncup 4.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 29%), disebabkan sebahagian besarnya oleh gangguan rantai bekalan dunia dan jualan cip global yang lebih rendah. Paling ketara, pengeluaran semikonduktor dan komponen elektronik lain yang merupakan penyumbang eksport utama dalam subsektor E&E merosot 6.3% (Januari – Julai 2010: 39.1%), setelah merekodkan pertumbuhan yang tinggi tahun lalu. Prestasi yang kurang memberangsangkan ini juga adalah sejajar dengan *book-to-bill ratio* Semiconductor Equipment and Materials International (SEMI) yang mencatat nilai kurang daripada satu dalam tempoh lapan bulan berturut-turut sepanjang 2011. Penunjuk ini selari dengan pengurangan penggunaan *foundry* serta pelaburan bagi pengeluaran cip memori yang lebih rendah. Tempahan yang lebih rendah bagi komputer riba dan komputer peribadi kesan daripada peningkatan penggunaan telefon pintar dan *tablet* media serta ekonomi yang tidak menentu di AS dan Eropah telah menjejaskan pertumbuhan subsektor ini.

Tambahan pula, populariti penggunaan *solid-state drive* (SSD) yang semakin meningkat turut menjejaskan pengeluaran komponen *hard-disk drive* (HDD) di Malaysia. Begitu juga dengan output mesin pejabat, perakaunan dan pengira turut merosot secara mendadak sebanyak 31.1% (Januari – Julai 2010: -14.8%). Walau bagaimanapun, keseluruhan prestasi subsektor E&E diimbangi oleh pertumbuhan subsektor jentera dan kelengkapan yang meningkat 19.5% dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2010: 43.7%). Pengeluaran subsektor ini dipacu sebahagian besarnya oleh peningkatan output bagi mesin penyaman udara, mesin penyejuk dan pengalih udara (15.6%) serta pembuatan bagi alat jentera (40.6%). Dalam tempoh separuh kedua 2011, pertumbuhan subsektor E&E dijangka berkembang pada kadar yang sederhana kesan daripada persekitaran luar yang semakin tidak menentu.

CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengeluaran **kimia dan produk kimia** meningkat 5.6% (Januari – Julai 2010: 16.2%) disokong terutamanya oleh bahan kimia lain (30%) dan produk plastik (20.7%), manakala output bahan kimia asas merosot 8.2% (Januari – Julai 2010: 59.9%; 1.7%; 11.1%). Sementara itu, pengeluaran **petroleum** kembali meningkat 9.3% (Januari – Julai 2010: -10.8%) disokong oleh peningkatan kukuh output gasolin (52.3%), minyak bahan api (46.8%), diesel dan gas (29.2%) serta gas petroleum cecair (2.1%). Pengembangan ini mencerminkan permintaan domestik yang kukuh dalam sektor pengangkutan.

Pengeluaran **kayu dan produk kayu** menguncup 7% (Januari – Julai 2010: 20%), disebabkan terutamanya oleh output yang lebih rendah bagi perabot kayu dan rotan (-15.6%) serta kepingan venir dan papan lapis (-7.3%). Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka kembali melonjak berikutan momentum aktiviti pembinaan semula di Jepun kembali rancak serta bermulanya projek perumahan baru di Timur Tengah selepas bulan Ramadhan.

Output **produk getah** meningkat 15.4% (Januari – Julai 2010: 25.6%) disokong oleh permintaan yang

JADUAL 3.3

**Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Julai
(2005 = 100)**

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Industri berorientasi eksport	106.3	109.2	13.2	2.7	76.5	75.9
Produk elektrik dan elektronik	99.2	94.3	29.0	-4.9	28.7	26.4
Kimia dan produk kimia	119.6	126.2	16.2	5.6	18.7	19.0
Produk petroleum	106.1	116.0	-10.8	9.3	15.0	15.9
Kayu dan produk kayu	85.5	79.6	20.0	-7.0	3.5	3.1
Pemprosesan di luar estet	106.4	113.1	2.1	6.3	3.5	3.6
Produk getah	146.3	168.9	25.6	15.4	3.3	3.7
Produk kertas	124.8	144.2	18.7	15.6	2.4	2.7
Tekstil, pakaian dan kasut	80.7	92.6	-0.4	14.8	1.4	1.5
Industri berorientasi domestik	131.8	140.5	18.4	6.6	23.5	24.1
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	115.7	147.1	20.7	27.1	3.1	3.8
Produk logam yang direka	163.3	204.5	14.7	25.2	4.2	5.0
Logam asas	113.1	115.8	29.4	2.4	2.5	2.5
Kelengkapan pengangkutan	137.0	124.1	36.6	-9.4	5.3	4.7
Produk makanan	132.3	135.4	3.1	2.4	5.0	4.9
Minuman	134.4	151.4	29.2	12.6	1.6	1.7
Produk tembakau	92.3	90.2	-1.0	-2.3	0.3	0.3
Lain-lain	126.3	107.5	4.9	-14.8	1.4	1.2
Jumlah	111.3	115.4	14.4	3.6	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.4

Pertumbuhan Subsektor E&E
Januari – Julai
 (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2010	2011	2010	2011
Jumlah E&E	29.0	-4.9	28.7	26.4
Semikonduktor dan komponen elektronik lain	39.1	-6.3	12.2	11.0
Perkakas komunikasi dan visual audio	69.3	6.6	5.3	5.4
Mesin pejabat, perakaunan dan pengira	-14.8	-31.1	5.5	3.7
Jentera dan perkakas elektrik	53.3	6.6	3.0	3.1
Peralatan domestik	12.9	15.4	0.3	0.3
Jentera dan kelengkapan	43.7	19.5	2.5	2.8

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.5

Pertumbuhan Bahan Berkaitan Pembinaan
Januari – Julai
 (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2010	2011	2010	2011
Bahan berkaitan pembinaan				
<i>antaranya:</i>				
Kaca dan produk kaca	72.9	35.1	0.8	1.1
Simen hidrolik	-7.2	10.0	1.0	1.0
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	-15.6	47.2	1.4	2.0
Dawai, produk dawai dan kancing logam	19.4	6.2	0.7	0.7
Besi asas dan keluli	35.5	8.5	1.5	1.6
Logam asas berharga dan bukan ferus	21.3	-6.8	1.0	0.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

berterusan bagi sarung tangan getah (21.5%) serta tayar dan tiub getah (10.5%). Pertumbuhan subsektor ini turut disumbang oleh peningkatan kecekapan pengeluaran berikutan penambahbaikan dalam proses pembuatan meskipun harga lateks yang tinggi. Permintaan bagi sarung tangan getah kekal tinggi, khususnya bagi industri perubatan dan penjagaan kesihatan. Sementara itu, pengeluaran tayar dan tiub getah terus berkembang pada kadar yang sederhana disebabkan oleh jualan kenderaan pengangkutan yang lebih rendah di rantau ini. Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka kekal kukuh disokong oleh peningkatan berterusan standard penjagaan kesihatan dan perubatan dalam kalangan negara membangun yang berkembang pesat serta permintaan daripada pasaran *niche* seperti sektor minyak dan gas bagi hos getah.

Pengeluaran **tekstil, pakaian dan kasut** meningkat 14.8% (Januari – Julai 2010: -0.4%) diterajui oleh peningkatan kukuh output pakaian (31.5%)

dan kasut (23%). Pertumbuhan ini disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi khususnya dari Turki, Timur Tengah dan ekonomi membangun yang berkembang pesat seperti China bagi pakaian berkualiti tinggi berikutan peningkatan kemewahan dan pendapatan isi rumah. Keupayaan pengusaha industri tempatan menghasilkan reka bentuk yang berkualiti dan mempelbagaikan rangkaian produk bagi memenuhi segmen pasaran yang berbeza serta memasarkannya di bawah label masing-masing dijangka membantu mengekalkan pertumbuhan subsektor ini. Selain itu, Sukan Olimpik 2012 dijangka merancakkan permintaan pakaian sukan dan memperkukuhkan lagi pertumbuhan subsektor ini.

Dari sudut domestik, output bagi kumpulan **bahan berkaitan pembinaan** meningkat dengan kukuh sebanyak 20% (Januari – Julai 2010: 20.1%) berikutan aktiviti pembinaan perumahan yang rancak dan pelaksanaan projek kejuruteraan awam yang berterusan. Pengeluaran mineral


bukan logam kekal kukuh dengan peningkatan 27.1%, sementara keluaran logam direka meningkat 25.2% (Januari – Julai 2010: 20.7%; 14.7%). Peningkatan subsektor ini disumbang khususnya oleh seramik refraktori (66.5%), kaca dan produk kaca (35.1%), simen hidrolik (10%) dan keluaran logam struktur (47.2%) yang berkembang kukuh walaupun harga yang semakin meningkat. Subsektor ini dijangka kekal teguh dengan permulaan projek RMKE-10 serta pelaksanaan segera projek ETP dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di samping pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang, KLIA2 dan projek perumahan di bawah Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dalam tempoh separuh kedua tahun ini.

Pengeluaran **kelengkapan pengangkutan** menguncup 9.4% (Januari – Julai 2010: 36.6%) berikutan gangguan rantai bekalan akibat gempa bumi dan tsunami di Jepun.

Memandangkan kebanyakan pengeluar automotif mengamalkan pengurusan inventori *just-in-time*, kekurangan alat ganti dan aksesori automotif, khususnya enjin, komponen elektronik dan yang berasaskan resin telah menyebabkan pengusaha automotif mengurangkan pengeluaran. Akibatnya, pengeluaran kenderaan bermotor merosot secara mendadak sebanyak 13% serta alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor dan enjin sebanyak 11%. Kedudukan ini juga digambarkan oleh penurunan pendaftaran jumlah keluaran industri (TIV) kenderaan bermotor baharu yang merosot 9.7% kepada 138,771 unit dalam tempoh suku kedua 2011 disebabkan terutamanya oleh kejatuhan jualan kenderaan penumpang. Walau bagaimanapun, pengeluaran kelengkapan pengangkutan dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2011 berikutan bekalan komponen automotif yang telah pulih serta pelancaran model baharu dan yang telah diberikan wajah baharu.

CARTA 3.3


Output Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.4

Prestasi Subsektor Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengeluaran **makanan** meningkat 2.4% (Januari – Julai 2010: 3.1%), dipacu oleh peningkatan output bagi minyak sawit bertapis (1.7%), produk ikan yang diproses dan diawet (8.1%) serta produk makanan lain (16.8%) seperti roti, coklat, dan konfeksi gula. Namun demikian, pertumbuhan subsektor ini telah terjejas berikutan pengurangan pengeluaran produk tenusu sebanyak 39.7%. Pengeluaran **minuman** meningkat 12.6% (Januari – Julai 2010: 29.2%), manakala bagi **tembakau** menurun 2.3% (Januari – Julai 2010: -1%) sejajar dengan usaha untuk menggantikan tanaman tembakau dengan tanaman yang lebih menguntungkan.

Sektor pembuatan dijangka dipacu oleh aktiviti pembuatan yang bernilai tambah tinggi. Sehubungan dengan itu, insentif berbentuk cukai dan bukan cukai terus disediakan untuk menggalakkan pengusaha menjalankan aktiviti pembuatan yang mempunyai nilai ditambah tinggi. Inisiatif pertumbuhan baharu dalam sektor pembuatan seperti industri solar dan peranti perubatan akan menjadi pemacu pertumbuhan yang penting. Di samping itu, industri berkenaan juga akan membantu mempelbagaikan asas pembuatan dan menyumbang kepada daya tahan sektor ini.

Meningkatkan Rantaian Nilai: Industri Solar dan Peranti Perubatan di Malaysia

Keperluan untuk Meningkatkan Rantaian Nilai

- Malaysia berhadapan dengan persaingan yang sengit daripada pengeluar serantau yang mempunyai kedudukan lebih baik dari segi harga.
- Meningkatkan rantaian nilai merupakan agenda utama produktiviti negara untuk membantu Malaysia menjadi sebuah ekonomi maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Mengapa Industri Solar dan Peranti Perubatan?

- Merupakan peralihan daripada industri semikonduktor serta perniagaan syarikat multinasional (MNC) yang mana Malaysia mempunyai kepakaran dan asas industri yang kukuh.
- Berjaya menarik aliran masuk FDI dengan ketara.
- Mempunyai potensi dan peluang yang tinggi untuk pembangunan masa hadapan.

Industri Solar

- Industri solar yang agak baharu di Malaysia ini menjadi tumpuan bagi beberapa pengusaha MNC terpilih bertaraf dunia dan mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan sejak kebelakangan ini.
- Malaysia telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pengusaha global yang penting dalam industri *photovoltaic* (PV).
- Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam menguasai pasaran pengeluaran wafer, sel dan modul dan dijangka membekalkan 10% komponen ini pada peringkat global.
- Malaysia telah berjaya menarik beberapa pengusaha PV utama global sejak 2008.

Industri Peranti Perubatan

- Industri peranti perubatan negara ini lebih maju dan melibatkan pelbagai sektor (heterogen), merangkumi firma tempatan yang mempunyai pelbagai tahap keupayaan dalaman dan daya saing luaran.
- Industri peranti perubatan Malaysia boleh dikategorikan dalam tiga kumpulan:
 - a. Kumpulan 1: Syarikat maju yang mengeluarkan produk penggunaan, seperti lateks dan sarung tangan getah atau tiub getah yang digunakan dalam pemindahan darah atau peralatan dialisis.
 - b. Kumpulan 2: Syarikat yang menghasilkan peralatan ortopedik yang agak kompleks atau peralatan lain yang menggunakan jentera kejituan tinggi yang dibangunkan dalam negeri.
 - c. Kumpulan 3: MNC yang mengimport sebahagian besar komponen yang diperlukan bagi memasang peranti yang kompleks untuk dieksport.
- Syarikat peranti perubatan telah berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding syarikat farmaseutikal di peringkat global dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Kerajaan menyedari bahawa perusahaan kecil dan sederhana (SME) memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan telah menyediakan pelbagai strategi dan insentif bagi menggalakkan SME menjalankan aktiviti bernilai tambah tinggi seperti inovasi, reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan (R&D). Satu daripada strategi utama yang telah

dilaksanakan pada 2011 ialah Polisi Laluan Hijau (PLH) khusus untuk SME. Di bawah polisi ini, SME berinovasi yang berkecayaan akan menikmati empat insentif utama iaitu insentif pinjaman mudah, faedah cukai, keutamaan dalam perolehan Kerajaan dan program perolehan syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD).

Polisi Laluan Hijau

Polisi Laluan Hijau (PLH) bertujuan untuk mempercepat dan mempermudah perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang berinovasi serta berkecayaan untuk menikmati insentif pinjaman mudah, insentif cukai, perolehan Kerajaan serta Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD). Polisi ini juga merupakan satu daripada usaha Kerajaan untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi.

Bagi menikmati keistimewaan dan insentif PLH, syarikat SME perlu diperakui oleh satu daripada organisasi berikut:

- i. SME Corporation Malaysia (melalui pensijilan 1-InnoCERT¹);
- ii. Malaysia Technology Development Corporation (MTDC);
- iii. Malaysia Biotechnology Corporation (BiotechCorp); atau
- iv. Multimedia Development Corporation (MDeC).

Insentif PLH yang ditawarkan untuk syarikat SME yang layak adalah seperti berikut:

- i. Insentif Pinjaman Mudah
 - Insentif subsidi kadar faedah 2% setahun, tertakluk kepada jumlah maksimum RM200,000 setahun atau jumlah kumulatif sebanyak RM1,000,000 untuk tempoh lima tahun bagi setiap syarikat.
- ii. Insentif Galakan Cukai
 - Pengecualian duti setem (Seksyen 80(1) Akta Setem 1949) ke atas surat cara perjanjian bagi insentif pinjaman mudah; dan
 - Potongan cukai (Seksyen 154(1) Akta Cukai Pendapatan 1967) ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk mendapatkan pensijilan 1-InnoCERT.
- iii. Insentif Perolehan Kerajaan
 - Pendaftaran syarikat bertaraf pembuat dengan Kementerian Kewangan diluluskan tanpa lawatan tapak;
 - Pemberian markah bonus penilaian teknikal;
 - Keutamaan untuk menyertai program offset; dan
 - Pertimbangan untuk dimasukkan dalam senarai Kontrak Pusat / Kontrak Sistem Panel.
- iv. Insentif Syarikat MKD
 - Produk/perkhidmatan syarikat akan diberi keutamaan dalam perolehan syarikat MKD, tertakluk kepada syarat perolehan Kerajaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Maklumat terperinci mengenai kriteria kelayakan, boleh didapati dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2011 Garis Panduan bagi Pemberian Insentif di bawah Polisi Laluan Hijau di <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/pp/pp072011.pdf>.

¹ 1-Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation.

Sektor Pertanian

Jangkaan pertumbuhan yang lebih kukuh

Nilai ditambah **sektor pertanian** berkembang 3.4% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 4.9%), dipacu oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan getah yang lebih tinggi. Pengeluaran ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran juga berkembang kukuh. Pelbagai langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui pelaksanaan projek berimpak tinggi seperti Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah menyumbang kepada aktiviti sektor

pertanian yang lebih tinggi. Dengan pelaksanaan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan sumber pertumbuhan baharu, terutamanya sarang burung walit (EBN), rumpai laut, ikan hiasan, dan produk herba, sektor ini dijangka memberi sumbangan besar dalam meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan isi rumah luar bandar. Pada tahun 2011, nilai ditambah sektor pertanian dijangka berkembang 4.7% (2010: 2.1%).

Nilai ditambah **subsektor kelapa sawit** meningkat 7.6% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 0.3%) hasil daripada pengeluaran CPO yang lebih tinggi. Pengeluaran CPO melonjak 8.2% kepada 12 juta tan metrik dalam

Mempertingkatkan Pengeluaran Sarang Burung Walit

Rasional

Pasaran global untuk sarang burung walit (EBN) mencecah RM10.2 bilion setahun. Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeluar kedua terbesar dunia dengan nilai jualan tahunan sebanyak RM1.5 bilion. Walaupun industri ini berkembang dengan pesat sebanyak 20% setahun, namun masih terdapat cabaran yang perlu dihadapi, termasuk:

- Sebahagian besar produk sedia ada dijual atau dieksport dalam bentuk bahan mentah tanpa sistem pengesanan;
- Kekurangan penyelarasan bagi peraturan dan penguatkuasaan mengakibatkan beberapa pengusaha yang tidak bertanggungjawab mengeksport EBN yang tidak tulen; dan
- Kekurangan penyelidikan dalam peningkatan produktiviti EBN dan penggunaannya di sektor hiliran.

Sasaran dan tindakan

- Mewujudkan tambahan premis EBN sebanyak 8,500 bagi keseluruhan Sabah dan Sarawak serta 4,500 di Semenanjung Malaysia.
- Menetapkan sasaran 40% pasaran global menjelang 2020 dengan meningkatkan pengeluaran dan aktiviti hiliran.
- Garis Panduan Industri Walit yang telah dilancarkan pada 19 Januari 2011 akan membolehkan rumah burung didaftarkan dan memperoleh pensijilan Sarang Burung Malaysia. Langkah ini akan meningkatkan nilai EBN yang lebih tinggi di pasaran antarabangsa.
- Semua pengusaha dan pengeksport EBN perlu mendaftar lokasi premis dan perniagaan, khususnya dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Sehingga kini, sejumlah 936 rumah burung telah berdaftar dengan JPV.
- Pengeksport EBN (melebihi 1 kilogram) perlu mendapatkan permit eksport dan Sijil Kesihatan Veterinar daripada JPV.
- JPV bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) EBN, termasuk aspek nutrisi sarang burung dan pembangunan produk hiliran yang lain.

JADUAL 3.6

**Nilai Ditambah Sektor Pertanian
2010 – 2011**

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Pertanian	2.1	4.7	100.0	100.0
Kelapa sawit	-3.4	7.3	30.1	30.8
Getah	9.7	6.4	4.7	4.8
Koko	-13.3	-40.9	0.1	0.0
Perhutanan dan pembalakan	-3.3	-4.7	17.6	16.0
Pertanian lain ²	7.9	8.5	18.0	18.7
Perikanan	5.6	2.8	18.0	17.7
Ternakan	9.7	8.6	11.5	12.0

¹ Anggaran.² Termasuk padi, buah-buahan, sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.7

**Keluasan Tanaman dan Pengeluaran
Kelapa Sawit
2010 – 2011**

			Perubahan (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	4,854	5,068	3.5	4.4
Kawasan matang (‘000 hektar)	4,202	4,399	3.1	4.7
Pengeluaran (‘000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	16,994	18,300	-3.3	7.7
Minyak isirung kelapa sawit	2,015	2,200	-3.9	9.2
Hasil (tan/hektar) ²	18.03	20.79	-6.1	15.3

¹ Anggaran.² Hasil buah tandan segar.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: 1.8%; 11.1 juta tan metrik) berikutan peningkatan hasil buah tandan segar (FFB) sehektar dan pertambahan kawasan matang di Sabah dan Sarawak. Hasil purata FFB meningkat kepada 12.52 tan metrik sehektar (Januari – Ogos 2010: 11.76 tan metrik sehektar) berikutan cuaca yang lebih baik dalam tempoh suku tahun kedua. Walau bagaimanapun, kadar perahan minyak (OER) menyusut sedikit kepada 20.26% (Januari – Ogos 2010: 20.41%) akibat hasil yang lebih rendah daripada kawasan matang yang baharu dan hujan lebat pada awal tahun ini.

Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit meningkat 4.3% kepada 5 juta hektar (akhir Jun 2010: 4.8 juta hektar) dengan pembukaan kawasan baharu terutamanya di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah keseluruhan kawasan

tanaman, sebanyak 28.8% atau 1.4 juta hektar terletak di Sabah, menyumbang kira-kira 31% kepada jumlah pengeluaran CPO. Pelancaran Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) minyak sawit dijangka dapat meningkatkan jumlah keseluruhan kawasan tanaman kepada 5.1 juta hektar pada tahun 2011 (2010: 4.9 juta hektar).

Dengan peningkatan kawasan matang, hasil FFB dan OER yang lebih tinggi subsektor kelapa sawit dijangka pulih pada 2011. Tambahan pula, pelaksanaan EPP sektor pertanian untuk meningkatkan produktiviti huluan dan aktiviti hiliran dijangka merancakkan lagi subsektor ini. Nilai ditambah subsektor ini dijangka kembali melonjak sebanyak 7.3% pada 2011 (2010: -3.4%).

Sementara itu, paras inventori minyak sawit berada pada 1.88 juta tan metrik sehingga akhir Ogos 2011 (akhir Ogos 2010: 1.71 juta tan metrik), berbanding paras tinggi sebanyak 2.05 juta tan metrik yang direkodkan pada Jun 2011, berikutan pengeluaran yang lebih kukuh daripada jangkaan dan import yang lebih tinggi. Dari segi perbandingan tahunan, paras stok lebih tinggi sebanyak 10.2%. Walaupun stok berada pada paras yang lebih tinggi, harga purata CPO mengukuh kepada RM3,356 setan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2010: RM2,555 setan metrik) berikutan permintaan yang berterusan dan harga kacang soya yang kekal kukuh. Harga CPO terkini yang lebih rendah berbanding minyak kacang soya sekitar USD200 setan metrik (Ogos 2011) akan membantu mengukuhkan permintaan dan harga CPO. Pada tahun 2011, harga purata CPO dijangka berada pada RM3,200 setan metrik (2010: RM2,701 setan metrik).

Kelapa sawit merupakan satu daripada penggerak utama sektor pertanian Malaysia, merangkumi 71% daripada keseluruhan tanah pertanian. Industri minyak sawit dijangka berkembang 7.1% bagi tempoh sepuluh tahun akan datang. Industri ini dipacu oleh peningkatan produktiviti bagi hasil purata FFB dan OER, perluasan kawasan tanaman baharu oleh syarikat Malaysia di luar negara serta usaha syarikat perladangan besar yang menceburi aktiviti hiliran berpotensi tinggi seperti pemprosesan makanan, biodiesel, biofuel generasi kedua, dan oleokimia.

Nilai ditambah **subsektor getah** berkembang 8.4% (Januari – Jun 2010: 17.4%) disokong oleh output yang lebih tinggi berikutan keadaan cuaca yang lebih baik dan harga getah yang kukuh. Pengeluaran getah asli meningkat dengan kukuh sebanyak 10.8% kepada 0.6 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 13.9%; 0.5 juta tan metrik), dengan 95% daripada pengeluaran disumbang oleh pekebun kecil. Pada tahun 2011, pengeluaran dianggar bertambah 6.5% kepada 1 juta tan metrik (2010: 9.6%; 939,241 tan metrik) berikutan pekebun kecil dijangka meningkatkan aktiviti penorehan ekoran harga getah yang lebih

tinggi. Pada tahun 2011, nilai ditambah subsektor ini dijangka berkembang 6.4% (2010: 9.7%) hasil daripada pengeluaran getah yang lebih kukuh.

Harga getah asli (SMR 20) kekal kukuh pada RM14.35 sekilogram dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2010: RM9.76 sekilogram), dengan paras harga yang tertinggi iaitu RM17.17 sekilogram pada 18 Februari 2011. Harga yang menggalakkan ini disokong oleh permintaan yang lebih tinggi, khususnya dari China serta kekangan bekalan ekoran pengeluaran yang lebih rendah dari Thailand yang merupakan pengeluar getah terbesar dunia. Permintaan tayar dunia dijangka berkembang pada kadar yang lebih pantas, diterajui oleh jualan kenderaan yang kukuh di China akan membantu mengekalkan harga getah

JADUAL 3.8

**Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah
2010 – 2011**

			Perubahan (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,020	1,048	-0.2	2.7
Kebun kecil	956	967	-0.5	1.2
Estet	64	81	5.2	26.5
Hasil (kg sehektar)	1,480	1,510	2.1	2.0
Kebun kecil	1,470	1,500	2.1	2.0
Estet	1,620	1,630	0.6	0.6
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	939	1,000	9.6	6.5
Kebun kecil	883	950	10.2	7.6
Estet	56	50	0.0	-10.7
% daripada pengeluaran dunia	9.0	9.2		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pada paras yang tinggi. Oleh yang demikian, harga purata getah dianggar kekal kukuh dan dijangka berada pada paras RM13.00 sekilogram pada 2011 (2010: RM10.58 sekilogram).

Jumlah keseluruhan kawasan tanaman getah dianggar meningkat 2.7% kepada 1.05 juta hektar pada 2011 (2010: -0.2%; 1.02 juta hektar) dengan sasaran Kerajaan untuk membuka 30,000 hektar kawasan baru setahun, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, usaha telah dipergiatkan bagi meningkatkan produktiviti getah untuk mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 2 juta tan metrik menjelang 2020. Usaha ini, termasuk menubuhkan Stesen Penyelidikan LGM Similajau dan Pusat Ranting Tunas Getah Malaysia di Bintulu. Pusat ini ditubuhkan bagi menghasilkan klon lateks berhasil tinggi dan berkualiti seperti RRIM 3001 dan RRIM 928 serta klon kayu seperti RRIM 2023 dan RRIM 2025. Tambahan pula, peruntukan geran penanaman semula sebanyak RM67.4 juta pada 2011 dijangka dapat merancakkan pengeluaran getah.

Subsektor perikanan berkembang dengan perlahan sebanyak 1.6% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 5.4%) akibat penurunan mendadak pengeluaran akuakultur dalam tempoh suku kedua 2011. Pengeluaran akuakultur menyusut 2.2% (Januari – Jun 2010: 38.8%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran tilapia yang rendah, penyumbang utama pengeluaran akuakultur, yang terjejas akibat jangkitan *streptococcus*. Walau bagaimanapun, pendaratan ikan laut meningkat sedikit pada kadar 0.5% (Januari – Jun 2010: -2.9%).

Pengeluaran akuakultur dijangka kembali pulih dalam tempoh separuh kedua 2011 dengan pelaksanaan projek ZIA yang pantas. Sehingga kini, 30 ZIA telah beroperasi termasuk di Perak; Semporna, Sabah; dan Sungai Como, Terengganu. Malaysia mensasarkan 727,300 tan metrik pengeluaran akuakultur menjelang 2015. Bagi merancakkan lagi industri akuakultur dan menerokai pasaran antarabangsa, Kerajaan telah memperhebat usaha pemasaran,

termasuk mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa seperti European Seafood Show di Brussels, Belgium dan International Boston Seafood Exposition di AS. Memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada usaha pemasaran ini, filet ikan bernilai RM450 juta berpotensi untuk dieksport ke AS pada 2011. Perkembangan subsektor akuakultur dijangka dapat mengimbangi aktiviti marin yang perlahan berikutan sumber yang semakin berkurangan. Oleh yang demikian, nilai ditambah subsektor perikanan dijangka berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.8% pada 2011 (2010: 5.6%).

JADUAL 3.9

**Pengeluaran Pertanian Lain
2010 – 2011**

('000 tan metrik)

			Perubahan (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Ternakan				
Daging ²	283	283	13.0	-0.1
Ayam	1,296	1,334	7.8	2.9
Telur (juta)	9,826	10,358	6.0	5.4
Susu (juta liter)	67	71	7.5	5.8
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ³	1,164	1,268	4.2	8.9
Lada	24	26	10.5	6.0
Sayuran	1,020	1,035	29.6	1.5
Kelapa (juta unit)	547	575	44.3	5.1
Tembakau (juta kg) ⁴	31	31	24.2	2.9
Bunga (juta keratan)	468	497	13.9	6.3

¹ Anggaran.

² Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan, dan nanas.

⁴ Daun tembakau hijau dan kering.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Subsektor ternakan meningkat 9.5% (Januari – Jun 2010: 11.6%) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran ayam itik, telur, dan lembu yang lebih tinggi. Pada tahun 2011, subsektor ternakan dijangka berkembang 8.6% (2010: 9.7%) berikutan permintaan yang tinggi bagi produk daging didorong oleh peningkatan pendapatan isi rumah. Bagi memajukan lagi subsektor ternakan, Kerajaan merancang untuk membangunkan tiga kluster ladang tenusu dengan 27,000 lembu tenusu dan penyediaan kemudahan pemprosesan untuk meningkatkan pengeluaran produk tenusu. Di samping itu, ternakan ladang fidlot akan diperluas melalui peningkatan bilangan fidlot berskala kecil dengan membangunkan sebuah syarikat peneraju untuk mengukuhkan jalinan hubungan antara ladang dan pengguna.


Subsektor pertanian lain berkembang dengan kukuh sebanyak 8.4% (Januari – Jun 2010: 9%) hasil daripada pengeluaran padi, buah-

buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi. Pengeluaran padi dijangka meningkat 8.1% kepada 2.7 juta tan metrik pada tahun 2011 (2010: -1.8%; 2.5 juta tan metrik) disumbang oleh output yang lebih tinggi terutamanya dari kawasan jelapang padi serta penambahan kawasan penanaman padi. Output dari kawasan jelapang padi meningkat 4.7% kepada 1.84 juta tan metrik (2010: -3.4%; 1.76 juta tan metrik). Pemodenan sistem saliran, penambahbaikan kemudahan infrastruktur, penggunaan benih bermutu tinggi dan amalan agronomi yang moden dijangka meningkatkan keseluruhan produktiviti padi kepada 3.9 tan metrik sehektar (2010: 3.8 tan metrik sehektar). Hasilnya, tahap sara diri bagi padi pada tahun 2011 dijangka mencecah 72.2% (2010: 71.4%), melebihi sasaran 70% di bawah RMKe-10.

Nilai ditambah bagi sayur-sayuran meningkat 10.1% manakala buah-buahan sebanyak 12.3%


CARTA 3.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama (pada harga malar 2000)



¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.



(Januari – Jun 2010: 7.1%; 15.7%) berikutan peningkatan produktiviti hasil daripada amalan pertanian baik dan penggunaan teknik pertanian moden seperti fertigasi dan rumah pelindung hujan. Sementara itu, permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran baharu seperti China dan Timur Tengah bagi buah-buahan tropika, terutamanya nanas dan nangka menyumbang kepada pertumbuhan menggalakkan bagi subsektor ini. Pembukaan lebih banyak TKPM bagi sayur-sayuran dan buah-buahan dijangka meningkatkan pengeluaran. Tambahan pula, Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur, kemudahan dan logistik bagi menyokong aktiviti nilai rantai bagi subsektor ini, khususnya di TKPM. Pada tahun 2011, subsektor ini dijangka berkembang 8.5% (2010: 7.9%).

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2010 – 2011

	2010	2011 ¹	Perubahan (%)	
			2010	2011 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² (‘000 tong sehari)	638.3	600.0	-3.1	-6.0
Rizab (bilion tong)	5.80	5.86	5.1	1.0
Rizab/ pengeluaran (tahun)	24	25		
Gas asli				
Pengeluaran ³ (‘000 juta kaki padu standard) (mmscf)	2,164.5	2,220.0	2.1	2.6
Rizab (trilion kaki padu)	88.6	88.9	0.8	0.3
Rizab/ pengeluaran (tahun)	38	39		

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: PETRONAS.

Sektor Perlombongan

Pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah

Sektor perlombongan menguncup 6.6% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 1.2%) akibat pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Penutupan beberapa pelantar minyak bagi aktiviti menaik taraf dan penyelenggaraan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran minyak dan gas telah menyebabkan pengurangan aktiviti sektor perlombongan dalam tempoh separuh pertama 2011. Pengeluaran minyak dan gas dijangka kembali kepada paras normal dalam tempoh separuh kedua 2011 setelah kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih loji siap sepenuhnya. Oleh yang demikian, sektor ini dianggarkan menguncup secara perlahan 2.4% pada 2011 (2010: 0.2%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) jatuh 12% kepada 568,802 tong sehari (tsh) (Januari – Julai 2010: -2.6%; 646,476 tsh). Penurunan ini disebabkan oleh kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan di bawah Rancangan Pengurusan Reservoir Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) bagi pengembangan kapasiti pengeluaran reservoir. Walau bagaimanapun, pengeluaran dijangka meningkat berikutan kerja penyelenggaraan yang siap mengikut jadual dan pengeluaran semula beberapa medan minyak di Sabah. Pengeluaran minyak mentah dijangka menguncup secara marginal sebanyak 6% kepada 600,000 tsh pada 2011 (2010: -3.1%; 638,260 tsh).

Harga minyak kekal tinggi dalam tempoh separuh pertama 2011 akibat kekangan bekalan minyak dunia yang berterusan berikutan pergolakan politik di Timur Tengah serta permintaan global yang lebih kukuh, khususnya dari China dan India. Oleh yang demikian, harga minyak dunia terus meningkat dengan *Dated Brent* diniagakan pada harga purata USD111.52 setong (Januari – Ogos 2010: USD77.20 setong). Pada masa yang sama, Tapis *Blend* Malaysia diniagakan

pada harga purata USD118.21 setong (Januari – Ogos 2010: USD80.86 setong) seiring dengan pergerakan harga *Dated Brent*. Harga minyak dijangka mencatat trend yang lebih rendah berikutan prospek ekonomi yang lemah di negara Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan ketidaktentuan persekitaran global yang semakin mencabar dalam tempoh separuh kedua 2011. Di sebalik ketidaktentuan ini, tekanan permintaan-penawaran akan terus mengekalkan harga pada paras yang tinggi sejajar dengan anggaran International Energy Agency (IEA) yang mana permintaan global dijangka melebihi penawaran sebanyak 0.2 juta tsh pada 2011. Oleh itu, harga purata Tapis dijangka pada paras USD108 setong pada tahun 2011 (2010: USD83.84 setong).

Pada masa yang sama, pengeluaran gas asli menurun sedikit pada kadar 0.3% kepada 1,259,725 juta kaki padu standard (jkps) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 1.4%; 1,263,774 jkps), akibat penutupan pelantar pengeluaran gas PETRONAS bagi kerja penyelenggaraan di loji gas asli cecair (LNG). Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dijangka berkembang bagi bulan-bulan berikutnya

hasil peningkatan kapasiti berikutan projek pembesaran loji MLNG DUA serta penambahan output daripada loji LNG yang lain. Di samping itu, eksport LNG dijangka meningkat disebabkan permintaan yang lebih tinggi dari Jepun berikutan rancangan negara itu untuk mengurangkan kebergantungan ke atas tenaga nuklear serta penutupan beberapa loji nuklear. Tambahan pula, kelompok Medan Tangga Barat di luar pesisiran pantai Terengganu dijangka memulakan pengeluaran pada suku ketiga 2011. Oleh yang demikian, pengeluaran gas asli dijangka meningkat 2.6% kepada 2,220,000 jkps pada 2011 (2010: 2.1%; 2,164,477 jkps).

Bagi mengekalkan tahap pengeluaran minyak mentah dan gas asli negara, penerokaan laut dalam sedang giat dijalankan. Pada tahun 2011, empat medan minyak baharu ditemui di Spaoh dan Saratok, di luar pesisiran pantai Sarawak serta di Tambuku dan Menggatal di luar persisiran pantai Sabah. Di samping itu, satu medan gas baharu telah ditemui di Timur Zuhai di luar persisiran pantai Sabah. Sehingga kini, aktiviti penerokaan dan penggerudian telah berjaya menemui 76 medan minyak dan 48 medan gas, menyumbang kepada pengeluaran minyak

Insentif Baharu untuk Pembangunan Medan Marginal

Lima insentif untuk pembangunan sumber minyak dan gas baharu, sumber yang mencabar secara teknikalnya dan merangsang aktiviti cari gali domestik:

- Pengurangan kadar cukai daripada 38% kepada 25% untuk pembangunan medan minyak marginal.
- Mempercepatkan Elaun Modal kepada 5 tahun daripada 10 tahun untuk pembangunan medan minyak marginal.
- Pengecualian duti eksport terhadap minyak yang dihasilkan dan dieksport daripada pembangunan medan minyak marginal.
- Elaun cukai pelaburan antara 60% hingga 100% daripada perbelanjaan modal yang akan ditolak daripada pendapatan berkanun untuk menggalakkan pembangunan projek berintensif modal.
- Potongan Perbelanjaan Cari Gali yang layak antara perjanjian petroleum bukan bersempadan dengan rakan perkongsian sama atau pemilikan tunggal untuk meningkatkan sikap berani mengambil risiko kontraktor bagi menggalakkan tahap aktiviti penerokaan yang lebih tinggi.

dan gas di Malaysia. Selain daripada aktiviti penerokaan, PETRONAS membuat pelaburan signifikan yang berterusan bagi menjamin bekalan minyak dan gas yang mencukupi untuk jangka panjang. Pelaburan ini, termasuk pembinaan terminal regasifikasi LNG dan pembangunan medan minyak marginal. Bagi menggalakkan lagi aktiviti penerokaan dalam industri hulu minyak dan gas, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif, khususnya untuk penerokaan dan pembangunan medan minyak marginal bagi meningkatkan lagi tempoh hayat rizab minyak dan gas.

Berikutan usaha ini, PETRONAS akan membangunkan medan Berantai di Terengganu, sebagai medan minyak marginal yang pertama dengan pengeluaran dijangka bermula pada suku keempat 2011. Pada 1 Januari 2011, rizab minyak mentah (termasuk kondensat) dianggar pada paras 5.86 bilion tong dan dijangka bertahan selama 25 tahun (1 Januari 2010: 5.80 bilion tong, 24 tahun), manakala rizab gas pada paras 88.9 trilion kaki padu standard, mencukupi untuk tempoh 39 tahun (1 Januari 2010: 88.6 trilion kaki padu standard; 38 tahun).


Sektor Pembinaan

Aktiviti pasaran harta tanah yang stabil

Sektor pembinaan berkembang 2.1% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 6.2%) dipacu oleh pemulihan pembinaan subsektor kediaman serta peningkatan aktiviti subsektor bukan kediaman. Sementara itu, pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam dan kerja pertukangan khas berkembang perlahan berikutan projek di bawah pakej rangsangan serta beberapa projek lebuhraya telah siap dibina, termasuk Lebuhraya Senai – Desaru dan Lebuhraya Kuala Lumpur – Kuala Selangor. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pembinaan dijangka disokong oleh pelaksanaan projek RMKe-10 yang pantas dalam tempoh separuh kedua 2011. Oleh yang demikian, sektor ini dijangka berkembang 3.4% pada 2011 (2010: 5.1%).

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Aktiviti pembinaan **subsektor kediaman** kembali pulih disokong oleh keadaan ekonomi dan perniagaan yang memberangsangkan, pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, pasaran buruh yang menggalakkan serta pembiayaan kewangan yang akomodatif. Dari segi penawaran, unit rumah mula dibina meningkat dengan kukuh sebanyak 37.6% (Januari – Jun 2010: -15.6%) berikutan peningkatan bilangan projek perumahan, terutamanya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, dan Selangor. Bilangan permit jualan dan pengiklanan baharu bagi pembinaan meningkat 17.1% serta kelulusan membina rumah sebanyak 22.1% (Januari – Jun 2010: 22.1%; 11.1%) disokong oleh permintaan harta tanah yang mampan. Rumah yang bernilai melebihi RM500,000 terus menguasai aktiviti pembinaan, mencakupi 20% hingga 50% daripada jumlah pelancaran, terutamanya di pusat bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Selangor. Keadaan

Perumahan untuk Rakyat

Pengenalan

Kerajaan komited dalam menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti dan mencukupi untuk rakyat di kawasan bandar dan luar bandar dengan fokus kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana¹. Penyediaan rumah kos rendah dan mampu milik yang berkualiti telah menjadi agenda utama dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun melalui program perumahan sektor awam dan swasta. Aspirasi Kerajaan bukan setakat menyediakan rumah yang mencukupi untuk semua rakyat, malah mewujudkan persekitaran perumahan yang selamat, sihat dan selesa untuk didiami. Kerajaan telah menggubal dasar dan garis panduan bagi memudahkan sektor swasta menyediakan perumahan yang mencukupi, mampu milik dan berkualiti.


Isu Perumahan di Malaysia

Kerajaan sentiasa memantau pembangunan sektor perumahan bagi memastikan ia mampan dan responsif terhadap keperluan rakyat untuk memiliki rumah yang berkualiti dan mampu milik. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan, antaranya:

- **Peningkatan harga harta kediaman** antara 10% hingga 30% pada 2010, terutamanya di kawasan bandar atau lokasi terpilih di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor. Harga kediaman telah meningkat ke paras tertinggi sejak krisis kewangan Asia 1997/1998. Secara purata, harga rumah telah meningkat 8.2% dalam tempoh separuh pertama 2011. Di Kuala Lumpur, harga purata unit kediaman telah meningkat sebanyak dua kali ganda, iaitu RM448,750 seunit berbanding harga purata nasional RM201,851 dalam tempoh separuh pertama 2011. Harga kediaman yang lebih tinggi antara lain didorong oleh permintaan yang kukuh, kenaikan kos input pembinaan, kekurangan tanah, dan pinjaman yang mudah diperoleh. Berikutan urbanisasi yang pesat dan peningkatan pendapatan isi rumah yang merangsang permintaan kukuh untuk rumah, permintaan melebihi penawaran terutamanya bagi rumah kos sederhana di kawasan bandar.

CARTA 1

Indeks Harga Rumah Teres Mengikut Negeri Terpilih 2000 – 2010



Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

¹ Kumpulan berpendapatan rendah: pendapatan isi rumah bawah RM2,300.

Kumpulan berpendapatan sederhana: pendapatan isi rumah antara RM2,300 – RM5,599.

- Terdapat **ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan** bagi rumah kos rendah dan sederhana² terutamanya di kawasan bandar. Secara umum, pemaju swasta lebih cenderung membina rumah kos tinggi. Keadaan ini disebabkan kekurangan tanah di kawasan bandar dan peningkatan kos input pembinaan serta permintaan yang lebih tinggi bagi rumah kategori ini. Kelayakan untuk memiliki rumah kos rendah dan sederhana adalah bagi mereka yang berpendapatan maksimum RM2,500 sebulan. Walau bagaimanapun, kebanyakan isi rumah di kawasan bandar tidak layak memiliki rumah kategori ini memandangkan purata pendapatan isi rumah ialah RM5,000 sebulan. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu menangani masalah ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan bagi rumah kategori ini di kawasan bandar. Data daripada Sistem Pendaftaran Terbuka dan banci oleh kerajaan negeri menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2011, terdapat 20,426 pemohon yang berdaftar bagi perumahan awam manakala 90,282 keluarga setinggan terutama di kawasan bandar masih belum ditempatkan ke perumahan awam.
- **Projek perumahan terbengkalai dan lewat** memberi kesan kepada penawaran rumah terutama bagi rumah kos rendah dan sederhana. Antara sebab projek rumah terbengkalai ialah kedudukan kewangan pemaju yang lemah dan kadar jualan yang rendah memandangkan sesetengah projek tidak terletak di lokasi yang strategik. Sehingga 31 Julai 2011, sebanyak 167 projek yang melibatkan 53,278 unit rumah di Semenanjung Malaysia telah terbengkalai dan menjejaskan 34,761 pembeli rumah. Sementara itu, terdapat 48 projek lewat yang melibatkan 5,925 unit rumah dan 3,955 pembeli. Projek perumahan yang lewat dan terbengkalai telah menyebabkan pembeli rumah sengsara kerana mereka terpaksa membayar pinjaman gadai janji dan pada masa yang sama membayar sewa bagi premis yang sedang diduduki.
- **Kawalan kualiti yang tidak mencukupi, penggunaan bahan binaan berkualiti rendah dan kekurangan pekerja mahir** telah menyumbang kepada penurunan kualiti rumah kos rendah dan sederhana. Walaupun piawaian kualiti minimum dan tempoh siap telah ditetapkan, namun kebanyakan pemaju masih gagal mematuhi garis panduan dan piawaian tersebut. Isu ini menunjukkan kelemahan dalam pengurusan dan kawalan projek serta penguatkuasaan.
- Sesetengah rumah kos rendah **tidak terletak di lokasi strategik**. Tambahan pula, skim yang terdahulu tidak mempunyai kemudahan asas sosial yang mencukupi seperti kawasan rekreasi, tempat letak kereta dan dewan serba guna serta akses kepada pengangkutan awam. Oleh itu, persekitaran perumahan adalah tidak kondusif untuk kehidupan yang berkualiti. Di samping itu, kekurangan kemudahan asas, keadaan sosio ekonomi yang rendah, suasana kehidupan dan perumahan yang tidak mencukupi merupakan faktor yang menyumbang kepada kadar jenayah.

Inisiatif Kerajaan

Bagi mengurangkan masalah tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif. Ini termasuk:

- Melancarkan Dasar Perumahan Negara (DPN) pada Februari 2011 dengan objektif untuk:
 - Menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti dengan kemudahan yang komprehensif dan persekitaran yang kondusif;
 - Meningkatkan keupayaan dan akses kepada rakyat untuk memiliki atau menyewa rumah; dan
 - Menetapkan hala tuju masa depan untuk memastikan daya tahan sektor perumahan.


² Rumah kos rendah: rumah berharga di bawah RM42,000
Rumah kos sederhana: rumah berharga antara RM70,000-RM150,000

DPN dijangka boleh mengatasi masalah berkaitan kualiti pembinaan, projek perumahan terbengkalai, kemampuan untuk memiliki atau menyewa rumah melalui sistem pengagihan yang berkesan dalam Program Perumahan Rakyat (PPR). Enam teras dan 20 hala tuju dasar yang terkandung dalam DPN memberi fokus yang jelas kepada agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri bagi mencapai sektor kediaman yang progresif dan mampan.

- Membina 78,000 unit rumah mampu milik yang terdiri daripada 38,950 unit di bawah PPR dan 39,050 unit di bawah program Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memenuhi keperluan kumpulan berpendapatan rendah dan setinggan. Sehingga akhir Jun 2011, sebanyak 63,166 unit telah dibina di bawah PPR, manakala 7,734 unit telah dibina di bawah Program Rumah Mampu Milik dan 2,852 unit bagi Program Rumah Mesra Rakyat. Sementara itu, sebanyak 15,432 unit PPR, 20,503 unit Rumah Mampu Milik dan 2,148 unit Rumah Mesra Rakyat sedang dibina. Tambahan pula, sebanyak 2,567 rumah telah dibina dan dibaik pulih di bawah program NKRA bagi infrastruktur asas luar bandar, memberi manfaat kepada 12,835 isi rumah di Malaysia.

CARTA 2

Jumlah Rumah yang telah Dibina oleh Agensi Kerajaan Sehingga akhir Jun 2011



Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad.

- Melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** bagi membantu golongan muda di bawah 35 tahun, berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah. Skim ini dilaksanakan melalui Cagamas Berhad yang menyediakan jaminan bayaran pendahuluan sebanyak 10% untuk rumah berharga di bawah RM220,000. Sehingga akhir Jun 2011, sebanyak 772 permohonan telah diterima dan 143 telah diluluskan dengan jumlah yang dijamin berjumlah RM7 juta.
- Memperkenalkan **Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** untuk menyediakan Rumah Mampu Milik yang berkualiti terutamanya di kawasan bandar dan luar bandar, yang disasarkan untuk golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah antara RM2,500 kepada RM6,000. Projek ini merupakan satu lagi program Perkongsian Awam-Swasta yang mana penglibatan Kerajaan termasuk menyediakan tanah dan kemudahan dana kepada pemaju untuk memastikan unit rumah berhampiran dan di kawasan bandar berada

pada harga yang berpatutan. Fasa satu PR1MA melibatkan pembinaan 42,000 rumah di 20 kawasan strategik termasuk Bandar Tun Razak, Cyberjaya, Putrajaya, Seremban Sentral dan Sungai Besi. Projek PR1MA pertama yang telah dilancarkan di Presint 11, Putrajaya, menyediakan 560 unit pangsapuri dengan dewan serba guna dan bangunan komersial serta kemudahan lain.

- Memberi pengecualian duti setem 50% ke atas surat cara pindah dan surat cara perjanjian pinjaman bagi rumah kediaman yang bernilai tidak melebihi RM350,000 untuk pembeli kali pertama bagi menggalakkan pemilikan rumah.
- Memulihkan projek perumahan terbenkakai untuk meringankan beban pembeli rumah yang terjejas. Sehingga akhir Julai 2011, 81 projek yang terdiri daripada 15,494 rumah telah dipulihkan. Sementara itu, 54 projek berada di pelbagai peringkat pemulihan manakala bakinya sedang dalam perancangan awal pemulihan.
- Memberi insentif ke atas penggunaan teknologi hijau dan Industrialised Building System (IBS). Penggunaan konsep pembangunan perumahan mesra alam seperti reka bentuk Bangunan Hijau akan meningkatkan kualiti rumah baru mampu milik selain memelihara kualiti alam sekitar. Di samping itu, penekanan juga diberikan bagi penggunaan teknologi dan inovasi baru seperti IBS untuk memendekkan tempoh penyiapan projek dan meningkatkan kualiti rumah.
- Mewujudkan Tabung Penyelenggaraan Perumahan dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta bagi kerja pembaikan dan penyelenggaraan perumahan kos rendah awam dan swasta. Dana ini berdasarkan konsep geran sepadanan yang mana separuh daripada sumbangan berpunca daripada syarikat pengurusan perumahan masing-masing. Tambahan pula, Tabung Perumahan 1Malaysia telah ditubuhkan pada Februari 2010 untuk membantu kerja penyelenggaraan dan pembaikan perumahan kos rendah swasta di Kuala Lumpur dengan sumbangan daripada Kerajaan dan syarikat besar swasta.
- Melaksanakan *loan-to-value* (LTV) *ratio* 70% untuk pembelian rumah ketiga bagi memastikan kestabilan dan kemampuan pasaran harta tanah. Pelaksanaan nisbah LTV dijangka mengurangkan kesan pelaburan yang berlebihan dan aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah/hartanah kediaman, yang telah menyebabkan kenaikan harga purata yang lebih tinggi di lokasi tertentu.

Kesimpulan

Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu milik serta memastikan persekitaran yang selesa untuk didiami oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun Kerajaan terlibat secara langsung dalam menyediakan rumah mampu milik, sektor swasta juga perlu memainkan peranan dengan membina lebih banyak perumahan mampu milik untuk rakyat berpendapatan sederhana, terutamanya di kawasan bandar. Dalam hal ini, kerajaan akan sentiasa mengkaji semula peraturan dan prosedur untuk mengurangkan karenah birokrasi dan mewujudkan persekitaran yang lebih mesra perniagaan untuk membantu pemaju dalam projek perumahan mereka.

ini menunjukkan bahawa pemaju perumahan lebih cenderung untuk membina harta tanah bernilai tinggi, khususnya di kawasan bandar berikutan harga tanah yang semakin meningkat.

Kenaikan harga harta tanah telah menyukarkan golongan muda yang bekerja untuk memiliki rumah, terutamanya di kawasan bandar. Pada tahun 2011, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu rakyat, terutamanya golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah. Antaranya termasuk memperkenalkan pengecualian duti setem 50% ke atas surat cara pindah dan surat cara perjanjian pinjaman bagi rumah bernilai tidak melebihi RM350,000. Pengecualian ini diberi bagi pembelian harta kediaman yang pertama oleh rakyat Malaysia.

Dari segi permintaan, kadar jualan unit kediaman baharu yang dilancarkan berkembang kepada 13.5% (Januari – Jun 2010: 13.1%) berikutan penambahan pendapatan isi rumah dan prospek pekerjaan yang lebih baik. Empat negeri mencatat prestasi jualan yang lebih baik, dengan Johor mencatat kadar jualan yang lebih tinggi sebanyak 39.7% diikuti oleh Kuala Lumpur (38.8%), Perak (38.8%), dan Sarawak (34.4%). Selaras dengan program kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah seperti Skim Rumah Pertamaku, permintaan bagi rumah berharga dari RM100,000 hingga RM250,000 meningkat dengan kadar jualan sebanyak 21% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 20%).

Jumlah nilai transaksi harta tanah meningkat kepada RM64.8 bilion (Januari – Jun 2010: RM49.9 bilion) dengan jumlah transaksi meningkat 18.1% kepada 214,764 urus niaga dalam tempoh enam bulan pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 17.1%; 181,780 urus niaga). Sektor kediaman menyumbang 62.7% kepada jumlah transaksi. Transaksi kediaman di Pulau Pinang mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 66.6%, manakala Perak sebanyak 51.9% berbanding tahun sebelumnya (Januari – Jun 2010: 7%; 21%). Sementara itu, transaksi harta tanah kediaman di Kuala Lumpur mencatat pertumbuhan 17.3%, Johor (17%), dan Selangor (14.5%).


Sejajar dengan peningkatan permintaan bagi rumah, khususnya di kawasan bandar, Indeks Harga Rumah Malaysia meningkat 7.5% dalam tempoh suku kedua 2011 (S2 2010: 6.2%), dengan harga yang lebih tinggi daripada harga purata dicatatkan di Terengganu (15.5%), Sabah (15.1%), Selangor (11.5%), Kelantan (10.6%), dan Perak (7.5%). Walau bagaimanapun, harga harta tanah bertanah di kawasan bandar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pulau Pinang (tidak termasuk Seberang Prai), dan Selangor telah meningkat antara 10% hingga 30% dalam tempoh enam bulan yang lalu. Peningkatan harga tertinggi dicatatkan bagi kategori rumah teres dan berkembar.

Aktiviti pembinaan dalam **subsektor kejuruteraan awam dan kerja pertukangan khas** berkembang perlahan disebabkan sebahagiannya oleh pengurangan aktiviti pembinaan segmen kejuruteraan awam. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan sektor swasta yang lebih tinggi dalam industri minyak dan gas seperti terminal regasifikasi LNG di Melaka dan Sabah Oil and Gas Terminal, mengimbangi perkembangan sederhana projek kejuruteraan awam Kerajaan. Tambahan pula, projek yang sedang dilaksanakan termasuk projek landasan berkembar elektrik antara Ipoh – Padang Besar dan Seremban – Gemas, Lebuh raya Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabur ke Kuala Terengganu, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan menaik taraf Jalan Lingkaran Tengah Kota Bharu – Seremban membantu mengurangkan kesan aktiviti kejuruteraan awam yang perlahan. Sementara itu, kerja pertukangan khas seperti kerja menaik taraf, membaiki pulih serta penyelenggaraan bangunan Kerajaan juga menyokong pertumbuhan subsektor berkenaan. Projek ini, termasuk 474.4 km jalan luar bandar yang telah siap dibina dan 2,567 unit rumah yang telah dibina atau diperbaiki di bawah program NKRA bagi menambah baik infrastruktur asas luar bandar.

Aktiviti pembinaan dalam **subsektor bukan kediaman** terus cergas sejajar dengan aktiviti perniagaan yang lebih tinggi. Berikutan sentimen perniagaan yang kukuh, permintaan untuk ruang pejabat terutamanya di Kuala Lumpur mencatat

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

kadar penghunian yang memberangsangkan sebanyak 80% dan diikuti di Pulau Pinang (78.2%), Selangor (77.9%) dan Johor (77.4%). Hasilnya, kadar penghunian nasional bagi ruang pejabat kekal tinggi pada 83.2% (akhir-Jun 2010: 84.4%). Sementara itu, ruang pejabat yang sedang dibina melonjak dengan ketara sebanyak 34.9% kepada 2,839,332 meter persegi (mp) (Januari – Jun 2010: 6.7%; 2,105,344 mp) yang kebanyakannya dibina di Lembah Klang. Jumlah ruang sedia ada di kompleks membeli-belah juga meningkat daripada 10.37 juta mp kepada 10.78 juta mp, disumbang oleh empat bangunan baharu. Dalam tempoh separuh pertama 2011, 15 kompleks membeli-belah dengan jumlah ruang 191,168 mp sedang dibina (Januari – Jun 2010: 23 pusat membeli-belah; 281,368 mp), termasuk dua kompleks membeli-belah di Johor dan Pulau Pinang, serta satu kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur dan Selangor. Jumlah kadar penghunian kekal stabil pada 81%

(akhir-Jun 2010: 81%) disokong oleh aktiviti perniagaan yang menggalakkan dan perbelanjaan pengguna yang meningkat. Di samping itu, 103 hotel dengan 52,000 bilik sedang dibina dalam tempoh kajian mencerminkan keyakinan yang semakin meningkat dalam sektor pelancongan berikutan kempen promosi yang berterusan.

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Permintaan domestik terus kukuh

Permintaan domestik dijangka terus mengukuh disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang teguh. Sejalan dengan sentimen pengguna yang positif dan prospek perniagaan yang bertambah baik, **perbelanjaan sektor swasta** dijangka kekal kukuh sebanyak 8.3%

JADUAL 3.11

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat 2010 – 2012

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2010	2011 ¹	2012 ²	2010	2011 ¹	2012 ²	2010	2011 ¹	2012 ²
KDNK	7.2	5.0-5.5	5.0-6.0	100.0	100.0	100.0	7.2	5.0-5.5	5.0-6.0
Permintaan dalam negeri³	6.3	8.1	7.6	88.5	90.9	92.8	5.7	7.1	6.9
Perbelanjaan swasta	8.3	8.3	8.7	64.2	66.1	68.1	5.3	5.3	5.8
Penggunaan	6.5	6.6	7.1	53.2	53.9	54.8	3.5	3.5	3.8
Pelaburan	17.7	16.2	15.9	11.0	12.1	13.3	1.8	1.8	1.9
Perbelanjaan awam	1.5	7.6	4.7	24.3	24.9	24.7	0.4	1.8	1.2
Penggunaan	0.5	8.9	3.0	13.4	13.9	13.6	0.1	1.2	0.4
Pelaburan	2.8	6.0	7.0	10.9	11.0	11.1	0.3	0.7	0.8
Perubahan dalam stok				2.1	1.6	1.0	5.0	-0.4	-0.6
Sektor luar	-25.7	-16.8	-12.3	9.4	7.4	6.2	-3.5	-1.6	-0.9
Export ⁴	9.9	2.3	2.5	109.9	107.0	103.9	10.6	2.6	2.6
Import ⁴	15.1	4.1	3.6	100.5	99.5	97.8	14.1	4.2	3.6
KDNK (RM bilion, harga semasa)	766.0	847.3	918.3						
Perubahan (%)	12.7	10.6	8.4						

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.




(2010: 8.3%). Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dijangka berkembang 7.6% (2010: 1.5%) berikutan pelaksanaan projek baharu di bawah RMKe-10, ETP dan pelaburan yang lebih tinggi oleh PABK.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 16.2% pada 2011 (2010: 17.7%). Pertumbuhan ini didorong sebahagiannya oleh strategi Kerajaan dalam menggalakkan sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi, terutamanya melalui pelaksanaan inisiatif utama di bawah ETP. Pertumbuhan ini selaras dengan Business

Conditions Index (BCI) oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang meningkat dalam tempoh suku kedua 2011 kepada 114 mata (S1 2011: 113.3 mata), menggambarkan peningkatan yang terus kukuh dalam aktiviti pelaburan. Kecergasan aktiviti pelaburan swasta dalam tempoh separuh pertama 2011 juga dicerminkan oleh beberapa penunjuk pelaburan utama. Penunjuk pelaburan utama ini termasuk import barangan modal yang terus meningkat sebanyak 9.5%, import barangan pengantara (7%) serta jualan kenderaan perdagangan (6.8%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 12%; 32.3%; 24.8%).

CARTA 3.8




Penunjuk Pelaburan Swasta


¹ Anggaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.9

Penunjuk Penggunaan Swasta


¹ Anggaran.

² Pada 28 September 2011.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Pemasang dan Pembekal Motosikal dan Skuter Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sementara itu, keseluruhan nilai pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor perniagaan meningkat 14.1% pada akhir Julai 2011 (akhir Julai 2010: 12.1%).

Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan terus menerima pelaburan yang tinggi dari luar negara berikutan perkembangan FDI global yang menggalakkan serta peningkatan keyakinan pelabur hasil daripada beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selepas merekodkan pertumbuhan FDI tertinggi di Asia pada tahun 2010, jumlah aliran masuk FDI ke Malaysia terus berkembang kukuh sebanyak 75.4% kepada RM21,233 juta dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 249.8%, RM12,103 juta). Kemasukan aliran FDI ini disalurkan terutamanya dalam sektor pembuatan, perlombongan serta insurans dan kewangan.

Selaras dengan peningkatan keyakinan dalam ekosistem pelaburan domestik, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 meningkat 63.6% kepada RM31.7 bilion, melibatkan 514 projek. Pelaburan ini termasuk 313 projek baharu, sementara bakinya merupakan untuk tujuan pengembangan dan mempelbagaikan operasi sedia ada. Pelaburan ini tertumpu terutamanya dalam subsektor E&E (RM8.3 bilion), produk logam asas (RM5.1 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM4.6 bilion) serta produk logam dibentuk (RM2.8 bilion). Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, 281 projek merupakan pelaburan asing bernilai RM15.8 bilion. Empat penyumbang utama pelaburan asing ini terdiri daripada Jepun (RM2.4 bilion), AS (RM2.3 bilion), Singapura (RM1.9 bilion) dan Belanda (RM1.2 bilion). Dari segi lokasi, Johor (RM6 bilion), Selangor (RM5.6 bilion), Sarawak (RM5 bilion) dan Pulau Pinang (RM4.6 bilion) kekal sebagai negeri yang menarik pelaburan tertinggi. Pada tahun 2008 hingga tahun 2010, sejumlah 2,595 projek pembuatan telah diluluskan. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 1,854 projek (71.5%) telah memulakan operasi dengan jumlah pelaburan bernilai RM70.4 bilion.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk merangsang pelaburan swasta, terutamanya dalam produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi. Inisiatif yang diperkenalkan termasuk pengkorporatan MIDA untuk membolehkan agensi tersebut membuat keputusan dengan pantas serta dapat merangka pakej insentif yang kompetitif bagi menarik pelaburan yang besar dan strategik. Selain daripada itu, untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat, Talent Corporation telah ditubuhkan pada Januari 2011 untuk menarik, memotivasi serta mengekalkan pekerja tempatan yang berbakat dan ekspatriat untuk bekerja di Malaysia.

Usaha Kerajaan untuk menarik pelaburan swasta telah membuahkan hasil yang positif. Di bawah ETP, sebanyak 131 EPP telah dikenal pasti untuk merangsang pertumbuhan NKEA. Sehingga 8 September 2011, sebanyak 97 inisiatif dalam 70 EPP telah diumumkan. Inisiatif ini melibatkan komitmen pelaburan berjumlah RM171.2 bilion

JADUAL 3.12

Status Terkini Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Pengumuman	Inisiatif	(RM bilion)		
		Jumlah Pelaburan	Peningkatan PNK	Peluang Pekerjaan
Status 1 (25 Okt 2010)	9	5.31	0.1	13,100
Status 2 (30 Nov 2010)	9	9.57	85.52	70,500
Status 3 (11 Jan 2011)	19	65.59	31.54	52,404
Status 4 (8 Mac 2011)	23	14.78	20.06	88,404
Status 5 (19 Apr 2011)	12	11.16	16.62	74,457
Status 6 (13 Jun 2011)	15	63.38	66.31	63,531
Status 7 (8 Sept 2011)	10	1.43	8.40	9,965
Jumlah	97	171.21	228.55	372,361

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

dan dijangka menjana RM228.6 bilion PNK serta mewujudkan 372,361 peluang pekerjaan baharu menjelang 2020. Daripada 97 inisiatif tersebut, 23 inisiatif telah beroperasi termasuk ibu pejabat hab kewangan global Schlumbergers, pengeluaran ubat-ubatan generik oleh syarikat Hovid dan pengeluaran sel solar oleh AUO Sunpower, sementara baki inisiatif masih dalam pelbagai peringkat pembangunan.

Di samping itu, peningkatan kedudukan daya saing Malaysia dalam Global Competitiveness Report 2011 – 2012 dari tangga 26 ke tangga 21 dijangka mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Perkembangan ini akan membantu mencapai sasaran purata tahunan pelaburan swasta sebanyak RM115 bilion seperti yang digariskan dalam RMKe-10 seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Pelaburan awam dijangka berkembang 6% (2010: 2.8%) disokong oleh perbelanjaan modal PABK yang lebih tinggi serta pelaksanaan projek di bawah RMKe-10 dan ETP. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini disalurkan dalam sektor ekonomi dan sosial, terutamanya bagi menambah baik pengangkutan awam bandar, menyediakan infrastruktur asas luar bandar dan kemudahan awam.

Selaras dengan peningkatan sentimen perniagaan, perbelanjaan modal PABK dijangka berkembang kukuh, membantu mempercepat kegiatan pelaburan swasta, terutamanya dalam mengembangkan infrastruktur, perkhidmatan telekomunikasi dan utiliti. Perkembangan ini dipacu oleh program menaik taraf dan pengembangan kapasiti oleh PABK utama, termasuk PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB), TM, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana), terutamanya dalam sektor perlombongan, utiliti, komunikasi dan pengangkutan. Pelaburan oleh PETRONAS lebih tertumpu kepada pembangunan medan minyak marginal serta laut dalam bertujuan untuk menambah kapasiti minyak dan gas secara produktif. Perbelanjaan modal TNB adalah untuk meningkatkan penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik, sementara TM pula

tertumpu kepada perluasan kemudahan HSBB. Sementara itu, pelaburan MAHB adalah untuk projek menaik taraf dan menambah baik lapangan terbang, manakala pelaburan Prasarana tertumpu terutamanya dalam meluaskan rangkaian rel sedia ada serta menambah bilangan koc dan bas bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam.

Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.6% (2010: 6.5%) disokong terutamanya oleh peningkatan pendapatan yang kukuh hasil daripada harga komoditi yang menggalakkan, keadaan pasaran buruh yang stabil dan sentimen pengguna yang positif. Dianggarkan 265,000 pekebun kecil getah dan 185,000 pekebun kecil sawit akan terus menikmati pendapatan boleh guna yang lumayan berikutan harga getah yang dijangka kukuh pada purata RM13.00 sekilogram dan kelapa sawit pada RM3,200 setan metrik pada tahun ini. Pendapatan bersih boleh guna tahunan pekebun kecil getah dianggarkan meningkat kepada RM30,200 dan pekebun kecil kelapa sawit sebanyak RM32,220 pada 2011 (2010: RM26,957; RM24,972), seterusnya akan meningkatkan kuasa beli golongan berkenaan. Keadaan pasaran buruh yang stabil berikutan bilangan kekosongan jawatan yang lebih banyak serta jumlah pemberhentian kerja dan pengangguran yang rendah, mendorong peningkatan perbelanjaan penggunaan. Semua sektor ekonomi dijangka menjana lebih banyak peluang pekerjaan selaras dengan pelaksanaan beberapa projek ETP.

Perbelanjaan pengguna juga dijangka meningkat disokong oleh keyakinan pengguna yang positif. Keadaan ini dicerminkan oleh Consumer Sentiments Index (CSI) yang melepasi had nilai 100 mata dengan mencatat 107.9 mata dalam tempoh suku kedua 2011 (S1 2011: 108.2 mata) menunjukkan sikap optimis pengguna yang berterusan terhadap ekonomi. Tambahan pula, pengguna dijangka meningkatkan perbelanjaan dalam bulan-bulan yang seterusnya berikutan sambutan beberapa perayaan utama. Sentimen pengguna yang positif juga dicerminkan menerusi penunjuk penggunaan utama yang merekodkan pertumbuhan dua angka terutamanya jualan makanan sebanyak 21.3%, import barangan

penggunaan (12.8%) serta jualan motosikal (11.7%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 16.1%; 13.4%; 4%). Sementara itu, perbelanjaan kad kredit terus berkembang 11.8% dan penggunaan kredit yang dikeluarkan meningkat sebanyak 9.3% (Januari – Julai 2010: 15.9%, 16%), mencerminkan permintaan yang kukuh bagi pembiayaan.

Penggunaan awam dijangka berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 8.9% (2010: 0.5%) berikutan perbelanjaan emolumen dan juga bekalan serta perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk meningkat dan menambah baik kualiti perkhidmatan awam, termasuk

penyelenggaraan aset awam. Di samping itu, pemberian bonus setengah bulan gaji dengan pembayaran minima sebanyak RM500 kepada 1.27 juta penjawat awam berjumlah RM1.7 bilion dijangka meningkatkan perbelanjaan penggunaan awam pada 2011.

Kedudukan Sumber Negara

Lebihan yang berterusan dalam jurang tabungan pelaburan

Tabungan Negara Kasar (TNK) dijangka meningkat 12.9% kepada RM284.7 bilion pada 2011 (2010: 19.9%, RM252.1 bilion) dengan tabungan sektor swasta dijangka

JADUAL 3.13

Jurang Tabungan Pelaburan 2008 – 2012 (pada harga semasa)

	2008	2009	RM juta 2010	2011 ¹	2012 ²
Sektor awam					
Tabungan	80,880	60,767	88,309	56,889	83,816
Pembentukan modal dalam negeri	67,428	72,871	76,864	83,774	91,809
Lebihan/Defisit	13,453	-12,104	11,445	-26,885	-7,993
Sektor swasta					
Tabungan	194,000	149,587	163,807	227,829	223,453
Pembentukan modal dalam negeri ³	76,038	25,345	87,172	111,659	122,561
Lebihan/Defisit	117,962	124,242	76,635	116,170	100,892
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	274,880	210,354	252,116	284,718	307,269
(% daripada PNK)	38.2	31.6	34.1	34.7	34.5
Pembentukan modal dalam negeri ³	143,466	98,216	164,036	195,433	214,370
(% daripada PNK)	19.9	14.8	22.2	23.8	24.1
Lebihan/Defisit	131,414	112,138	88,079	89,285	92,899
(% daripada PNK)	18.3	16.9	11.9	10.9	10.4

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

berkembang 39.1% kepada RM227.8 bilion (2010: 9.5%; RM163.8 bilion). Sementara itu, tabungan awam dianggar merosot sebanyak 35.6% (2010: 45.3%) disebabkan terutamanya oleh lebih operasi PABK yang lebih rendah pada tahun ini. Sungguhpun demikian, sumbangan TNK kepada PNK dijangka kekal kukuh pada 34.7% (2010: 34.1%), disokong oleh tabungan sektor swasta yang tinggi. Jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk stok) diunjurkan meningkat kepada RM195.4 bilion, menyumbang 23.8% kepada PNK (2010: RM164 bilion; 22.2%). Oleh itu, **jurang tabungan pelaburan** akan mencatat lebih banyak RM89.3 bilion atau 10.9% daripada PNK pada tahun 2011 (2010: RM88.1 bilion; 11.9%), membolehkan Malaysia untuk terus membiayai pertumbuhan terutamanya daripada sumber domestik.

Sektor Luar Negeri


Prestasi Perdagangan

Perdagangan kekal menggalakkan

Pada tahun 2011, jumlah perdagangan Malaysia dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 7.1% kepada RM1.3 trilion (2010: 18.3%; RM1.2 trilion) meskipun dalam keadaan persekitaran luar yang lebih mencabar. Eksport barangan kasar dianggar berkembang 6.8% kepada RM682 bilion (2010: 15.6%; RM638.8 bilion) disumbang oleh pendapatan eksport komoditi yang lebih tinggi didorong oleh peningkatan harga minyak sawit, getah dan petroleum mentah serta permintaan yang tinggi bagi produk bukan E&E. Sementara itu,

CARTA 3.10

Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.14

Perdagangan Luar Negeri 2010 – 2011

	RM juta		Perubahan (%)	
	2010	2011¹	2010	2011¹
Jumlah perdagangan	1,167,650	1,250,109	18.3	7.1
Eksport kasar	638,822	682,001	15.6	6.8
<i>antaranya:</i>				
Pembuatan	487,974	504,688	12.9	3.4
Pertanian	69,905	88,585	30.8	26.7
Perlombongan	72,787	79,912	23.4	9.8
Import kasar	528,828	568,107	21.7	7.4
<i>antaranya:</i>				
Barangan modal	73,769	85,216	13.2	15.5
Barangan pengantara	365,681	386,313	22.9	5.6
Barangan penggunaan	34,477	40,336	9.5	17.0
Imbangan perdagangan	109,994	113,894	-6.7	3.5

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.15

**Eksport Kasar
Januari – Julai**

	RM bilion		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Pembuatan	283.4	293.2	21.9	3.5	76.4	74.0
Pertanian utama	35.4	48.7	33.0	37.5	9.5	12.3
Perlombongan	43.2	46.5	35.0	7.6	11.6	11.7
Lain-lain	8.9	8.0	50.8	-10.1	2.5	2.0
Eksport kasar	370.9	396.3	24.9	6.9	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

import barangan kasar diunjurkan berkembang lebih cepat berbanding pertumbuhan eksport iaitu pada kadar 7.4% kepada RM568.1 bilion (2010: 21.7%; RM528.8 bilion). Perkembangan ini didorong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam import barangan modal dan penggunaan serta harga import yang lebih tinggi. Oleh itu, lebihan perdagangan dijangka kekal kukuh pada RM113.9 bilion bersamaan 13.4% daripada KDNK (2010: RM110 bilion; 14.4%).

Prestasi Eksport

Eksport dipacu oleh harga komoditi yang lebih tinggi

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, eksport kasar berkembang 6.9% kepada RM396.3 bilion (Januari – Julai 2010: 24.9%; RM370.9 bilion) disokong oleh pertumbuhan eksport komoditi yang kukuh dan peningkatan sederhana dalam eksport pembuatan. Peningkatan yang kukuh dalam eksport komoditi dipacu oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh, manakala peningkatan eksport pembuatan yang sederhana disebabkan oleh eksport E&E yang lebih rendah. Dalam ketidaktentuan persekitaran luar, eksport kasar dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 6.8% pada tahun 2011 (2010: 15.6%).

Keadaan ini disebabkan oleh jangkaan permintaan global yang kekal perlahan bagi produk pembuatan, khususnya E&E dan harga komoditi yang sederhana pada bulan-bulan berikutnya.

Pendapatan eksport barangan pembuatan dijangka meningkat 3.4% kepada RM504.7 bilion (2010: 12.9%; RM488 bilion) dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah pendapatan eksport. Pertumbuhan ini disokong oleh segmen produk bukan E&E, terutamanya kimia dan produk kimia serta jentera. Eksport pertanian dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 26.7% kepada RM88.6 bilion (2010: 30.8%; RM69.9 bilion) berikutan harga yang lebih tinggi dan permintaan yang kukuh bagi minyak sawit dan getah. Sementara itu, eksport perlombongan dianggar mencatat pertumbuhan sebanyak 9.8% kepada RM79.9 bilion (2010: 23.4%; RM72.8 bilion) berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi LNG.

Eksport Barangan Pembuatan

Pertumbuhan disokong oleh produk bukan E&E

Eksport barangan pembuatan berkembang 3.5% kepada RM293.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 21.9%;

RM283.4 bilion), sejajar dengan permintaan luar yang lebih tinggi daripada destinasi utama eksport serantau seperti China, Jepun, Singapura dan Thailand. Pertumbuhan dipacu, terutamanya oleh eksport bukan E&E yang menyumbang 53% kepada jumlah eksport barangan pembuatan, sementara eksport E&E pula 47%.

Pendapatan eksport **E&E** menguncup 6.5% kepada RM136.7 bilion (Januari – Julai 2010: 22.5%; RM146.2 bilion), disebabkan oleh penghantaran yang lebih rendah bagi kelengkapan dan alat ganti elektronik yang menguncup 25.7% (Januari – Julai 2010: 26.2%). Kemerosotan ini disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah daripada negara maju, khususnya

AS dan Eropah. Eksport jentera dan produk elektrik juga menyusut 0.3% (Januari – Julai 2010: 20.1%) berikutan permintaan luar yang lebih rendah bagi alat terima siaran radio dan kelengkapan komunikasi. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport bagi semikonduktor meningkat 9.8% (Januari – Julai 2010: 20.2%), disokong terutamanya oleh alat kawalan mikropemproses, litar bersepadu elektronik serta peranti penjimatan tenaga seperti diod pemancar cahaya (LED) dan *photovoltaic* solar.

Eksport **bukan E&E** terus meningkat dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 14.1% kepada RM156.4 bilion (Januari – Julai 2010: 21.3%; RM137.2 bilion), disokong oleh kenaikan

JADUAL 3.16

Eksport Barangan Pembuatan Januari – Julai


	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
E&E	146,200	136,712	22.5	-6.5	51.6	46.6
Semikonduktor	57,565	63,190	20.2	9.8	20.3	21.6
Kelengkapan dan peralatan elektronik	58,558	43,521	26.2	-25.7	20.7	14.8
Jentera dan produk elektrik	30,076	30,001	20.1	-0.3	10.6	10.2
Bukan E&E:	137,153	156,445	21.3	14.1	48.4	53.4
Kimia, produk kimia dan plastik	27,110	29,855	31.3	10.1	9.6	10.2
Produk petroleum	16,830	22,798	33.7	35.5	5.9	7.8
Produk besi, keluli dan logam	15,457	17,605	16.5	13.9	5.5	6.0
Jentera dan kelengkapan	12,784	13,520	18.6	5.8	4.5	4.6
Produk kayu	8,032	7,718	14.2	-3.9	2.8	2.6
Tekstil, pakaian dan kasut	5,445	6,367	0.5	16.9	1.9	2.2
Makanan, minuman dan tembakau	10,129	12,082	7.3	19.3	3.6	4.1
Produk getah	9,233	9,957	33.0	7.8	3.3	3.4
Kelengkapan pengangkutan	6,295	5,390	12.5	-14.4	2.2	1.8
Produk galian bukan logam	2,809	3,281	-7.8	16.8	1.0	1.1
Produk pembuatan lain	23,029	27,872	26.0	21.0	8.1	9.5
Jumlah	283,353	293,157	21.9	3.5	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.11

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan *Book-to-Bill* Ratio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association (SIA) dan Semiconductor Equipment and Materials International (SEMI).


harga serta permintaan luar yang lebih tinggi. Subsektor yang merekodkan prestasi kukuh, termasuk kimia, produk kimia dan plastik; produk besi, keluli dan logam; produk petroleum; tekstil, pakaian dan kasut; makanan, minuman dan tembakau serta jentera dan kelengkapan.

Pendapatan eksport **kimia, produk kimia dan plastik** berkembang dengan ketara sebanyak 10.1% (Januari – Julai 2010: 31.3%) disokong terutamanya oleh bahan kimia organik dan bahan plastik dalam bentuk utama. Eksport bahan kimia organik meningkat 23.4% dan bahan plastik dalam bentuk utama sebanyak 7.1% (Januari – Julai 2010: 43.2%; 41.2%). Volum eksport yang lebih tinggi disokong oleh permintaan lebih kukuh daripada destinasi eksport utama seperti China, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Penghantaran **produk besi, keluli dan logam** berkembang 13.9% (Januari – Julai 2010: 16.5%),

CARTA 3.12

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

dirancarkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi semua komponen, khususnya logam bukan besi (25.4%), produk besi dan keluli (11.5%) serta perkilangan logam (5.6%). Perkembangan ini disokong oleh peningkatan aktiviti pembinaan di rantau ini. Pendapatan eksport bagi **produk galian bukan logam** juga kembali cergas dengan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 16.8% (Januari – Julai 2010: -7.8%).

Eksport **produk petroleum** mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 35.5% (Januari – Julai 2010: 33.7%), disumbang sebahagian besarnya oleh produk petroleum bertapis (43.6%), propana dan butana cecair (28.3%) serta gas petroleum dan gas hidrokarbon lain (10%). Peningkatan ini disebabkan oleh harga minyak global yang lebih tinggi berpunca daripada pergolakan politik di Timur Tengah dan permintaan yang meningkat daripada negara membangun yang berkembang pesat seperti China dan India.

Eksport **tekstil, pakaian dan kasut** melonjak 16.9% (Januari – Julai 2010: 0.5%) dengan China, Timur Tengah dan Turki sebagai destinasi eksport utama. Prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh ini diterajui oleh eksport benang tekstil dan fabrik berkaitan yang berkembang dengan lebih pesat sebanyak 21.3% (Januari – Julai 2010: 13.4%) serta pakaian yang kembali melonjak 14.1% (Januari – Julai 2010: -12.4%). Permintaan pengguna yang kukuh dan pendapatan isi rumah yang semakin baik, terutamanya di negara membangun yang berkembang pesat merupakan antara faktor yang menyumbang kepada prestasi kukuh subsektor ini.

Eksport **makanan, minuman dan tembakau** melonjak 19.3% (Januari – Julai 2010: 7.3%), sebahagian besarnya dieksport ke AS, Indonesia dan Singapura. Prestasi kukuh subsektor ini disebabkan oleh kenaikan harga makanan dunia dan eksport yang bertambah baik berikutan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi di negara jiran. Pertumbuhan ini diterajui oleh produk makanan yang berkembang 21.3% (Januari – Julai 2010: 7.2%), diikuti oleh minuman yang meningkat 18.5% (Januari – Julai 2010: 13.1%). Walau bagaimanapun, eksport tembakau menyusut 9% (Januari – Julai 2010: 0.1%) berikutan eksport yang lebih rendah ke Hong Kong, Indonesia dan Singapura.

Pendapatan eksport bagi **jentera dan kelengkapan** berkembang 5.8% (Januari – Julai 2010: 18.6%) hasil daripada permintaan luar yang lebih kukuh dari Indonesia, Singapura dan Thailand. Prestasi subsektor ini disokong oleh peningkatan jentera, kelengkapan perusahaan am (8.4%), jentera kerja logam (11.6%) serta jentera khusus bagi perusahaan tertentu (3.5%).

Eksport **produk getah** meningkat 7.8% (Januari – Julai 2010: 33%) terutamanya ke AS, China dan Jerman. Eksport sarung tangan getah berkembang 7.6% (Januari – Julai 2010: 29.4%) berikutan standard penjagaan kesihatan yang bertambah baik, terutamanya di negara membangun yang berkembang pesat. Permintaan sarung tangan getah tidak begitu terjejas walaupun harga

yang lebih tinggi kerana produk ini merupakan keperluan dalam industri perubatan dan penjagaan kesihatan. Pada masa yang sama, pendapatan eksport yang lebih tinggi dicatat oleh tayar getah (30.8%), getah sintetik (23.8%) dan produk getah yang lain (8.1%).

Penghantaran bagi **kelengkapan pengangkutan** merosot mendadak sebanyak 14.4% (Januari – Julai 2010: 12.5%), disebabkan terutamanya oleh gangguan rantaian bekalan global yang menjejaskan bekalan komponen automotif dan kapasiti pengeluaran. Sehubungan dengan itu, eksport kenderaan jalan raya jatuh 10.2% dan begitu juga kelengkapan pengangkutan yang lain sebanyak 18.6% (Januari – Julai 2010: 39.6%; -5.9%). Sementara itu, pendapatan daripada **produk kayu** merosot 3.9% (Januari – Julai 2010: 14.2%), disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah terhadap perabot kayu dari AS dan persaingan daripada produk panel yang lebih murah daripada pengeluar serantau.

Eksport Komoditi Utama

Dipacu oleh harga eksport yang lebih tinggi

Pendapatan eksport daripada komoditi utama berkembang 21.1% kepada RM95.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 34.1%; RM78.6 bilion) disumbang oleh pendapatan eksport yang lebih tinggi bagi minyak sawit, getah dan LNG. Pendapatan eksport bagi komoditi pertanian meningkat 37.5% kepada RM48.7 bilion (Januari – Julai 2010: 33%; RM35.4 bilion), disumbang sebahagian besarnya oleh harga yang lebih tinggi bagi CPO dan getah. Pendapatan eksport daripada perlombongan meningkat 7.6% kepada RM46.5 bilion (Januari – Julai 2010: 35%; RM43.2 bilion) disokong oleh peningkatan kukuh eksport LNG.

Harga purata eksport **minyak sawit** yang lebih tinggi pada RM3,475.3 dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: RM2,564.6) telah meningkatkan pendapatan eksport bagi minyak sawit sebanyak 35%

JADUAL 3.17

Eksport Komoditi Utama Januari – Julai

			Perubahan (%)	
	2010	2011	2010	2011
Eksport komoditi (RM juta)	78,647	95,238	34.1	21.1
Eksport pertanian (RM juta)	35,431	48,720	33.0	37.5
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,941	9,900	7.0	-0.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,565	3,475	15.8	35.5
Nilai (RM juta)	25,495	34,406	23.9	35.0
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	558	542	-8.0	-3.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,375	5,955	36.6	76.4
Nilai (RM juta)	1,885	3,226	25.7	71.2
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,659	1,871	19.7	-29.6
Nilai seunit (RM/meter padu)	483	607	-2.5	25.6
Nilai (RM juta)	1,286	1,136	16.7	-11.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,278	1,209	36.1	-5.4
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,178	1,179	-8.0	0.1
Nilai (RM juta)	1,505	1,425	25.1	-5.3
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	506	565	36.8	11.7
Nilai seunit (RM/kilogram)	9.81	14.56	71.6	48.4
Nilai (RM juta)	4,962	8,224	134.7	65.7
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7	7	4.7	-0.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	13,695	18,010	19.5	31.5
Nilai (RM juta)	101	133	25.1	31.2
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	17	16	154.0	-6.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	11,746	10,733	38.2	-8.6
Nilai (RM juta)	198	170	249.1	-14.2
Eksport perlombongan (RM juta)	43,216	46,519	35.0	7.6
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10,256	7,596	7.6	-25.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,884	2,479	46.1	31.6
Nilai (RM juta)	19,320	18,825	57.0	-2.6
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,252	14,625	0.1	10.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,715	1,785	18.9	4.1
Nilai (RM juta)	22,731	26,109	19.0	14.9
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	21	19	45.8	-8.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	56,421	84,540	33.0	49.8
Nilai (RM juta)	1,166	1,584	93.9	35.9





¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.13

Eksport Komoditi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

kepada RM34.4 bilion (Januari – Julai 2010: 23.9%; RM25.5 bilion). Walau bagaimanapun, eksport minyak sawit menyusut 0.4% kepada 9.9 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 7%; 9.9 juta tan metrik) akibat permintaan yang lebih rendah daripada AS, dan Kesatuan Eropah (EU). Pembekuan harga minyak masak bagi mengawal inflasi serta peningkatan import kacang soya oleh China telah menyebabkan pengurangan eksport minyak sawit ke negara tersebut dalam tempoh enam bulan pertama. Walau bagaimanapun, permintaan minyak sawit di China menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 97.6% pada Julai 2011 manakala 204.1% pada Ogos 2011.

Eksport **getah** berkembang 11.7% kepada 0.6 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 36.8%; 0.5 juta tan metrik) berikutan permintaan yang lebih tinggi, terutamanya dari AS, China, Jerman dan Korea Selatan. China kekal sebagai pengimport terbesar getah, mencakupi 50% daripada jumlah keseluruhan eksport. Dengan harga purata getah yang lebih tinggi pada RM14.56 sekilogram (Januari – Julai 2010: RM9.81 sekilogram), pendapatan eksport bagi getah melonjak 65.7% kepada RM8.2 bilion (Januari – Julai 2010: 134.7%; RM5 bilion). Meskipun terdapat kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi global, eksport getah dijangka meningkat 9.9% kepada 1 juta tan metrik (2010: 29.1%; 0.9 juta tan metrik), berikutan peningkatan permintaan bagi tayar dalam perusahaan automotif dari negara membangun berkembang pesat, terutamanya China.

Pendapatan eksport **petroleum mentah** menyusut 2.6% kepada RM18.8 bilion (Januari – Julai 2010: 57%; RM19.3 bilion) berikutan volum eksport yang lebih rendah meskipun harga kukuh. Volum eksport menurun 26% kepada 7.6 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 7.6%; 10.3 juta tan metrik), manakala harga purata eksport berada pada RM2,478.7 setan metrik (Januari – Julai 2010: RM1,883.7 setan metrik). Walau bagaimanapun, berikutan pengeluaran minyak mentah kembali kepada paras normal dalam tempoh separuh kedua 2011, pendapatan eksport dijangka pulih dengan penyusutan yang lebih kecil sebanyak 1.8% kepada RM30.2 bilion pada tahun 2011 (2010: 21.3%; RM30.8 bilion).

Walaupun bagaimanapun, pendapatan eksport **LNG** terus meningkat 14.9% kepada RM26.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama (Januari – Julai 2010: 19%; RM22.7 bilion). Prestasi yang lebih baik ini disumbang oleh volum eksport yang lebih tinggi iaitu 14.6 juta tan metrik (Januari – Julai 2010: 13.3 juta tan metrik) dan harga purata eksport RM1,785.3 setan metrik (Januari – Julai 2010: RM1,715.3 setan metrik). Selain itu, permintaan dari Jepun turut meningkat 22.6% berikutan aktiviti pembinaan semula selepas kejadian gempa bumi. Pada tahun 2011, eksport LNG dijangka meningkat 18.2% kepada RM45.1 bilion (2010: 31.3%; RM38.1 bilion) dipacu oleh permintaan luar yang lebih tinggi dan harga yang lebih kukuh.

Prestasi Import

Semua kategori mencatat pertumbuhan positif

Pada tahun 2011, import kasar dijangka meningkat 7.4% (2010: 21.7%), dipacu oleh peningkatan aktiviti pelaburan serta pengukuhan nilai ringgit. Import barangan pengantara dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 5.6% (2010: 22.9%), berikutan ketidakpastian pemulihan output pembuatan serta prestasi yang lemah dalam subsektor E&E. Import barangan modal dijangka meningkat 15.5% dan barangan penggunaan sebanyak 17% (2010: 13.2%; 9.5%), sejajar dengan pengembangan kapasiti dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas serta pembuatan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, nilai import kasar melonjak 8.7% kepada RM327.7 bilion (Januari – Julai 2010: 30%; RM301.5 bilion), mencerminkan volum import dan harga yang lebih tinggi serta aktiviti domestik yang lebih kukuh.

Import **barangan pengantara**, komponen terbesar dalam import meningkat sederhana sebanyak 7% (Januari – Julai 2010: 32.3%). Kadar sederhana ini disebabkan sebahagiannya oleh aktiviti pembuatan yang lebih perlahan berikutan gangguan rantai bekalan global dalam tempoh April hingga Jun 2011. Prestasi ini dicerminkan oleh import yang menurun bagi alat ganti dan

JADUAL 3.18

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir Januari – Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Barangan modal	39,781	43,558	12.0	9.5	13.2	13.3
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	34,971	38,253	14.6	9.4	11.6	11.7
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	4,811	5,306	-3.4	10.3	1.6	1.6
Barangan pengantara	209,579	224,231	32.3	7.0	69.5	68.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	9,442	12,674	22.5	34.2	3.1	3.9
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	21,409	30,048	47.5	40.4	7.1	9.2
Bekalan perindustrian, utama dan diproses	76,837	90,734	34.3	18.1	25.5	27.7
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	7,396	7,370	-2.5	-0.4	2.5	2.2
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	35,106	29,322	16.5	-16.5	11.6	8.9
Injap dan tiub termionik	59,388	54,083	43.9	-8.9	19.7	16.5
Barangan penggunaan	19,964	22,525	13.4	12.8	6.6	6.9
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk penggunaan isi rumah	8,678	9,810	13.6	13.0	2.9	3.0
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	339	417	16.0	23.1	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	10,948	12,298	13.2	12.3	3.6	3.8
Barang tahan lama	2,444	2,735	22.6	11.9	0.8	0.8
Barang separa tahan lama	3,213	3,696	19.4	15.0	1.1	1.1
Barang tidak tahan lama	5,291	5,867	6.1	10.9	1.8	1.8
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	11,340	12,872	64.0	13.5	3.8	3.9
Import untuk eksport semula	20,878	24,561	54.0	17.6	6.9	7.5
Jumlah	301,543	327,748	30.0	8.7	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

aksesori peralatan pengangkutan (-0.4%) serta alat ganti dan aksesori barangan modal (-11.7%). Walau bagaimanapun, import bahan api dan pelincir meningkat dengan ketara sebanyak 40.4% disebabkan oleh harga import yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, import bahan utama dan diproses bagi makanan dan minuman bagi aktiviti pembuatan melonjak 34.2% berikutan kenaikan harga komoditi makanan global.

Sejajar dengan sentimen perniagaan yang lebih baik dan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi, import **barangan modal** meningkat 9.5% (Januari – Julai 2010: 12%), terutamanya bagi sektor pembuatan yang menyokong pengembangan kapasiti pengeluaran. Berikutan penghantaran eksport komoditi yang meningkat serta aktiviti penerokaan minyak dan gas, import kelengkapan pengangkutan terus meningkat 10.3%.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, import **barangan penggunaan** meningkat 12.8% (Januari – Julai 2010: 13.4%) dengan semua subkategori mencatat pertumbuhan positif. Import makanan dan minuman serta alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian mencatat peningkatan yang ketara disebabkan oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Pertumbuhan import barangan penggunaan juga disebabkan oleh kenaikan import barangan pengguna yang lain termasuk barang kemas, perkakas elektrik isi rumah serta ubat-ubatan, kosmetik dan produk penjagaan kesihatan.

Import **barangan lain** (termasuk barangan dwiguna) mencatat pertumbuhan 13.5% (Januari – Julai 2010: 64%), disokong terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi bagi import bahan api dan pelincir diproses serta minyak kenderaan (33.9%). Manakala, **barangan import untuk eksport semula** berkembang 17.6% (Januari – Julai 2010: 54%).

Haluan Perdagangan

Diterajui oleh perdagangan intraserantau

Jumlah perdagangan Malaysia berkembang 7.7% kepada RM724.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 27.1%; RM672.4 bilion) disokong terutamanya oleh permintaan serantau yang lebih kukuh. Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan integrasi ekonomi serantau melalui saluran perdagangan dan pelaburan. Dengan kadar pertumbuhan import lebih besar berbanding eksport, lebih dagangan Malaysia berkurang kepada RM68.6 bilion (Januari – Julai 2010: RM69.4 bilion). Rakan perdagangan utama Malaysia terdiri daripada Singapura (12.9%), China (12.8%), Jepun (11.3%) dan AS (9.1%), yang keseluruhannya mencakupi 46.1% (2010: 46.5%) daripada jumlah perdagangan. Sementara itu, perdagangan dengan ASEAN (kecuali Singapura) menyumbang 13.6% manakala EU menyumbang 10.3% kepada jumlah perdagangan.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, perdagangan Malaysia dengan **Singapura** berkembang 12% kepada RM93.2 bilion dan mencatat lebih RM7.7 bilion. Lebih perdagangan ini disokong oleh peningkatan ketara eksport keluaran petroleum ditapis (58%) yang mengimbangi kesan kemerosotan produk E&E (-14.2%). Oleh yang demikian, eksport ke Singapura meningkat 3.7% manakala import berkembang 23.7%.

Perdagangan dengan **China** yang merupakan rakan perdagangan kedua terbesar kekal menggalakkan dengan lebih perdagangan yang semakin melebar kepada RM9.3 bilion. Jumlah perdagangan dengan China meningkat 8.2% kepada RM92.3 bilion dengan eksport meningkat 8.8% disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi litar bersepadu elektronik, minyak sawit serta mesin memproses data. Import dari China berkembang 7.4%, terutamanya disumbang oleh produk E&E, alat ganti dan aksesori untuk mesin, serta alat terima siaran televisyen.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, perdagangan dengan **Jepun** berkembang dengan kukuh kepada RM81.6 bilion dan menyumbang 11.3% kepada jumlah perdagangan. Bencana gempa bumi di Jepun telah menjejaskan perdagangan, terutamanya bagi barangan pembuatan, dari bulan April hingga Jun 2011. Walau bagaimanapun, eksport produk komoditi yang kukuh telah mengimbangi kelembapan dalam eksport barangan pembuatan. Eksport ke Jepun meningkat 18% disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi produk LNG (22.6%) berikutan kekurangan bekalan tenaga akibat penutupan beberapa loji nuklear. Tambahan pula, eksport produk kayu meningkat dengan ketara sebanyak 27.8% disebabkan oleh aktiviti penambahan stok sebagai persediaan untuk projek pembinaan semula. Walau bagaimanapun, import dari Jepun menguncup 1.2% disebabkan terutamanya oleh gangguan rantai bekalan, khususnya bagi produk E&E (-10.5%) serta jentera, perkakasan dan alat ganti (-9.5%).

JADUAL 3.19

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Julai

	RM juta				Imbangan perdagangan				Perubahan (%)				Sumbangan (%)			
	Eksport		Import		perdagangan				Eksport		Import		Eksport		Import	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Singapura	48,642	50,453	34,568	42,769	14,075	7,684			17.6	3.7	36.6	23.7	13.1	12.7	11.5	13.0
China	46,707	50,838	38,664	41,508	8,043	9,330			38.8	8.8	19.4	7.4	12.6	12.8	12.8	12.7
Jepun	37,399	44,141	37,870	37,422	-470	6,719			31.1	18.0	30.9	-1.2	10.1	11.1	12.6	11.4
Amerika Syarikat	36,214	33,075	32,343	32,619	3,872	456			6.6	-8.7	19.4	0.9	9.8	8.3	10.7	10.0
Timur Laut Asia (tidak termasuk China & Jepun)	45,271	46,552	37,520	36,716	7,751	9,835			33.6	2.8	45.6	-2.1	12.2	11.7	12.4	11.2
Hong Kong SAR	18,891	18,273	7,467	7,399	11,424	10,874			22.7	-3.3	28.1	-0.9	5.1	4.6	2.5	2.3
Republik Korea	14,710	15,411	16,387	13,679	-1,677	1,732			33.7	4.8	55.6	-16.5	4.0	3.9	5.4	4.2
Taiwan	11,595	12,761	13,648	15,611	-2,052	-2,850			56.3	10.1	45.2	14.4	3.1	3.2	4.5	4.8
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	46,055	48,375	46,809	49,990	-754	-1,614			29.6	5.0	41.0	6.8	12.4	12.2	15.5	15.3
Thailand	21,016	21,201	19,095	19,884	1,921	1,317			31.5	0.9	37.8	4.1	5.7	5.3	6.3	6.1
Indonesia	10,971	11,930	16,868	21,175	-5,897	-9,245			14.4	8.7	37.2	25.5	3.0	3.0	5.6	6.5
Filipina	5,642	6,466	5,906	2,840	-264	3,627			54.9	14.6	192.7	-51.9	1.5	1.6	2.0	0.9
Kesatuan Eropah	39,824	41,338	30,801	33,139	9,023	8,200			24.5	3.8	15.5	7.6	10.7	10.4	10.2	10.1
Jermaan	9,530	11,139	11,958	12,472	-2,428	-1,333			28.6	16.9	18.8	4.3	2.6	2.8	4.0	3.8
Belanda	12,461	10,871	1,877	2,026	10,584	8,845			28.5	-12.8	13.3	7.9	3.4	2.7	0.6	0.6
United Kingdom	4,273	4,140	3,558	3,391	716	750			4.1	-3.1	2.7	-4.7	1.2	1.0	1.2	1.0
Asia Selatan	19,097	25,227	5,018	6,746	14,079	18,481			24.7	32.1	0.6	34.4	5.1	6.4	1.7	2.1
India	11,732	16,165	4,454	5,845	7,278	10,321			18.5	37.8	-3.6	31.2	3.2	4.1	1.5	1.8
Pakistan	3,917	4,347	373	454	3,544	3,893			19.0	11.0	53.6	21.5	1.1	1.1	0.1	0.1
Asia Barat	12,964	14,771	9,483	15,523	3,481	-752			7.9	13.9	13.2	63.7	3.5	3.7	3.1	4.7
Emiriyah Arab Bersatu	7,100	7,501	4,088	4,770	3,012	2,732			21.5	5.6	17.5	16.7	1.9	1.9	1.4	1.5
Arab Saudi	1,720	2,441	2,792	5,445	-1,072	-3,004			5.4	41.9	12.2	95.0	0.5	0.6	0.9	1.7
Iran	1,442	1,868	614	868	828	1,000			21.4	29.6	9.0	41.4	0.4	0.5	0.2	0.3
Australia	14,507	14,281	5,387	7,057	9,120	7,224			29.8	-1.6	0.3	31.0	3.9	3.6	1.8	2.2
New Zealand	1,778	1,661	1,236	1,529	543	131			77.8	-6.6	29.0	23.8	0.5	0.4	0.4	0.5
Afrika	8,923	10,387	5,816	6,139	3,107	4,248			29.5	16.4	132.9	5.6	2.4	2.6	1.9	1.9
Negara-negara lain	13,521	15,249	16,030	16,589	-2,509	-1,340			16.3	12.8	52.8	3.5	3.6	3.8	5.3	5.1
Jumlah	370,902	396,348	301,543	327,747	69,359	68,600			24.9	6.9	30.0	8.7	100.0	100.0	100.0	100.0


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.14

Haluan Perdagangan Luar Negeri**Januari – Julai 2011**

(% bahagian)

¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Berikutan pertumbuhan ekonomi AS yang sederhana, perdagangan dengan **AS** menurun 4.2% kepada RM65.7 bilion dan merangkumi 9.1% daripada jumlah keseluruhan perdagangan. Penurunan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kemerosotan eksport ke AS (-8.7%) disebabkan oleh pengurangan permintaan bagi produk E&E (-18.4%) serta getah (-1.2%) dan produk kayu. (-23.4%) Walau bagaimanapun, import berkembang 0.9%, didorong terutamanya oleh peningkatan import jentera dan kelengkapan pengangkutan dengan sektor perniagaan mengambil peluang terhadap pengukuhan nilai ringgit untuk menaik taraf dan pengembangan kapasiti kilang.

Perdagangan dengan **ASEAN (kecuali Singapura)** kekal menggalakkan dengan jumlah perdagangan berkembang 5.9% kepada RM98.4 bilion, didorong terutamanya oleh permintaan terhadap input pembuatan. Paling ketara, perdagangan dengan Thailand mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi 2.4% dan Indonesia sebanyak 18.9%. Meskipun berhadapan dengan ketidakpastian krisis hutang

berdaulat di beberapa negara EU, perdagangan dengan EU secara keseluruhannya tidak begitu terjejas. Jumlah perdagangan dengan **EU** meningkat 5.5% kepada RM74.5 bilion disokong oleh perdagangan dengan Belanda, Jerman, Perancis, dan UK. Eksport ke EU meningkat 3.8%, berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi minyak sawit dan getah, manakala import termasuk alat perkakas litar bersepadu elektronik dan pesawat meningkat 7.6% dalam tempoh yang sama.

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa yang kukuh

Kedudukan **imbangan pembayaran** keseluruhan Malaysia dijangka kekal menggalakkan pada 2011 dengan lebih akaun semasa yang kukuh dan aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun kewangan. Lebih akaun semasa dijangka kekal tinggi sebanyak RM89.3 bilion atau 10.9% daripada PNK (2010: RM88.1 bilion; 11.9%) disokong oleh lebih perdagangan yang kukuh.

Pada masa yang sama, aliran keluar bersih akaun kewangan diunjurkan bertambah baik, disokong terutamanya oleh aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang berterusan. Sehubungan dengan itu, rizab antarabangsa Malaysia dijangka terus mengukuh, justeru meningkatkan lagi daya tahan ekonomi negara.

Lebih **akaun barangan** dianggar meningkat kepada RM139.7 bilion (2010: RM134.7 bilion). Eksport kasar dijangka berkembang 6.7% kepada RM682.7 bilion (2010: 15.5%; RM640 bilion) disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi, terutamanya minyak sawit, getah dan petroleum mentah serta permintaan serantau yang kukuh daripada pasaran membangun berkembang pesat. Pada tahun 2011, import kasar dijangka meningkat 7.5% kepada RM543 bilion (2010: 22.6%; RM505.3 bilion), mencerminkan peningkatan dalam semua kategori import. Tambahan pula, importkasar diunjurkan meningkat disebabkan oleh aktiviti pembinaan dan pelaburan yang cergas, peningkatan pendapatan boleh guna serta pengukuhan nilai ringgit.

Akaun perkhidmatan, merangkumi akaun perjalanan, pengangkutan, urus niaga Kerajaan dan perkhidmatan lain, dijangka mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.4 bilion pada 2011 (2010: +RM1.7 bilion) disebabkan oleh defisit yang lebih besar dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain. Dalam akaun pengangkutan, jumlah pembayaran bersih dijangka lebih tinggi pada RM24.5 bilion (2010: -RM23.2 bilion) akibat kebergantungan berterusan kepada syarikat perkapalan asing bagi pengangkutan barangan. Bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan laut yang menyumbang sebahagian besar kepada aliran keluar kasar dijangka berkembang 5.7% kepada RM40.4 bilion (2010: 17.5%; RM38.2 bilion) disebabkan oleh pengembangan perdagangan dan bayaran pengangkutan yang semakin meningkat berikutan kos bahan api yang lebih tinggi. Terimaan kasar pula dianggar meningkat 5.7% kepada RM16 bilion (2010: -2.7%; RM15.1 bilion) disokong oleh peningkatan pendapatan daripada perkhidmatan penumpang,

JADUAL 3.20

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran**2010 – 2011**

(RM juta)

	2010			2011 ¹		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	745,311	608,887	136,424	791,146	652,842	138,304
Barangan	640,043	505,317	134,726	682,707	543,025	139,682
Perkhidmatan	105,268	103,570	1,698	108,439	109,816	-1,378
Pengangkutan	15,095	38,248	-23,153	15,959	40,421	-24,462
Perjalanan	58,868	25,541	33,327	60,180	26,691	33,489
Perkhidmatan lain	31,045	38,998	-7,953	31,961	41,858	-9,897
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l. ²	260	783	-523	339	847	-508
Pendapatan	38,297	64,811	-26,514	41,378	68,525	-27,148
Pampasan pekerja	3,548	5,634	-2,086	3,568	5,782	-2,214
Pendapatan pelaburan	34,748	59,176	-24,428	37,810	62,743	-24,933
Pindahan semasa	1,855	23,686	-21,831	2,461	24,331	-21,871
Imbangan akaun semasa	785,463	697,384	88,079	834,984	745,698	89,285
% daripada PNK			11.9			10.9

¹ Anggaran.² Tidak dicatat di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pindah kapal dan perkhidmatan sewaan oleh syarikat perkapalan dan syarikat penerbangan domestik.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik dan permintaan yang lebih tinggi, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM9.9 bilion (2010: -RM8 bilion). Bayaran yang lebih tinggi bagi perkhidmatan yang diimport ini dianggarkan meningkat dengan ketara sebanyak 7.3% kepada RM41.9 bilion (2010: -3.5%; RM39 bilion) disebabkan oleh bayaran yang lebih tinggi bagi royalti dan fi lesen, serta bayaran perkhidmatan pembinaan dan perniagaan lain.

Pada tahun 2011, terimaan perjalanan yang merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan dalam akaun perkhidmatan dijangka meningkat 2.2% kepada RM60.2 bilion (2010: 5.9%; RM58.9 bilion), mencerminkan kejayaan strategi promosi pelancongan. Prestasi kukuh ekonomi negara serantau dan jaringan hubungan perkhidmatan udara yang lebih meluas melalui peningkatan bilangan penerbangan, termasuk penerbangan sewaan dan tambang promosi, dijangka meningkatkan lagi bilangan ketibaan pelancong kepada 25.3 juta (2010: 24.6 juta). Dari segi pembayaran, peningkatan gaya hidup dan pendapatan isi rumah serta pengembangan aktiviti perniagaan dijangka mendorong kepada peningkatan perbelanjaan perjalanan di luar negeri sebanyak 4.5% kepada RM26.7 bilion (2010: 11.6%; RM25.5 bilion). Tambahan pula, perbelanjaan rakyat Malaysia bagi pendidikan, kesihatan dan menunaikan haji-umrah dianggarkan meningkat pada 2011. Secara keseluruhannya, akaun perjalanan akan terus mencatat lebihan sebanyak RM33.5 bilion (2010: RM33.3 bilion).

Akaun pendapatan yang merangkumi pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja dianggarkan mencatat defisit RM27.1 bilion (2010: -RM26.5 bilion). Bayaran kasar bagi pendapatan pelaburan dijangka meningkat 6% kepada RM62.7 bilion (2010: 22%; RM59.2 bilion) berikutan keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh pelabur asing yang beroperasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, aliran keluar sebenar pendapatan pelaburan

jauh lebih rendah, memandangkan sebahagian besar pendapatan ini dikekalkan untuk pelaburan semula di Malaysia. Peningkatan bilangan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri untuk mempelbagaikan operasi yang memberi sinergi kepada aktiviti domestik telah membuahkan hasil yang positif. Sehubungan dengan itu, keuntungan dan dividen kepada syarikat Malaysia dijangka meningkat 8.8% kepada RM37.8 bilion (2010: -1.7%; RM34.7 bilion), terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan, perlombongan serta pembuatan. Defisit akaun pampasan pekerja, termasuk gaji, upah dan faedah lain yang diterima oleh residen yang bekerja di luar negeri dan bukan residen yang bekerja di Malaysia, dijangka kekal stabil pada RM2.2 bilion (2010: -RM2.1 bilion).

Aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** dijangka kekal pada RM21.9 bilion (2010: -RM21.8 bilion). Keadaan ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memastikan kemasukan pekerja asing terus terkawal berdasarkan keperluan pelbagai sektor ekonomi. Oleh itu, bayaran pindahan pada 2011 dijangka meningkat sedikit pada kadar 2.7% kepada RM24.3 bilion (2010: 1.5%; RM23.7 bilion). Sementara itu, terimaan pindahan wang masuk diunjurkan berkembang 32.6% kepada RM2.5 bilion (2010: -50.1%; RM1.9 bilion).

Pada tahun 2011, **akaun kewangan** termasuk pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan dan pelaburan lain, dianggarkan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah. Walaupun ketidakpastian global dan persaingan yang lebih besar daripada negara membangun berkembang pesat, Malaysia terus menarik aliran masuk FDI yang lebih besar. Perkembangan ini didorong oleh keyakinan pelabur terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan dan beberapa inisiatif Kerajaan, termasuk pelaksanaan projek EPP di bawah ETP serta usaha berterusan Kerajaan dalam meliberalisasikan lagi ekonomi.

Berdasarkan prospek pertumbuhan serantau yang kukuh, pelaburan langsung ke luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia dijangka lebih besar. Jumlah DIA yang lebih tinggi akan disalurkan terutamanya dalam sektor perkhidmatan, perlombongan serta

pembuatan dengan tumpuan diberikan di negara membangun berkembang pesat, termasuk di rantau Asia. Pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri bertujuan untuk memperkukuh penguasaan pasaran sedia ada di samping meneroka peluang baharu untuk mempelbagaikan punca pendapatan. Perkembangan ini secara langsung akan menyumbang kepada kerancakan aktiviti domestik serta mampu menempatkan Malaysia antara pelabur utama di peringkat global.

Pelaburan portfolio dijangka mencatat aliran masuk yang berterusan tetapi dengan sedikit volatiliti terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2011 berikutan persekitaran luar yang semakin mencabar. Aliran masuk pelaburan portfolio ke Malaysia dijangka disalurkan dalam pasaran ekuiti dan hutang dengan sebahagian besar dana dilaburkan dalam sekuriti hutang jangka panjang. Walau bagaimanapun, komponen pelaburan lain

dalam akaun kewangan diunjurkan mencatat aliran keluar bersih berikutan terutamanya bayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh sektor rasmi, peningkatan pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia dan bayaran balik kredit perdagangan oleh pengimport Malaysia. Di samping itu, penempatan aset di luar negeri oleh sektor perbankan dan penyelesaian pinjaman antara bank juga akan terus menyumbang kepada aliran keluar kasar akaun berkenaan.

Kedudukan **rizab antarabangsa** Malaysia kekal kukuh berjumlah RM414.5 bilion atau USD137.1 bilion pada 15 September 2011 (2010: RM328.6 bilion; USD106.5 bilion) berikutan lebih akaun perdagangan yang berterusan serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan 4.5 kali hutang luar jangka pendek. Kedudukan rizab antarabangsa dijangka kekal berdaya tahan dipacu oleh lebih akaun semasa BOP yang terus tinggi sebanyak 10.9% daripada PNK.


Harga

IHP mencatat paras tertinggi pada bulan Jun

Indeks Harga Pengguna (IHP) kini telah mengalami perubahan tahun asas berkuat kuasa Januari 2011 iaitu dari tahun 2005 ke 2010. Perubahan ini dilaksanakan bagi mencerminkan corak perbelanjaan isi rumah terkini berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang telah dijalankan dari April 2009 sehingga Mac 2010. Kadar inflasi keseluruhan yang diukur oleh peratus perubahan tahunan IHP telah mengalami peningkatan selaras dengan trend inflasi di seluruh dunia berikutan harga bahan api dan makanan yang lebih tinggi pada tahun 2011. Harga *Dated Brent* melonjak dengan ketara sebanyak 43.5%, manakala harga komoditi makanan seperti gandum, kacang soya, jagung, CPO, beras, dan gula turut meningkat antara 14.7% hingga 71.4% sejak Ogos 2010 sehingga Ogos 2011.

CARTA 3.15

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 15 September 2011.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 3.21

Pengkelasan semula Indeks Harga Pengguna (IHP)**(2005 = 100)**

	Wajaran
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4
Minuman alkohol dan tembakau	1.9
Pakaian dan kasut	3.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3
Kesihatan	1.4
Pengangkutan	15.9
Komunikasi	5.1
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6
Pendidikan	1.9
Restoran dan hotel	3.0
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.0

(2010 = 100)¹

	Wajaran
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3
Minuman alkohol dan tembakau	2.2
Pakaian dan kasut	3.4
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1
Kesihatan	1.3
Pengangkutan	14.9
Komunikasi	5.7
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6
Pendidikan	1.4
Restoran dan hotel	3.2
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3

¹ Berkuatkuasa Januari 2011, tahun asas bagi IHP telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Inflasi di Malaysia telah meningkat 3.1% dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: 1.5%). Tiga penyumbang utama kepada kenaikan tersebut ialah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol; pengangkutan; serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain yang menyumbang 2.5 mata peratusan kepada peningkatan IHP. Selain faktor bekalan, kenaikan inflasi juga disumbangkan sebahagiannya oleh rasionalisasi subsidi bagi beberapa barangan keperluan pengguna, termasuk gula, petrol RON97 dan tarif elektrik.

Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 4.6% (Januari – Ogos 2010: 2.2%), menyumbang 1.4 mata peratusan kepada IHP. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan harga makanan di rumah sebanyak 5% dan makanan di luar rumah sebanyak 4.2%. Barangan makanan keperluan yang mencatatkan peningkatan ialah daging (7.1%), sayur-sayuran (7%) serta ikan dan makanan laut (4.8%), disebabkan terutamanya oleh gangguan dalam penawaran berpunca daripada keadaan cuaca yang tidak menentu serta

peningkatan permintaan semasa musim perayaan dan cuti persekolahan. Pada 10 Mei 2011, Kerajaan telah merasionalisasikan harga gula sebanyak 20 sen kepada RM2.30 sekilogram berikutan peningkatan mendadak harga gula dalam pasaran global.

Berikutan empat pelarasan berturut-turut harga pam petrol RON97 dari RM2.40 ke RM2.90 seliter antara Januari dan Mei 2011, harga bagi **kumpulan pengangkutan** turut meningkat 4.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: 1.3%), menyumbang 0.7 mata peratusan kepada peningkatan IHP. Walau bagaimanapun, pada 16 Jun 2011, Kerajaan telah menurunkan harga petrol RON97 sebanyak 10 sen kepada RM2.80 seliter, berikutan harga minyak mentah global yang mula stabil sedikit walaupun kekal pada paras yang tinggi. Peningkatan harga yang ketara dalam kumpulan ini juga disebabkan oleh kenaikan harga bahan api dan pelincir untuk peralatan pengangkutan persendirian (7.5%), alat ganti dan aksesori untuk pengangkutan persendirian (5.3%) serta pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian (3.2%).

JADUAL 3.22

Indeks Harga Pengguna (IHP)
Januari – Ogos
 (2010 = 100)¹

		Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)	Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)
	Wajaran	2010	2010	2011	2011
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	2.2	47.7	4.6	44.7
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	3.0	4.3	6.3	4.3
Pakaian dan kasut	3.4	-1.7	-2.8	-0.3	-0.4
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.0	13.6	1.7	12.5
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	0.7	1.8	1.6	2.0
Kesihatan	1.3	1.6	1.3	2.6	1.1
Pengangkutan	14.9	1.3	12.7	4.9	23.4
Komunikasi	5.7	-0.3	-1.0	-0.2	-0.3
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	2.3	6.4	1.3	1.9
Pendidikan	1.4	1.7	2.0	2.1	1.0
Restoran dan hotel	3.2	1.7	3.5	5.7	5.9
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	2.8	10.5	1.9	3.9
Jumlah	100.0	1.5	100.0	3.1	100.0

¹ Berkuatkuasa Januari 2011, tahun asas bagi IHP telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2011, harga bagi **kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain** meningkat 1.7% (Januari – Ogos 2010: 1%) dan menyumbang 0.4 mata peratusan kepada peningkatan IHP. Keadaan ini disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi gas (7.2%) serta caj perkhidmatan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman (3%). Pada 1 Jun 2011, tarif purata elektrik telah dinaikkan sebanyak 2.23 sen per kilowatt sejam (kWj) kepada 33.54 sen kWj, sebagai sebahagian daripada langkah rasionalisasi subsidi yang berterusan. Walaupun tarif elektrik dinaikkan sebanyak 7.1%, sejumlah 75% atau 4.4 juta pengguna domestik yang menggunakan kurang daripada 300 kWj sebulan tidak akan terjejas. Oleh itu, impak kenaikan tarif ke atas IHP tidak begitu ketara. Pada keseluruhannya, tekanan inflasi telah diimbangi sedikit oleh penurunan

harga dalam **kumpulan pakaian dan kasut** sebanyak 0.3% serta **komunikasi** sebanyak 0.2% (Januari – Ogos 2010: -1.7%, -0.3%) disebabkan oleh persaingan dalam pasaran.

IHP bagi **kawasan bandar** meningkat 3.1% dan begitu juga **luar bandar** sebanyak 3.2% (Januari – Ogos 2010: 1.6%; 1.5%). Kenaikan harga bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol serta pengangkutan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan dalam IHP di kedua-dua kawasan tersebut. Sementara itu, mengikut kumpulan berasaskan pendapatan, IHP bagi **kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000, kurang daripada RM1,500 dan kurang daripada RM1,000** mencatatkan kadar peningkatan yang sama, iaitu 3.4% disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol.


Menangani Kenaikan Inflasi

Pengenalan

Kerajaan, khususnya di negara-negara membangun, sekali lagi berdepan dengan kenaikan inflasi yang ketika ini berpunca daripada lonjakan harga komoditi global terutamanya bahan api dan komoditi makanan. Kenaikan ini seiring dengan pemulihan pertumbuhan ekonomi global yang mula meningkat sejak pertengahan 2010. Harga komoditi global telah meningkat disebabkan oleh beberapa faktor yang termasuk peningkatan permintaan daripada penduduk yang semakin bertambah dan taraf kekayaan yang lebih baik terutamanya di negara membangun dan gangguan bekalan yang berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk serta pergolakan politik di Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA). Perkembangan ini dicerminkan pada peningkatan Indeks Harga Makanan Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO). Indeks ini secara purata mencatat 157 mata pada 2009, meningkat lagi daripada 172 mata pada Julai 2010 kepada 234 mata pada Jun 2011. Dalam tempoh separuh pertama 2011, indeks ini kekal tinggi diantara 231 mata hingga 238 mata, dengan paras tertinggi dicatatkan pada bulan Februari. Begitu juga dengan harga komoditi minyak dunia yang telah meningkat daripada paras yang agak stabil antara USD75 – USD85 setong dalam lapan bulan pertama 2010 kepada kira-kira USD116 pada akhir Julai 2011.

CARTA 1


Indeks Harga Makanan (2002 – 2004 = 100)



¹ Sehingga Julai 2011.


Sumber : Food and Agriculture Organisation of the United Nations.

Indeks Harga Komoditi Makanan



Sungguhpun tekanan inflasi merupakan fenomena global, impaknya lebih dialami oleh negara membangun berbanding dengan negara maju. Peningkatan harga minyak telah mengakibatkan harga runcit bahan api domestik semakin mahal dan seterusnya mempengaruhi kenaikan kos pengeluaran dan harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan. Kesan kenaikan harga makanan global juga lebih dirasai oleh negara membangun memandangkan perbelanjaan makanan merupakan penyumbang besar kepada bakul perbelanjaan pengguna. Bagi sesetengah negara seperti China, India dan Vietnam, kadar kenaikan harga makanan telah mencapai dua angka, sekaligus menyebabkan kenaikan paras inflasi keseluruhan.

CARTA 2

Harga Minyak Mentah Dunia**Kesan kepada Malaysia**

Inflasi keseluruhan di Malaysia telah mencatat kadar yang rendah sebanyak 0.6% pada 2009 dan tinggi sedikit pada kadar 1.7% bagi 2010, mencerminkan trend harga komoditi global yang semakin meningkat. Tekanan inflasi ini berterusan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 dengan peningkatan sebanyak 3.1%. Walau bagaimanapun, berbanding dengan negara lain, kadar inflasi Malaysia kekal antara yang terendah di rantau ini.

JADUAL 1

Wajaran Makanan dalam IHP, Inflasi Makanan dan kadar Inflasi bagi Negara Terpilih (Januari – Julai 2011)

Negara	Wajaran Makanan (%)	Inflasi Makanan (%)	Kadar Inflasi (%)	Negara	Wajaran Makanan (%)	Inflasi Makanan (%)	Kadar Inflasi (%)
Cambodia ¹	44.8	6.2	2.5	Malaysia ¹	30.3	4.6	3.1
China ²	30.2	11.8	5.6	Filipina ¹	46.6	5.9	4.8
Hong Kong	26.7	6.2	5.0	Singapura ¹	22.0	2.8	5.0
India ³	14.3	10.2	9.5	Taiwan	26.1	2.3	1.4
Indonesia ⁴	36.2	11.3	6.1	Thailand ¹	33.0	7.0	3.6
Republik Korea ¹	14.0	9.6	4.4	Vietnam	39.9	24.0	17.0

¹ Termasuk minuman bukan alkohol.


² Termasuk minuman.

³ Berdasarkan Indeks harga borong.

⁴ Termasuk minuman dan tembakau.

Sumber: Bloomberg dan pihak berkuasa negara.

CARTA 3

Trend Inflasi dan Pertumbuhan KDNK Malaysia, 1970 – 2011

Menurut Bank Dunia, walaupun paras harga dalam nilai dolar Amerika Syarikat bagi komoditi makanan yang didagangkan di peringkat antarabangsa, telah melonjak 40% sejak Jun 2010, kenaikan indeks harga makanan secara keseluruhan di negara membangun tidak begitu ketara. Ini disebabkan sebahagiannya oleh langkah kawalan harga dan subsidi kerajaan. Langkah ini juga menyumbang kepada paras inflasi Malaysia yang rendah. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna tiada tambahan kos berlaku ke atas negara memandangkan kenaikan harga turut memberi kesan peningkatan ketara ke atas subsidi makanan dan bahan api. Semasa keadaan inflasi meningkat ke paras tertinggi pada 2008, jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan bagi LPG, diesel, petrol, beras, gula, tepung gandum dan minyak masak berjumlah RM19.3 bilion. Jumlah subsidi ini pula menyusut 56.8% pada 2009, berikutan paras inflasi yang rendah iaitu pada kadar 0.6% sejajar dengan penurunan ketara harga minyak mentah sebanyak 57.5% dan kejatuhan Indeks Harga Makanan FAO sebanyak 21.4%. Jumlah subsidi sejak itu telah meningkat 48.4% kepada RM12.4 bilion dalam 2010 dan dijangka lebih tinggi mencecah RM19.9 bilion pada 2011.

Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan kenaikan inflasi serta kesannya terhadap kesejahteraan rakyat. Sungguhpun situasi ini masih mampu ditangani oleh kebanyakan rakyat, namun begitu Kerajaan amat prihatin terhadap kesan kenaikan harga makanan yang membebankan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Golongan ini merupakan yang paling mudah terjejas oleh sebarang kenaikan mendadak ke atas harga makanan memandangkan sebahagian besar pendapatan mereka diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan makanan.

Tindak Balas Dasar

Kerajaan sentiasa memantau dengan teliti perkembangan harga pada peringkat domestik dan antarabangsa serta mengambil langkah pencegahan awal dari sudut dasar monetari bagi menangani kesan kenaikan inflasi. Sejalan dengan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin kukuh dalam 2010, kadar dasar semalaman (OPR) terus diseimbang dan diselaras pada kadar yang lebih tinggi sebanyak tiga kali dalam 2010 serta sekali lagi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. Langkah ini bertujuan untuk memastikan OPR kekal stabil dan bersesuaian dengan penilaian terhadap trend pertumbuhan ekonomi dan inflasi negara.

Kerajaan juga sentiasa menilai kedudukan terkini bebanan perbelanjaan subsidi kepada kedudukan fiskal negara, serta langkah yang perlu diambil untuk memperkukuhkannya. Bagaimanapun, sebarang langkah rasionalisasi subsidi yang bakal dilaksana akan dilakukan secara berperingkat. Dalam hal ini golongan miskin dan berpendapatan rendah akan terus dipastikan menerima bantuan Kerajaan. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Harga dan Bekalan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Tumpuan Jawatankuasa Kabinet ini adalah untuk menentukan polisi harga serta memastikan bekalan yang mencukupi dan mudah diperoleh pada harga yang munasabah kepada pengguna.

Langkah yang Dilaksanakan

Memandangkan kesukaran yang dihadapi rakyat, terutamanya golongan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah, termasuk:

- Menyediakan **subsidi** petrol, diesel, LPG dan barang makanan seperti beras (ST15%), gula, tepung gandum dan minyak masak serta memansuhkan duti import bagi beberapa barangan makanan seperti mihun, biskut, jus buah-buahan dan jagung manis;
- Menyediakan **peruntukan** RM974 juta untuk subsidi padi, baja dan benih padi; RM230 juta untuk insentif pengeluaran dan meningkatkan hasil padi; RM235 juta untuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran serta penggunaan benih padi berkualiti tinggi dan RM170 juta sebagai insentif kepada nelayan dan pekerja bot bagi meningkatkan hasil tangkapan;
- Melanjutkan tempoh **potongan cukai pendapatan** untuk pelabur dan pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan selama lima tahun lagi sehingga 2015;
- Melaksanakan **Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008 – 2010** bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro makanan serta menjamin bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat untuk dimakan. Ini diikuti oleh pelaksanaan **Dasar Agro Makanan 2011 – 2020** bertujuan meneroka lagi potensi pertanian bagi meningkatkan pengeluaran dan membangunkan rangkaian bekalan yang lebih bersepadu;
- Memperkenalkan portal interaktif **1Malaysia Pengguna Bijak**, melalui dalam talian www.1pengguna.com, yang menyediakan maklumat terkini berkaitan harga ke atas 355 barangan pengguna yang membolehkan pengguna membuat perbandingan harga jualan di 1,255 kedai di seluruh negara, termasuk pasar raya besar, pasar raya dan pasar basah. Harga barangan ini sentiasa dipantau dan dikemas kini oleh 1,300 pegawai pemantau harga;
- Melaksanakan **Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010** untuk mengawal harga barangan atau caj perkhidmatan serta melarang aktiviti pencatutan iaitu menjual dan membekalkan barangan dan perkhidmatan dengan keuntungan berlebihan;




- Menggubal **Akta Persaingan 2010** (akan berkuat kuasa pada Januari 2012) untuk mengurangkan amalan antipersaingan oleh sebuah atau beberapa buah entiti perniagaan bagi melindungi kepentingan pengguna. Ini termasuk menetapkan secara langsung atau tidak langsung harga belian atau jualan atau sebarang syarat perniagaan lain. Sesebuah entiti perniagaan juga ditegah dari terlibat dalam sebarang tatacara yang menyalahgunakan kedudukan dominan, baik secara sendiri mahupun secara berkumpulan bagi sebarang pasaran untuk barangan dan perkhidmatan;
- Melancarkan **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)**. KR1M menawarkan 250 barangan berjenama "1Malaysia" pada harga yang lebih rendah sehingga 40% berbanding harga pasaran, bagi meringankan beban kumpulan mudah terjejas di kawasan bandar. KR1M pertama telah dilancarkan di Kelana Jaya pada 22 Jun, diikuti Bandar Tun Razak pada 22 Ogos dan di Pantai Dalam pada 26 Ogos 2011;
- Memperkenalkan **Menu Rakyat 1Malaysia** yang menawarkan harga yang mampu dibeli iaitu RM2 untuk hidangan sarapan pagi dan RM4 untuk makan tengah hari. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pengendali kedai makanan di seluruh negara bagi membantu rakyat berjimat dalam perbelanjaan harian mereka. Kini, 728 pengendali restoran telah menyertai program ini dan lokasi mereka boleh didapati melalui Portal Pengguna Bijak 1 Malaysia, www.1pengguna.com;
- Melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** bagi membantu golongan muda di bawah umur 35 tahun yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah, serta **Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** bagi membina rumah terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar yang disasarkan untuk kumpulan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah antara RM2,500 dan hingga RM6,000 sebulan.

Kesimpulan

Sejajar dengan usaha gigih Kerajaan mengurangkan kesan kenaikan inflasi terhadap rakyat secara holistik, Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan penambahan satu lagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk menangani masalah kenaikan kos sara hidup. Objektif utama NKRA ini adalah untuk mengenal pasti langkah bagi membantu dan meringankan bebanan yang dihadapi oleh rakyat, khususnya golongan mudah terjejas dan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Langkah ini akan memastikan polisi dan inisiatif yang diambil untuk membantu rakyat dapat diselaraskan dengan baik serta sumber digunakan secara optimum bagi membantu golongan sasar dengan lebih berkesan.

CARTA 3.16


IHP di Malaysia (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.17

Trend IHP dan IHPR (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR), iaitu pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar dalam negeri dan harga yang dibayar oleh pengimport, meningkat 9.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 6.2%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang ketara bagi pengeluaran tempatan. **IHPR bagi pengeluaran tempatan** meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu 12.1% (Januari – Julai 2010: 8.5%), menyumbang 8.3 mata peratusan kepada peningkatan IHPR. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan harga yang kukuh bagi kumpulan bahan api galian dan pelincir (19.2%), bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (35.5%) serta minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (38.6%) (Januari – Julai 2010: 21.7%; 21.6%; 12.8%). Dari segi **peringkat pemprosesan bagi pengeluaran**

JADUAL 3.23

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Januari – Julai
 (2005 = 100)¹

		Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (%)	Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (%)
	Wajaran	2010	2010	2011	2011
Ekonomi domestik	100.0	6.2	100.0	9.1	100.0
Makanan	5.4	2.2	2.1	8.0	5.2
Minuman dan tembakau	0.9	-0.3	0.0	2.6	0.2
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	19.1	19.1	32.0	24.6
Bahan api galian, pelincir dll	17.4	17.9	50.6	17.7	37.8
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	12.0	9.9	37.6	22.3
Bahan kimia	7.0	3.9	4.2	9.0	6.5
Barang-barang keluaran kilang	10.9	1.0	1.8	3.9	4.5
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	1.5	10.1	-0.7	-2.8
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.9	0.8	2.1	1.1
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	18.5	1.3	2.2	0.1
Pengeluaran tempatan	66.4	8.5	91.6	12.1	91.7
Import	33.6	1.6	8.5	2.4	8.0

¹ Berkuatkuasa Januari 2010, tahun asas bagi IHPR telah disemak semula dari tahun 2000 ke tahun 2005.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

tempatan, kos bahan perantaraan, bekalan dan komponen mencatat kenaikan terbesar sebanyak 11.6%, diikuti oleh bahan mentah untuk diproses selanjutnya sebanyak 29.3%, dan kedua-duanya menyumbang 11.5 mata peratusan kepada peningkatan keseluruhan.

Sementara itu, **komponen import yang terdiri daripada 33.6% IHPR domestik** mencatat peningkatan yang kecil iaitu 2.4% (Januari – Julai 2010: 1.6%) dan menyumbang hanya 0.7 mata peratusan kepada kenaikan IHPR secara keseluruhan. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 1.3% serta bahan api galian dan pelincir sebanyak 8.8% (Januari – Julai 2010: 1.6%; 0.8%).

Pasaran Buruh


Pasaran buruh kekal stabil

Prestasi ekonomi Malaysia yang menggalakkan pada tahun 2011 akan terus memberi manfaat kepada pasaran buruh di negara ini. Dengan pertumbuhan permintaan buruh yang mengatasi penawaran, ekonomi negara akan terus berkembang di bawah keadaan guna tenaga penuh. **Tenaga buruh** dijangka bertambah 2.3% kepada 12.6 juta (2010: 2.3%; 12.4 juta) disumbang oleh peningkatan dalam tenaga kerja. Berikutan perkembangan ini, **kadar pengangguran** dijangka menurun kepada 3.3% atau 419,000 penganggur pada tahun 2011 (2010: 3.4%; 424,200). Selaras dengan pelbagai langkah yang diambil oleh

Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan, peratusan tenaga buruh dengan pendidikan tertiar dijangka bertambah kepada 26.9% pada tahun 2011 berbanding dengan 24.2% pada tahun 2010. **Kadar penyertaan tenaga buruh** dijangka meningkat kepada 64.8% pada tahun 2011 berbanding 64.3% pada tahun sebelumnya disebabkan oleh penyertaan yang tinggi dalam kohort umur 20 – 24 tahun. Dari segi gender, kadar penyertaan lelaki dijangka meningkat kepada 80%, manakala wanita kepada 49% (2010: 79.8%; 48%).

Peningkatan jumlah guna tenaga pada tahun 2011 disumbang oleh pewujudan pekerjaan baharu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan akan terus mengekalkan peratusan pekerjaan tertinggi pada kadar sebanyak 53.1% atau 6.5 juta guna tenaga pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dijangka mewujudkan 52% daripada keseluruhan pekerjaan baharu berbanding dengan 47% dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011. Arah aliran pewujudan **peluang pekerjaan** yang meningkat dicerminkan oleh pertambahan bilangan kekosongan pekerjaan berdaftar dengan JobsMalaysia sebanyak 2.3% kepada 1,353,114 dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: 49.5%; 1,322,143). Selaras dengan perkembangan ini, sektor perkhidmatan mencatatkan jumlah kekosongan pekerjaan tertinggi sebanyak 35.7% manakala pembuatan sebanyak 32.7%. Dari segi kumpulan pekerjaan,

CARTA 3.18

Penunjuk Pasaran Kerja¹ Januari – Ogos.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

bilangan tertinggi kekosongan pekerjaan adalah daripada pekerjaan asas yang meliputi 51.5% daripada jumlah pekerjaan. Namun begitu, permintaan untuk pekerjaan berkemahiran tinggi juga didapati meningkat 59.7% kepada 268,833 kekosongan pekerjaan berbanding dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari – Ogos 2010: 26.5%; 168,296).

Bilangan pencari kerja aktif yang berdaftar dengan JobsMalaysia sebaliknya berkurangan 3.5% kepada 342,198 dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 (Januari – Ogos 2010: -8%; 354,645). Majoriti pencari kerja berada dalam kumpulan umur 20 – 24 berjumlah 205,073, merangkumi 59.9% daripada jumlah keseluruhan pencari kerja, diikuti dengan kumpulan umur 25 – 29 (21%), kumpulan umur 30 dan lebih (9.9%) dan kumpulan umur 15 – 19 (9.2%). Majoriti pencari kerja terdiri daripada siswazah dan lepasan sekolah. Dalam tempoh tersebut,

JADUAL 3.24

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Tenaga buruh	12,361.3	12,645.7	2.3	2.3
Guna tenaga	11,937.1	12,226.7	2.6	2.4
Pengangguran	424.2	419.0	3.4 ²	3.3 ²

¹ Anggaran.² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

JADUAL 3.25

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹	2010	2011 ¹
Pertanian	1,390.3	1,389.4	0.0	-0.1	11.6	11.4
Perlombongan dan kuari	42.6	42.8	0.0	0.5	0.4	0.3
Pembuatan	3,381.7	3,533.1	5.4	4.5	28.3	28.9
Pembinaan	765.5	768.8	0.4	0.4	6.4	6.3
Perkhidmatan	6,357.0	6,492.6	2.1	2.1	53.3	53.1
Utiliti (elektrik, air dan gas)	100.2	102.0	2.5	1.8	0.8	0.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	683.4	704.2	1.2	3.1	5.7	5.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	2,226.3	2,297.9	4.0	3.2	18.7	18.8
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	839.3	854.4	1.7	1.8	7.0	7.0
Perkhidmatan Kerajaan	1,249.5	1,251.8	0.1	0.2	10.4	10.2
Perkhidmatan lain	1,258.3	1,282.3	1.5	1.9	10.5	10.5
Jumlah	11,937.1	12,226.7	2.6	2.4	100.0	100.0
Sektor Pertama	1,432.9	1,432.2	0.0	0.0	12.0	11.7
Sektor Kedua	4,147.2	4,301.9	4.4	3.7	34.7	35.2
Sektor Ketiga	6,357.0	6,492.6	2.1	2.1	53.3	53.1

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

60.6% daripada jumlah keseluruhan pencari kerja merupakan pemegang ijazah dan diploma manakala 29.7% adalah lepasan sekolah yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kerajaan terus melaksanakan beberapa langkah untuk membantu golongan penganggur. Sebanyak 2,748 siswazah telah ditawarkan peluang pekerjaan di beberapa agensi manakala kira-kira 3,000 siswazah lagi telah dilatih oleh Bank Negara Malaysia dan 25 syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah program Skim Latihan 1Malaysia. Selain itu, bantuan juga diperluaskan kepada golongan bukan siswazah melalui beberapa agensi Kerajaan, termasuk Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara, Pusat GIATMARA dan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia.

Selaras dengan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, bilangan **pekerja yang diberhentikan** kekal rendah sebanyak 6,751 dalam lapan bulan pertama 2011. Daripada jumlah ini, 87% merupakan pekerja tempatan, manakala selebihnya pekerja asing. Sektor pembuatan mencatatkan pemberhentian pekerjaan tertinggi sebanyak 4,474 pekerja atau 66.3% daripada jumlah pemberhentian pekerjaan.

Jumlah **pekerja asing** sehingga akhir Disember 2010, merangkumi 15.2% daripada tenaga kerja. Peraturan pekerja asing kepada jumlah tenaga kerja telah menurun kepada 10.7% berikutan daripada usaha Kerajaan untuk terus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing kurang mahir. Majoriti pekerja asing ini

terdiri daripada negara Asia seperti Indonesia (551,152), Nepal (254,431), Myanmar (153,140), Bangladesh (104,616), India (88,380) dan Vietnam (53,729). Kebanyakannya bekerja di sektor pembuatan (533,885), diikuti dengan pembinaan (198,906), perladangan (151,917), perkhidmatan (120,475) dan pertanian (118,449).

Dalam usaha memantau dan mengurus pekerja asing, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif 6P pada 13 Julai 2011. Program tersebut bertujuan mendaftarkan semua pekerja asing dalam negeri, termasuk pendatang asing tanpa izin. Program 6P merangkumi program Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran telah dilaksanakan dengan sokongan daripada perwakilan asing di Malaysia. Sehingga 11 September 2011, sejumlah 2.3 juta pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin telah berdaftar di bawah program 6P.

Bagi membantu negara mencapai ekonomi berasaskan inovasi dan berpendapatan tinggi, usaha terus giat dijalankan untuk menarik **ekspatriat** berkemahiran tinggi. Pada akhir Ogos 2011, sejumlah 41,831 ekspatriat (akhir Ogos 2010: 32,058) telah bekerja di negara ini, terutamanya dalam sektor perkhidmatan (23,763), pembuatan (12,355), pembinaan (2,188) dan pendidikan (1,308). Kebanyakan ekspatriat berasal dari India (8,651), China (4,487), Jepun (3,442) dan Pakistan (2,292). Tambahan pula, usaha yang lebih gigih telah dilaksanakan bagi menarik rakyat Malaysia yang berbakat di luar negara untuk kembali dan menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2011, sebanyak 424 permohonan daripada golongan professional yang berkerja di luar negara telah diluluskan.

Prospek 2012

Ekonomi Malaysia

Prospek pertumbuhan kekal menggalakkan

Pada tahun 2012, pertumbuhan KDNK Malaysia akan dipacu oleh permintaan domestik berikutan ketidakpastian ekonomi global yang semakin

mencabar. Walaupun persekitaran luar yang tidak menentu akan memberi kesan kepada prospek pada 2012, asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan makroekonomi yang pragmatik serta pelaksanaan ETP akan meningkatkan sumber pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta dijangka memainkan peranan yang penting dalam memacu perkembangan ekonomi pada tahun 2012. Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan dengan perbelanjaan modal PABK yang lebih tinggi. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membantu pelaburan swasta dengan melaksanakan inisiatif utama di bawah NKRA dan NKEA.

Dari sudut sektor luar, pengukuhan permintaan domestik di rantau Asia dan peningkatan perdagangan intraserantau akan menyokong eksport Malaysia. Oleh itu, pertumbuhan KDNK benar Malaysia dijangka kekal pada kadar 5% hingga 6% pada 2012. Unjuran ini turut mengambil kira pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana dan kegiatan perdagangan intraserantau yang kekal kukuh serta pemulihan eksport E&E Malaysia dan harga komoditi yang teguh.

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan yang menyeluruh

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka lebih menyeluruh. Sektor perlombongan dijangka kembali pulih dengan pengeluaran dianggar kembali kepada paras normal pada tahun 2012. Sektor pembinaan dijangka mencatat prestasi kukuh disokong oleh pembinaan projek infrastruktur yang besar, terutamanya projek aliran MY Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh – Kajang dan Sungai Nadi Kehidupan. Sektor pembuatan diunjurkan berkembang disokong oleh kegiatan industri berorientasikan domestik yang cergas dan peningkatan pasaran komputer peribadi global. Sektor perkhidmatan dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dan perdagangan serantau yang mampan. Pertumbuhan sektor pertanian akan disokong oleh peningkatan output minyak sawit dan getah serta pertumbuhan yang tinggi bagi segmen seperti ikan hiasan, sarang burung dan produk herba.

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dijangka kekal sebanyak 6.5% pada tahun 2012 (2011: 6.4%) dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans serta komunikasi. Penggunaan swasta yang kukuh, perdagangan intra Asia yang mampan, peningkatan perbelanjaan pelancong serta pelaksanaan EPP dijangka merancakkan lagi prestasi sektor ini. Selaras dengan perkembangan ini, sumbangan sektor perkhidmatan dijangka meningkat kepada 58.9% daripada KDNK.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** dijangka kekal pada 4.5% (2011: 4.5%), disokong sebahagian besar oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri berorientasi domestik khususnya subsektor berasaskan sumber. Industri berorientasi eksport dijangka meningkat dengan sederhana berikutan pemulihan dalam eksport E&E dan perdagangan serantau yang berdaya tahan. Permintaan E&E dijangka dipacu oleh pemulihan aktiviti penstokan semula berikutan paras inventori global yang rendah seperti dicerminkan dalam *book-to-bill ratio* yang sederhana iaitu kurang daripada satu dalam tempoh lapan bulan berturut-turut sepanjang 2011. Sehubungan dengan itu, Malaysia akan mendapat manfaat daripada perkembangan ini, khususnya permintaan untuk cip memori yang canggih serta aplikasi digital untuk industri automotif. Pengembangan dalam penggunaan domestik dan pelaburan yang berterusan dijangka menyokong pengeluaran industri berorientasi domestik. Prospek bagi subsektor industri berkaitan pembinaan juga akan kekal kukuh dengan pelaksanaan projek di bawah RMKe-10 dan NKEA.

Sektor pertanian dijangka berkembang 4.1% pada 2012 (2011: 4.7%) dengan kebanyakan subsektor mencatat prestasi yang kukuh. Kegiatan sektor perladangan, terutamanya kelapa sawit dan getah diunjurkan terus cergas sejajar dengan peningkatan hasil yang lebih tinggi. Pelaksanaan aktiviti penanaman semula yang lebih cepat serta peningkatan hasil FFB (2012: 21 tan metrik sehektar; 2011: 20.8 tan metrik sehektar) dan OER (2012: 20.5%; 2011: 20.5%) dijangka meningkatkan keluaran CPO kepada 18.7 juta tan metrik (2011: 18.3 juta tan metrik) pada

tahun 2012. Pengeluaran getah juga dijangka terus mengukuh kepada 1.04 juta tan metrik (2011: 1 juta tan metrik) berikutan perluasan kawasan tanaman dalam keadaan harga getah yang stabil. Sektor bukan perladangan diunjurkan lebih baik pada 2012 dengan pertumbuhan kukuh subsektor perikanan dan ternakan serta pertanian lain. Tambahan pula, usaha ke arah mentransformasikan sektor pertanian melalui aktiviti bernilai tambah tinggi seperti industri akuakultur, pertanian rumpai laut, dan sarang burung walit serta produk herba dijangka dapat meningkatkan lagi pertumbuhan sektor ini.

Sektor perlombongan dijangka berkembang 2.5% pada 2012 (2011: -2.4%), disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat berikutan penyelenggaraan dan Rancangan Pengurusan Reservoir PETRONAS yang telah siap. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) diunjurkan meningkat 3.3% kepada 620,000 tsh (2011: -6%; 600,000 tsh) disokong oleh peningkatan pengeluaran daripada medan minyak baharu, terutamanya medan minyak Gumusut Kakap di Sabah, dan Berantai di Terengganu. Pengeluaran LNG juga dianggarkan meningkat berikutan kerja-kerja menaik taraf dan pengembangan pelantar MLNG DUA yang telah selesai, dengan jumlah kapasiti pengeluaran LNG sebanyak 1.3 juta tan metrik setahun. Tambahan pula, dengan jangkaan aktiviti pengeluaran daripada kelompok medan Kumang, luar persisiran Sabah yang akan mula beroperasi menjelang akhir 2011, pengeluaran gas dijangka terus meningkat pada 2012.

Sektor pembinaan dijangka berkembang dengan kukuh sebanyak 7% pada 2012 (2011: 3.4%) didorong oleh pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar dan aktiviti pembinaan perumahan yang cergas. Kegiatan subsektor kejuruteraan awam akan disokong oleh pelaksanaan projek pembangunan bagi mempertingkatkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Projek ini termasuk kerja-kerja pembinaan aliran MRT Sungai Buloh – Kajang, terminal pengangkutan bersepadu (ITT) di Gombak untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam dan

mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Tambahan pula, pembangunan Sabah Gas and Oil Terminal, termasuk Loji Janakuasa Kitar Padu Gas 300MW di Sabah untuk membekalkan sumber tenaga bersih bagi memenuhi peningkatan permintaan elektrik di Sabah, akan terus menyokong pertumbuhan subsektor ini. Projek-projek lain yang akan menyokong subsektor ini, termasuk pembinaan KLIA2, kerja-kerja penyaluran bekalan air bersih dan bekalan elektrik yang berterusan ke kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak, serta pembinaan 430.7 km jalan luar bandar di bawah NKRA. Tambahan pula, projek koridor pembangunan yang berterusan seperti Lido Boulevard serta LEGOLAND Malaysia di Iskandar Malaysia dan kerja-kerja menaik taraf jalan pantai yang sedia ada di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) juga akan meningkatkan lagi pertumbuhan subsektor ini. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka terus berkembang disokong oleh permintaan perumahan yang lebih kukuh sejajar dengan pertambahan pendapatan isi rumah, kemudahan pembiayaan yang akomodatif dan sokongan Kerajaan yang berterusan bagi pemilikan rumah, khususnya Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Subsektor bukan kediaman juga dijangka kekal cergas, berikutan persekitaran perniagaan yang menggalakkan.

Permintaan Dalam Negeri

Pelaburan swasta memacu pertumbuhan

Dari sudut permintaan, penggunaan swasta dijangka lebih menyeluruh dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.1% pada 2012. Pertumbuhan ini berdasarkan keyakinan pengguna yang mantap dengan prospek pekerjaan yang stabil serta pendapatan isi rumah yang lebih tinggi. Harga komoditi yang kukuh akan menggalakkan perbelanjaan isi rumah luar bandar. Selain itu, program saraan baharu perkhidmatan awam akan dilaksana dengan menambah baik skim berkaitan. Program ini mampu meningkatkan lagi pendapatan boleh guna penjawat awam, seterusnya memberi kesan penggandaan yang tinggi ke atas ekonomi.

Pelaburan swasta dijangka mengekalkan momentum yang kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 15.9% disokong oleh aliran masuk FDI yang berterusan dan pelaksanaan EPP yang rancak. Projek infrastruktur utama dijangka merencanakan lagi pembangunan harta tanah di sekitar kawasan projek. Dengan aliran tunai yang kukuh, syarikat swasta dijangka meningkatkan lagi perbelanjaan modal mereka, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan, industri minyak dan gas serta perladangan. Di samping itu, pelbagai insentif yang telah disediakan untuk mempromosi kegiatan berteraskan sumber pertumbuhan baharu dan menggalakkan pengeluar beralih kepada aktiviti ekonomi dengan rantai nilai yang lebih tinggi dijangka meningkatkan pelaburan domestik. Pertumbuhan sektor baharu seperti sektor perkhidmatan, ICT, perladangan serta industri berasaskan sumber akan menjadi pemangkin utama dalam memacu aktiviti pelaburan swasta. Kerajaan terus menyokong pembangunan wilayah koridor dengan menyediakan infrastruktur dan menggiatkan projek-projek pemangkin bagi merangsang pelaburan swasta. Dengan pelaksanaan projek yang dijangka siap pada 2012 seperti LEGOLAND Malaysia dan projek-projek di bawah EduCity Iskandar Malaysia akan membuka lebih banyak peluang pelaburan di Wilayah Koridor Selatan.

Bagi sektor awam, walaupun Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal, dasar fiskal akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Usaha ini termasuk menyediakan dana mudahcara bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam merencanakan aktiviti pelaburan. Pada tahun 2012, perbelanjaan awam dijangka meningkat 4.7% dengan pelaburan awam berkembang 7%. Tumpuan perbelanjaan pembangunan awam akan diberikan kepada sektor sosial dan ekonomi bertujuan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja serta sokongan terhadap aktiviti R&D. Selain daripada pelaburan PETRONAS dalam medan minyak marginal dan projek hiliran, sebahagian besar pertumbuhan perbelanjaan modal awam dijangka disumbang oleh

perbelanjaan modal PABK yang lebih tinggi untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam. Sementara itu, sektor perbelanjaan penggunaan awam dijangka berkembang 3% berikutan peruntukan yang lebih tinggi bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Dengan mengambil kira prospek ekonomi negara yang menggalakkan, PNK per kapita nominal dijangka meningkat 7.4% kepada RM30,856 (2011: 9.7%; RM28,725). Dari segi PPP, pendapatan per kapita juga diunjurkan bertambah 5.5% untuk mencapai USD17,445 (2011: 17.1%; USD16,529).

Kedudukan Sumber Negara

Jurang tabungan pelaburan kekal positif

Pendapatan negara pada harga semasa dijangka berkembang 8.6% (2011: 10.9%). **Jurang tabungan pelaburan** diunjurkan mencatat lebihan yang ketara sebanyak RM92.9 bilion, mencakupi 10.4% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM89.3 bilion; 10.9%). Kedudukan yang menggalakkan ini disumbang oleh TNK yang lebih tinggi, dianggar sebanyak 34.5% daripada PNK. Paras TNK ini dijangka meningkat 7.9% kepada RM307.3 bilion (2011: 34.7%, 12.9%; RM284.7 bilion) dengan sektor swasta kekal sebagai penyumbang terbesar. Jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dianggar meningkat kepada RM214.4 bilion, menyumbang sebanyak 24.1% kepada PNK pada 2012 (2011: RM195.4 bilion, 23.8%). Dengan unjuran lebihan dalam jurang tabungan pelaburan, kedudukan sumber negara ini akan dapat menyediakan modal tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan bagi membiayai aktiviti ekonomi domestik.

Sektor Luar Negeri

Lebihan akaun semasa kekal tinggi

Kedudukan sektor luar negeri Malaysia dijangka kekal kukuh disokong oleh perdagangan intraserantau dan aktiviti berkaitan perkhidmatan yang berterusan. Akaun semasa dianggar mencatat lebihan bagi 15 tahun berturut-turut sejak tahun 1998, disokong oleh lebihan yang lebih besar dalam akaun barangan dan perkhidmatan. **Akaun barangan** dijangka mencatat lebihan sebanyak RM142.7 bilion (2011: RM139.7 bilion) dipacu oleh pengembangan aktiviti ekonomi domestik dan pendapatan eksport yang lebih tinggi daripada barangan pembuatan serta harga komoditi yang terus kukuh. Eksport dijangka berkembang 6% kepada RM724 bilion (2011: 6.7%; RM682.7 bilion), manakala import pula dianggar meningkat dengan ketara sebanyak 7% kepada RM581.2 bilion (2011: 7.5%; RM543 bilion) mencerminkan aktiviti pelaburan dan penggunaan domestik yang kukuh.

Akaun perkhidmatan dijangka mencatat pemulihan ketara kepada aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion pada 2012 (2011: -RM1.4 bilion). Sebaliknya, defisit **akaun pendapatan** dijangka meningkat kepada RM28 bilion (2011: -RM27.1 bilion) berikutan keuntungan dan dividen yang lebih tinggi daripada syarikat asing yang beroperasi di Malaysia. Di samping itu, aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** diunjurkan meningkat kepada RM22.8 bilion (2011: -RM21.9 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah lebihan dalam akaun barangan dan perkhidmatan lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa. Dengan mengambil kira perkembangan ini, kedudukan **akaun semasa** dijangka mencatat lebihan yang besar sebanyak RM92.9 bilion atau 10.4% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM89.3 bilion; 10.9%).